

**ANALISIS USLU:B INSYA:'IYY DALAM
ANTOLOGI IMAM SHAFIE**

WAN ZULKEFLEY BIN MOHAMMAD

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA**

2015

ANALISIS USLU:B INSYA:'IYY DALAM
ANTOLOGI IMAM SHAFIE

WAN ZULKEFLEY BIN MOHAMMAD

DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2015

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Wan Zulkefley bin Mohammad (No. K/P / Pasport : 780414-04-5103)

No. Pendaftaran / Matriks : TGA 080017

Nama Ijazah : SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (“Hasil Kerja ini”):

ANALISIS USLU:B INSYA:’IYY DALAM ANTOLOGI IMAM SHAFIE

Bidang Penyelidikan : BALAGHAH BAHASA ARAB

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini ;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli ;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya,saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh : 18.8.2015

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Nama : DR. MAT TAIB BIN PA

Jawatan : PENYELIA

Tarikh :

ABSTRAK

Kajian ini mengandungi perbincangan berkenaan Uslu:b Insha:’iyy yang terdapat dalam puisi-puisi karya Imam Shafie. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti sejauh mana kedudukan Imam Shafie sebagai seorang tokoh bahasa yang ulung melalui analisis puisi-puisi beliau dari aspek Uslu:b Insha:’iyy. Puisi-puisi daripada Qa:fiat al-Ta:’ diterjemahkan terlebih dahulu menggunakan kamus-kamus yang mu’tabar dan sumber-sumber rujukan lain yang berkaitan dengan balaghah. Kemudian puisi-puisi tersebut dianalisis dari aspek Uslu:b Insha:’iyy dan diklasifikasikan kepada al-Insha:’ al-Ṭalabiyy dan al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy. Seterusnya, maksud-maksud tersirat yang terdapat dalam puisi Imam Shafie diteliti dan dikupas satu persatu. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab Pertama merupakan bab pendahuluan. Bab Kedua pula berkisar tentang sejarah hidup Imam Shafie dan penglibatan beliau dalam bidang Bahasa Arab. Manakala perbincangan berkenaan Uslu:b Insha:’iyy dari segi definisi dan jenis-jenisnya terkandung di dalam Bab Ketiga. Dalam Bab Keempat, puisi-puisi daripada Qa:fiat al-Ta:’ Imam Shafie dianalisis dari aspek Uslu:b Insha:’iyy. Seterusnya, bab terakhir iaitu Bab Kelima merupakan bab rumusan dan penutup. Kajian yang dibuat mendapati bahawa Imam Shafie lebih cenderung menggunakan al-Insha:’ al-Ṭalabiyy berbanding al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy dalam puisi beliau. Puisi-puisi tersebut mengandungi pelbagai maksud tersirat di sebalik jenis-jenis Uslu:b Insha:’iyy yang digunakan. Kepelbagaian ini jelas menunjukkan kehebatan bahasa puisi Imam Shafie yang selayaknya dinobatkan sebagai salah seorang tokoh bahasa terulung.

ABSTRACT

This study contain the debate Uslu:b Insyah'iyy that occur in work verses Imam Shafie. This objective of the study was to identify how far position Imam Shafie as an language personality that is premier through analysis his verses from aspect Uslu:b Insyah'iyy. Verses from Qa:fiat al-Ta:' translated first use dictionaries that mu'tabar and other reference resources related to balaghah. Then verses analyses from aspect Uslu:b Insyah'iyy and classified to al-Inshah'al-Talabiyy and al-Inshah' Ghayr al-Talabiyy. After that, purposes implied that occur in poetry Imam Shafie scrutinized and are taken apart one by one. This study divided into five chapter. First Chapter is preface chapter. Second Chapter on the other hand revolve on background Imam Shafie and his involvement in field Bahasa Arab. While the debate Uslu:b Insyah'iyy from definition aspect and the types contained in Third Chapter. In Fourth Chapter, verses from Qa:fiat al-Ta:' Imam Shafie analyses from aspect Uslu:b Insyah'iyy. After that, last chapter namely Fifth Chapter is summary chapter and cover. Study made find that Imam Shafie more prone use al-Inshah'al-Talabiyy compared al-Inshah' Ghayr al-Talabiyy in his poetry. Verses contain various meanings implied behind types Uslu:b Insyah'iyy used. Diversity this obviously shows Imam Shafie poetic language greatness that is appropriately enthroned as one of superior language personality.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ke atas keluarga baginda, para sahabat dan ta:bi'i:n. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat kudrat dan inayah-Nya, dapatlah penulis menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Bersama-sama ini, penulis mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya di atas tunjuk ajar yang diberikan selama tempoh mengikuti kursus Sarjana Pengajian Bahasa Moden di fakulti ini.

Ucapan terima kasih khususnya kepada Dr. Mat Taib bin Pa selaku penyelia tesis yang banyak memberi panduan dan nasihat sepanjang menyempurnakan disertasi ini.

Juga tidak lupa ucapan terima kasih kepada ayahanda Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman dan bonda Hajjah Raja Nur 'Ain binti Raja Malek yang telah mendidik anakanda sejak kecil dan sentiasa mendoakan kejayaan anakanda dari semasa ke semasa. Terima kasih jua buat seisi keluarga mertua ayahanda Haji Salleh bin Abdullah dan al-marhu:maṭ Hajjah Siti Esah binti Khatib Ngah. Sekalung budi buat kekanda Wan Moharani bin Haji Mohammad sekeluarga dan kekanda Wan Noraidah binti Haji Mohammad sekeluarga yang banyak menghulurkan bantuan kepada penulis sepanjang berulang-alik dari Segamat ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Juga terima kasih buat semua keluarga yang berada di Klang, Dungun dan Chendering.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan kasih sayang untuk isteri tercinta, Nini Suryana @ Nur Izzah binti Salleh yang sabar dan tabah serta sentiasa memberi semangat dan sokongan buat abang dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat master ini. Teristimewa buat anak-anak tersayang Wan Nur Madihah, Wan Muhammad

Muhaimin, Wan Nur Husna dan Wan Muhammad Hafeez. Jadikanlah perjuangan abah ini sebagai pembakar semangat untuk kalian semua mencapai kejayaan yang berterusan pada masa hadapan.

Terima kasih jua kepada rakan-rakan sekerja di SMK Bandar Putra, SMK Dato' Bentara Dalam, Segamat, Johor dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi kerjasama dan sokongan moral.

Akhir kata, penulis menadah tangan memanjatkan doa kepada Allah S.W.T agar segala usaha yang dilakukan ini mendapat keberkatan dan kebaikan untuk semua pembaca budiman. Semoga kita dapat sama-sama mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. A:mi:n.

WAN ZULKEFLEY BIN MOHAMMAD
Segamat, Johor.

KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v-vi
Kandungan	vii - x
Senarai Jadual	xi - xii
Senarai Singkatan Kata	xiii
Pedoman Transliterasi Ejaan Arab Ke Melayu	xiv - xvi

BAB 1

PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1 - 2
1.2	Pernyataan Masalah	2 - 4
1.3	Objektif kajian	4
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Metodologi Kajian	5 - 7
1.6	Batasan Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8 - 10
1.8	Kajian-kajian Lepas	10 - 14
1.9	Rangka Kajian	14 - 15
1.10	Rumusan bab	15

BAB 2

BIODATA IMAM SHAFIE R.A

2.0	Pendahuluan	16
2.1	Biodata Imam Shafie	16 - 19
2.2	Kelahiran Imam Shafie	19 - 21
2.3	Perjalanan Ilmiah Imam Shafie	21 - 23
2.3.1	Ketokohan Dalam Penghafalan Al-Quran	23 - 24
2.3.2	Ketokohan Dalam Hadis dan Fiqh	24 - 28
2.3.3	Ketokohan Dalam Bahasa Arab, Puisi, Nasab dan Sejarah	28 - 33
2.4	Murid-murid Imam Shafie	33 - 34
2.5	Pandangan Ulama' Terhadap Imam Shafie	34 - 38
2.6	Puisi Imam Shafie	38 - 40
2.7	Kewafatan Imam Shafie	40 - 42
2.8	Rumusan bab	42

BAB 3

USLU:B INSYA:'IYY DAN ASPEK-ASPEK PENTING

YANG BERKAITAN DENGANNYA

3.0	Pendahuluan	43
3.1	Pengertian Ilmu al-Ma'a:niyy	43 - 44
3.2	Pengertian Uslu:b Insyas:'iyy	45
3.3	Jenis-jenis Uslu:b Insyas:'iyy	45 - 46
3.3.1	Al-Inshas:' Al-Talabiyy	46
3.2.1.1	Al-'Amr (الأَمْر)	46 - 54

3.2.1.2	Al-Nahy (النَّهْيُ)	54 - 61
3.2.1.3	Al-Tamanniyy (التَّمَنِّي)	61 - 67
3.2.1.4	Al-Nida:’ (النَّدَاءُ)	67 - 73
3.2.1.5	Al-Istifha:m (الإِسْتِفْهَامُ)	73 - 84
3.3.2	Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy	84 - 85
3.3.2.1	Al-Madh / Al-Dhamm (المَدْحُ وَالذَّمُّ)	85 - 87
3.3.2.2	Al-‘Uqu:d (العُقُودُ)	87 - 88
3.3.2.3	Al-Qasam (القَسَمُ)	88 - 91
3.3.2.4	Al-Ta’ajjub (التَّعَجُّبُ)	91 - 94
3.3.2.5	Al-Raja:’ (الرَّجَاءُ)	94 - 96
3.3.2.6	Rubba (رُبَّ)	96 - 97
3.3.2.7	Kam Al-Khabariyyat (كَمْ الْخَبَرِيَّةِ)	97 - 98
3.4	Rumusan bab	98 - 99

BAB 4

ANALISIS USLU:B INSYA:’IYY

DALAM ANTOLOGI IMAM SHAFIE R.A

4.0	Pendahuluan	100
4.1	Terjemahan Puisi Qa:fiat al-Ta:’	101 - 111
4.2	Analisis Al-Insha’ Al-Ṭalabiyy Dalam Puisi Qa:fiat al-Ta:’ Imam Shafie	111 - 123
4.2.1	Al-’Amr (Ayat Perintah)	111 - 117

4.2.2	Al-Nahy (Ayat Larangan)	117 - 119
4.2.3	Al-Istifha:m (Kata Tanya)	119 - 121
4.2.4	Al-Tamanniyy (Angan-Angan)	121 - 122
4.2.5	Al-Nida:’ (Kata Seru)	122 - 123
4.3	Analisis Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy Dalam Puisi Qa:fiat al-Ta:’ Imam Shafie	123 - 124
4.3.1	Al-Qasam (Sumpah)	123 - 124
4.4	Rumusan bab	124 - 126

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	127
5.1	Kesimpulan	127 - 130
5.2	Cadangan	131 - 132
5.3	Rumusan bab	132 - 133
	Bibliografi	134 - 137

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1 : Jenis-Jenis Uslu:b al-Insya:’iyy	45
Jadual 2 : Bentuk-bentuk Kata Suruhan / Perintah (al-’Amr)	48
Jadual 3 : Maksud-maksud tersirat Dalam Konteks Ayat Suruhan / Perintah	53
Jadual 4 : Bentuk-bentuk Kata Larangan ./ Tegahan (Al-Nahy)	56
Jadual 5 : Maksud-maksud Tersirat Dalam Konteks Ayat Larangan / Tegahan	60 - 61
Jadual 6 : Bentuk-bentuk Kata al-Tamanniyy / Subjungtif (Al-Tamanniyy)	66 - 67
Jadual 7 : Bentuk-bentuk Kata Al-Nida:’ (Seruan)	70
Jadual 8 : Maksud-maksud Tersirat Dalam Konteks Ayat Seruan	73
Jadual 9 : Bentuk-bentuk al-Istifha:m (Kata Tanya)	77 - 78
Jadual 10 : Maksud-maksud Tersirat Dalam Konteks Ayat Tanya	83 - 84
Jadual 11 : Lafaz-lafaz Al-Madh / Al-Dhamm (Pujian / Celaan)	87
Jadual 12 : Lafaz dan Jenis Al-’Uqu:d (Akad)	88
Jadual 13 : Lafaz-lafaz Al-Qasam (Sumpah)	91
Jadual 14 : Lafaz-lafaz Al-Ta’ajjub (Kagum)	93 - 94
Jadual 15 : Lafaz-lafaz Al-Raja:’ (Harapan)	96
Jadual 16 : Penggunaan Rubba	97
Jadual 17 : Senarai Tajuk Puisi Dalam Qa:fiat Al-Ta:’ dan Jumlah Bait Puisi	101
Jadual 18 : Jumlah Bilangan Pengucapan Al-Insha: ’Al-Ṭalabiyy dan Maksud Tersirat	125

Jadual 19 : Jumlah Bilangan Pengucapan Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy dan Maksud Tersirat	125 - 126
Jadual 20 : Lafaz, jenis pengucapan dan maksud tersirat Uslu:b Al-Insha:’ Al-Ṭalabiyy	129
Jadual 21 : Lafaz, jenis pengucapan dan maksud tersirat Uslub Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy	129

SINGKATAN KATA

A.S	: ‘alayh al-sala:m
IPTA	: Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	: Institut Pengajian Tinggi Swasta
P & P	: Pengajaran dan Pembelajaran
S.W.T	: Subha:nah wa ta’ala
S.A.W	: Şallalla:h ‘alayh Wa Sallam
r.a	: Rađiallah ‘anhu
UM	: Universiti Malaya
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia
UNISZA	: Universiti Sultan Zainal Abidin
UPM	: Universiti Putra Malaysia

PEDOMAN TRANSLITERASI EJAAN ARAB KE MELAYU

Penulis menggunakan Sistem Transliterasi yang diterbitkan oleh Jabatan Bahasa Arab Dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya (Edisi 2006) seperti berikut:-

a. Konsonan

Lambang Huruf	Nama/Bunyi Huruf	Transliterasi	Contoh Penggunaan
ء	Hamzaṭ	'	Sa'ala = سَأَلَ
ب	Ba:ʾ	B	Ba:b = بَاب
ت	Ta:ʾ	T	Ti:n = تَيْن
ث	Tha:ʾ	Th	Thala:thaṭ = ثَلَاثَةٌ
ج	Ji:m	J	Jild = جِلْد
ح	Ḥa:ʾ	Ḥ	Ḥasan = حَسَن
خ	Kha:ʾ	Kh	Khuru:j = خُرُوج
د	Da:l	D	Dayn = دَيْن
ذ	Dha:l	Dh	Dhulkifl = ذُو الْكِفْلِ
ر	Ra:ʾ	R	Ra:fiʿ = رَافِع
ز	Za:y	Z	Zamhari:r = زَمَّهَرِير
س	Si:n	S	Sa:dis = سَادِس
ش	Shi:n	Sh	Sharq = شَرْق
ص	Ṣa:d	Ṣ	Ṣiya:m = صِيَام
ض	Ḍa:ḍ	Ḍ	Ḍiya:ʿ = ضِيَاع
ط	Ṭa:ʾ	Ṭ	Ṭari:q = طَرِيق
ظ	Za:ʾ	Z	Zila:l = ظِلَال
ع	ʿAyn	ʿ	ʿA:lim = عَالِم

غ	Ghayn	Gh	Ghiya:b = غِيَاب
ف	Fa:'	F	Fasl = فَصْل
ق	Qa:f	Q	Qiya:m = قِيَام
ك	Ka:f	K	Kala:m = كَلَام
ل	La:m	L	Lubna:n = لُبْنَان
م	Mi:m	M	Muharram = مُحَرَّم
ن	Nu:n	N	Namir = نَمِير
ه	Ha:'	H	Hind = هِنْد
و	Wa:w	W	Wahha:b = وَهَّاب
ي	Ya:'	Y	Yawm = يَوْم
ة	Ta:' Marbu:ṭaṭ	T	Marraṭ = مَرَّة

b. Vokal Pendek

Lambang Vokal	Transliterasi	Contoh
اَ	a	Akala = أَكَل
اِ	i	'Alima = عَلِمَ
اُ	u	Karuma = كَرُمَ

c. Vokal Panjang

Lambang Vokal	Transliterasi	Contoh
اَ	a:	Qa:l = قَالَ
يَ	i:	Kari:m = كَرِيمٌ
وُ	u:	Maktu:b = مَكْتُوبٌ

d. DIFTONG

Lambang Vokal	Transliterasi	Contoh
أَيَّ	ay	Si:bawayh = سَيْبَوَيْهَ
أَوْ	aw	Al-Tawbaṭ = التَّوْبَةُ

e. TASHDI:D YA:’

Lambang Vokal	Transliterasi	Contoh
يَّ	Yy	Makkiyy = مَكِّيٌّ
	e	مَجْرَهَا

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab Satu merupakan pengenalan dan gambaran awal terhadap kajian yang dipilih oleh penulis. Bab ini dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, metodologi kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kajian-kajian lepas, rangka kajian dan rumusan bab.

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran. Banyak rahsia yang merangkumi pelbagai jenis ilmu pengetahuan terkandung di dalam kitab al-Quran. Penguasaan dalam bidang Bahasa Arab sudah pasti membantu terhadap pemahaman ilmu-ilmu tersebut. Bidang Bahasa Arab pula sangat luas. Antaranya, bidang Nahu, Şaraf dan Balaghah. Ketiga-tiga ilmu tersebut saling berkaitan antara satu sama lain. Namun yang paling menarik minat penulis ialah bidang Balaghah.

Balaghah juga dikenali dengan nama retorika. Retorika bermaksud petah dan fasih dalam percakapan (Kamus Dewan, 2005). Menurut Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (1996), Balaghah dinyatakan sebagai penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna. Pembelajaran ilmu Balaghah amat penting dalam Bahasa Arab bagi memudahkan pemahaman terhadap sesutau teks Arab kerana bahasa Arab

adalah bahasa yang unik dan penuh dengan gaya bahasa retorika. Kefahaman dalam retorika Arab akan memudahkan seseorang memahami maksud sesuatu struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan dalam ayat tersebut terutama dalam memahami al-Quran dan Hadis.

Balaghah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Ilmu Al-Baya:n, Ilmu Al-Ma'a:niyy dan Ilmu Al-Badi:'. Ketiga-tiga ilmu ini boleh dipelajari dengan cara mengkaji teks-teks karya tokoh bahasa Arab. Sebagai contoh, puisi merupakan salah satu teks karya yang boleh dikaji dari segi balaghah. Dalam kajian ini, penulis telah memilih untuk mengkaji karya puisi seorang tokoh bahasa Arab yang diakui ramai ulama silam iaitu Imam Shafie. Kajian yang dilakukan hanyalah tertumpu kepada Uslu:b Insha:'iyy yang merupakan sebahagian daripada Ilmu Al-Ma'a:niyy.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini menjadi pilihan penulis bagi mengenalpasti kedudukan Imam Shafie sebagai ahli bahasa Arab memandangkan tidak banyak kajian terhadap beliau dari aspek bahasa dilakukan sebelum ini. Kajian yang sedia ada lebih tertumpu kepada bidang al-Fiqh kerana Imam Shafie salah seorang tokoh 4 mazhab yang terkenal. Beliau bukan sahaja merupakan tokoh dalam bidang al-Fiqh semata-mata, tetapi juga merupakan tokoh Bahasa Arab yang mu'tabar. Ini diakui sendiri oleh ramai ulama' silam seperti Al-Rabi:' bin Sulayman yang berkata, "Aku mendengar 'Abd al-Malik bin Hisham al-Nahwiyy berkata, "Imam Shafie adalah ahli bahasa." Menurut Imam Ahmad bin Hanbal pula, Imam Shafie adalah orang yang paling fasih bacaannya, sehingga Imam Malik pun mengaguminya. Menurut Imam Malik, dia tidak pernah melihat orang

sefasih Imam Shafie.¹ Pengiktirafan yang diberikan oleh ulama-ulama tersebut jelas menunjukkan kewibawaan Imam Shafie dalam bidang bahasa memandangkan latar belakang beliau yang pernah tinggal bersama-sama kabilah Hudzayl yang fasih berbahasa Arab selama 17 tahun.²

Penulis memilih Uslu:b Insha:'iyy sebagai tajuk kajian kerana Imam Shafie banyak mengguna uslub tersebut dalam pengucapan puisi beliau. Sebagaimana yang diketahui, Uslu:b Insha:'iyy terbahagi kepada dua jenis iaitu al-Insha:' al-Ṭalabiyy dan al-Insha:' Ghayr al-Ṭalabiyy. Kedua-dua jenis al-Insha:' ini terbahagi pula kepada banyak jenis. Oleh yang demikian, melalui kajian ini, jenis-jenis Uslu:b Insha:'iyy dalam puisi beliau akan dapat dikenalpasti dan dianalisis penggunaannya.

Selain itu, kajian ini akan cuba mengenalpasti maksud-maksud tersirat yang terkandung di sebalik penggunaan Uslu:b Insha:'iyy oleh Imam Shafie dalam puisi. Maksud-maksud yang tersirat tersebut akan dikupas satu persatu hasil daripada dapatan jenis Uslu:b Insha:'iyy yang diperolehi. Maksud-maksud yang tersirat ini sangat penting untuk mengetahui tujuan pengucapan puisi Imam Shafie yang sebenarnya.

Uslu:b Insha:'iyy ini sangat penting dalam penggunaan bahasa Arab harian. Penggunaan uslub yang betul dapat menyampaikan maksud dengan tepat tanpa sebarang salah faham pengertiannya yang sebenar. Penggunaan kata-kata yang salah boleh menyukarkan pemahaman dan menimbulkan rasa kekeliruan pendengar. Sebagai contohnya kata seorang bapa kepada anaknya, “ Pergilah ”. Secara zahirnya, ungkapan tersebut mengandungi satu perintah melakukan sesuatu iaitu “pergi”. Tetapi arahan tersebut boleh jadi mengandungi makna tersirat yang lain dan bukanlah bermaksud untuk melakukan perbuatan “pergi”. Berkemungkinan perintah tersebut merupakan

¹ Muḥammad 'Alif Al-Za'by, Nasihat Imam Shafie, hlm 13

² Ibid, hlm 3

larangan supaya tidak pergi sekiranya diungkapkan dengan nada yang agak tinggi. Larangan berbentuk perintah ini kadang-kadang lebih terkesan dalam hati seorang anak berbanding penggunaan ungkapan “jangan pergi” yang biasa digunakan. Penggunaan Uslu:b Insha:’iyy yang pelbagai ini mengindahkan pengucapan kata-kata dalam menarik perhatian dan minat pendengar.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan kepentingan kajian ini, terdapat tiga objektif yang menjadi pilihan penulis iaitu :-

- a. Menjelaskan kedudukan Imam Shafie sebagai ahli bahasa Arab.
- b. Menganalisis penggunaan jenis Uslu:b Insha:’iyy dalam puisi Imam Shafie.
- c. Mengenalpasti maksud tersirat di sebalik lafaz al-Insha:’ dalam puisi Imam Shafie.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut :-

- a. Bagaimanakah kedudukan Imam Shafie sebagai ahli bahasa Arab ?
- b. Apakah jenis Uslu:b Insha:’iyy yang terkandung dalam puisi Imam Shafie ?
- c. Mengapakah lafaz al-Insha:’ dalam puisi Imam Shafie digunakan dalam mengungkapkan maksud tersirat ?

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian teks yang berbentuk kualitatif. Terlebih dahulu penulis membuat rujukan di beberapa perpustakaan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitandengan Imam Shafie dan pengiktirafan ulama' terhadap beliau sebagai ahli bahasa. Pengiktirafan itu penting untuk meninjau sejauh mana penglibatan Imam Shafie dalam bidang bahasa Arab. Oleh itu penulis telah membuat rujukan buku-buku yang muktabar dalam bahasa Arab seperti buku "Mana:qib al-Sha:fi'iy". Manakala rujukan Arab yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu juga turut digunakan oleh penulis untuk menyingkap riwayat hidup Imam Shafie seperti buku "Ensiklopedia Imam Al-Syafie". Maklumat-maklumat yang berkenaan Imam Shafie dan penglibatannya dalam bahasa Arab disatukan dan dikumpulkan sebelum dibuat perbandingan antara satu sama lain bagi mencapai objektif pertama kajian ini iaitu menjelaskan kedudukan Imam Shafie sebagai ahli bahasa Arab. Selain menggunakan perpustakaan peribadi, penulis juga memperolehi sumber rujukan dari :

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- iv. Perpustakaan Unversiti Kebangsaan Malaysia.
- v. Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin.


Selain itu terdapat banyak buku berkaitan Imam Shafie dan puisi beliau dalam bahasa Melayu yang turut dijadikan sebagai rujukan sampingan. Penulis juga membuat rujukan di laman-laman web untuk menambahkan sumber rujukan berkaitan maksud puisi Imam Shafie dalam bahasa Inggeris seperti " [forums.islamicawakening.com / threads / the-great-poems-of-imam-al-shafii.63285](http://forums.islamicawakening.com/threads/the-great-poems-of-imam-al-shafii.63285), www.iamammar.com / The

PoetryofImam Al-Shafi.pdf, www.ummah.com > Forum > PoetsCorner.” Data-data yang diperolehi dikumpulkan serta diasingkan mengikut keperluan bab dan fasal kajian. Penulis melakukan proses ini secara pemerhatian teliti dan bersistematik supaya semua maklumat yang diperolehi itu adalah benar dan tepat. Sebagai contoh, puisi-puisi yang dipilih oleh penulis untuk dijadikan kajian iaitu Qa:fiat al-Ta:’ diterjemahkan terlebih dahulu berdasarkan terjemahan dan huraian puisi asal Imam Shafie oleh beberapa orang pengkritik Arab yang terkemuka. Kemudian penulis membuat rujukan di internet untuk mendapatkan terjemahan puisi dalam bahasa Inggeris. Setelah perbandingan terjemahan dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris tersebut dilakukan, terjemahan ini dimurnikan lagi maknanya dengan merujuk pelbagai kamus yang mu’tabar bagi mendapatkan kesahihan makna puisi yang lebih tepat untuk diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan ini sangat penting untuk mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Imam Shafie. Puisi yang diterjemah kebiasaannya mempunyai perkaitan di antara puisi yang sebelum dan puisi yang selepasnya. Terjemahan kesemua puisi tersebut telah membantu penulis dalam memahami makna puisi secara keseluruhan.

Setelah melalui proses terjemahan, puisi-puisi yang mengandungi Uslu:b Insha:’iyy diasingkan dan dianalisis untuk diklasifikasikan sama ada berbentuk al-Inhya’ al-Ṭalabiyy atau al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy. Proses analisis ini memerlukan proses pemerhatian yang mendalam bagi menentukan bentuk-bentuk lafaz yang digunakan bertepatan atau tidak dengan Uslu:b Insha:’iyy. Pemerhatian yang dibuat berdasarkan terjemahan yang dilakukan sebelum ini dan perkaitan di antara puisi yang sebelum dengan puisi yang selepasnya. Dalam kategori al-Insha:’ Ṭalabiyy, puisi-puisi akan disaringkan kepada bentuk-bentuk lafaz al-’Amr, Al-Nahy, Al-Tamanni:yy, Al-Nida:’ ataupun Al-Istifha:m. Manakala dalam kategori al-Insha:’ Ghayr Ṭalabiyy, puisi-puisi akan dikenalpasti sama ada mengandungi bentuk-bentuk lafaz al-Madh / Al-

Dhamm, Al-‘Uqu:d, Al-Qasam, Al-Ta‘ajjub, Al-Raja:’, Rubba atau Kam al-Khabariyyat.

Melalui analisis dan pemerhatian ini, penulis dapat menentukan setiap jenis bentuk lafaz al-Insha:’ yang digunakan oleh Imam Shafie. Setelah itu, setiap bentuk lafaz al-Insha:’ diteliti dan dihuraikan satu persatu untuk merungkai maksud-maksud yang tersirat dan rahsia penggunaan setiap lafaz tersebut. Penulis menjadikan buku karangan Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s iaitu “ Al-Bala:ghaṭ Funu:nuha wa Afna:nuha:‘Ilm al-Ma’a:niyy ” sebagai rujukan utama dalam mengaitkan maksud tersirat setiap lafaz al-Insha:’. Penulis juga turut mengambil contoh petikan-petikan daripada al-Quran resam ‘Uthma:niyy dalam menghuraikan kesamaan penggunaan dan tujuan dalam puisi Imam Shafie. Manakala sumber-sumber rujukan lain yang berkaitan dengan balaghah digunakan untuk menyokong huraian dan analisis yang dilakukan. Akhir sekali penulis telah membuat rumusan daripada huraian dan analisis yang diperolehi dengan melihat kekerapan penggunaan setiap jenis lafaz al-Insha:’.



Carta 1 : Carta Prosedur Analisis Data Puisi

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini difokuskan kepada analisis puisi Imam Shafie yang terkandung dalam buku asal “Di:wa:n al-Ima:m al-Sha:fi‘iyy ” iaitu ulasan oleh Dr.‘Umar Fa:ruq al-Ṭiba:‘. Dalam kajian ini, penulis membataskan kajian terhadap Qa:fiaṭ al-Ta:’ daripada Antologi Imam Shafie memandangkan qa:fiaṭ ini mengandungi contoh-contoh Uslu:b Insyā:’iyy yang lebih menyeluruh berbanding qa:fiaṭ-qa:fiaṭ yang lain. Qa:fiaṭ ini mengandungi 34 bait puisi yang dibahagikan kepada 11 tajuk kecil. Penulis memilih untuk mengkaji karya puisi Imam Shafie kerana tidak banyak terdapat kajian Balaghah mengenai hasil penulisan beliau sebelum ini.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini sangat penting dan memberi manfaat kepada pengkaji bahasa terutamanya ahli akademi, pelajar, masyarakat dan negara.

1.7.1 Kepentingan kepada ahli akademik.

Kajian ini sangat penting buat pengkaji bahasa Arab dan ahli akademik sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat IPTA dan bagi menobatkan Imam Shafie sebagai pakar bahasa Arab. Kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini lebih tertumpu dalam bidang fiqh semata-mata. Ini menyebabkan kajian terhadap Imam Shafie dalam bidang bahasa Arab dipinggirkan sedangkan banyak puisi yang diungkapkan oleh Imam Shafie yang boleh dijadikan kajian bahasa Arab. Amatlah rugi jika puisi karya seorang tokoh yang hebat ini tidak dijadikan sebagai kajian oleh ahli bahasa

dan akademik. Kebanyakan puisi beliau hanya diterjemah sahaja tanpa dikaji secara mendalam dari aspek balaghah. Oleh itu kajian demi kajian perlu dilakukan agar kehebatan Imam Shafie dapat diserlahkan melalui karya puisi beliau. Banyaknya puisi yang diungkapkan oleh Imam Shafie jelas menunjukkan beliau meminati bidang kesusasteraan Arab tanpa melupakan kepentingan dalam bidang fiqh. Kehebatan Imam Shafie dalam berpuisi ini dapat menarik perhatian para pengkaji untuk mengamati secara mendalam nilai-nilai estetika dan keindahan bahas dalam karya beliau. Ini juga membuktikan puisi merupakan salah satu wadah yang penting dalam menyampaikan mesej-mesej tertentu terutamanya dalam berdakwah agar masyarakat tidak berasa jemu.

1.7.2 Kepentingan kepada pelajar

Manakala bagi pihak pelajar pula, mempelajari puisi Imam Shafie merupakan sesuatu yang menyeronokkan. Pelajar-pelajar akan dapat mempelajari unsur-unsur balaghah yang terkandung dalam puisi Imam Shafie dan dalam masa yang sama dapat menjadikan puisi tersebut sebagai satu motivasi dan pegangan hidup memandangkan kandungannya yang penuh dengan kata-kata nasihat, pengajaran dan teguran membina. Selain itu pelajar juga akan lebih berminat dan terdorong mengikuti ketokohan Imam Shafie yang berjaya menguasai kedua-dua bidang bahasa Arab dan fiqh.

1.7.3 Kepentingan kepada masyarakat

Masyarakat awam juga perlu tahu tentang puisi Imam Shafie ini agar dapat mengambil iktibar dan pengajaran daripada apa yang diungkapkan

oleh beliau. Puisi Imam Shafie boleh dijadikan sebagai panduan dalam menjalani kehidupan bermasyarakat ekoran banyaknya kata-kata Imam Shafie yang berkenaan dengan akhlak dan sahsiah mulia. Sebagaimana yang kita ketahui, masyarakat awam lebih mengenali Imam Shafie sebagai imam dalam bidang fiqh berbanding sebagai pakar bahasa. Oleh itu, melalui pendedahan puisi-puisi ini diharapkan masyarakat akan lebih mengenali Imam Shafie sebagai salah seorang tokoh bahasa dan bukannya imam dalam bidang fiqh semata-mata.

1.7.4 Kepentingan kepada negara

Negara juga akan mendapat manfaat daripada kajian yang dilakukan ini memandangkan Malaysia merupakan salah satu negara yang berpegang kepada mazhab Imam Shafie. Kajian ini secara tidak langsung akan mengangkat martabat Imam Shafie di mata masyarakat negara Malaysia. Ini sekaligus dapat menghapuskan bibit-bibit percambahan ajaran-ajaran sesat yang semakin berleluasa di dalam negara. Sudah pasti tokoh yang hebat menjadi ikutan masyarakat. Oleh itu kajian ini penting kepada negara agar kehebatan Imam Shafie dapat ditonjolkan dan diketengahkan seterusnya menjadi ikutan masyarakat.

1.8 Kajian-Kajian Lepas

Menurut Najihah binti Abd Wahid dalam tesis Master yang berjudul “Al-Tahlil Al-Lughawi Dari Puisi-Puisi Terpilih Diwan Al-Shafi’e Mengikut Metode Muhammad ‘Abd Al-Ghani Al-Misri”, 2002, UKM, (m/s 115 - 116), beliau membuat kesimpulan

bahawa kebanyakan teks puisi kajian bertemakan nasihat dan peringatan. Kata-kata nasihat yang diselitkan dalam puisinya adalah dalam ungkapan yang mudah difahami. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian penulis dari segi tema puisi yang digunakan oleh Imam Shafie dalam Qa:fiat al-Ta:’ iaitu tema nasihat dan peringatan. Menurut Najihah juga, penyair lebih cenderung menggunakan kata kerja kini dan kata kerja lampau dalam pengucapannya. Kebanyakan penggunaan kata kerja kini diaplikasi oleh penyair dalam menceritakan realiti yang berlaku dalam masyarakatnya untuk diambil iktibar oleh pendengarnya. Penggunaan kata kerja lampau pula banyak menyentuh tentang pemerian lampau dan pengalaman peribadi penyair dalam kehidupan.

Manakala menurut Wan Azura Wan Ahmad, dalam tesis Master yang berjudul “ Peranan Syair Dalam Penghujahan Bahasa Arab Serta Pandangan Rasulullah s.a.w Mengenalinya”, 2003, UKM, (m/s 98), pandangan Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a terhadap puisi adalah jelas. Hanya puisi yang memenuhi nilai-nilai ajaran Islam sahaja diterimapakai. Beliau juga mendapati penghujahan puisi mencakupi semua bidang sama ada bahasa atau tatabahasa. Dalam ilmu tatabahasa, puisi terpilih sebagai sumber penghujahan kerana kesahihan tatabahasanya, manakala dalam bidang bahasa, puisi mendapat tempat kerana ketinggian nilai bahasa yang tersimpan di dalamnya. Berdasarkan kajian Wan Azura ini jelaslah bahawa puisi karya Imam Shafie yang dikaji oleh penulis ini menepati dengan nilai-nilai Islam dan boleh dijadikan hujah dalam tatabahasa kerana tidak terdapat satupun yang bercanggah dengan al-Quran dan hadis.

Hasil kajian Khazri Osman dan Siti Rugayah Tibek dalam Jurnal al-Hikmah terbitan UKM, jilid 4 (2014) yang berjudul “Nilai Spiritual Dalam Puisi Imam Shafie” mendapati antara nilai-nilai spiritual yang terdapat dalam antologi puisi Imam Shafie ialah keredaan terhadap ketentuan Allah S.W.T., tawakal, khawf, sangkaan baik

terhadap Allah S.W.T., kecintaan terhadap akhirat, dan mempersiapkan diri untuk hari akhirat. Manakala kajian yang penulis lakukan pula tidak menyentuh berkenaan nilai spiritual yang terkandung di dalam puisi Imam Shafie tetapi lebih memfokuskan maksud tersirat di sebalik pengucapan lafaz puisi. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa puisi yang dikaji penulis mempunyai persamaan dari segi nilai spiritual sebagaimana kajian Khazri Osman dan Siti Rugayah Tibek.

Dalam kertas kerja Najihah binti Abd Wahid dari UNISZA, yang berjudul “Pengaruh Al-Quran Dalam Ungkapan Puisi Imam Al-Shafie”, beliau mendapati pengaruh al-Quran telah memberikan kesan yang mendalam dalam ungkapan puisi Imam Shafie. Gaya bahasa al-Quran dalam ungkapan puisi Imam Shafie telah memantapkan lagi persembahan puisi beliau. Kekuatan pengaruh al-Quran dalam puisi membuktikan kepakaran beliau yang tinggi dalam bahasa Arab dan ia memberikan kesan yang lebih besar pada pendengar kerana keunikan gabungan bahasa al-Quran dengan irama puisi. Imam Shafie banyak mengaplikasi gaya bahasa al-Quran dalam ungkapan puisi beliau dengan nilai estetika dan poetika yang tinggi, sekaligus dapat mencerminkan keunggulan mutu puisi yang disampaikan. Kajian penulis dalam puisi *Qa:fiat al-Ta:’* ini juga mengandungi puisi yang menggabungkan bahasa al-Quran dan irama puisi untuk menarik perhatian pembaca.

Manakala dalam kertas kerja Dr. Najihah binti Abd Wahid bersama Dr Norsuhaily binti Abu Bakar dan Mohd Taufiq bin Abd. Talib dari UNISZA yang berjudul “Kajian Ketokohan Imam Shafie r.a Melalui Pendidikan Awal Dalam Bahasa Dan Kesusasteraan Arab” mendapati Imam Shafie telah memulakan corak hidupnya dengan mempelajari puisi dan sastera seawal 13 tahun berdasarkan catatan Mus‘ab bin ‘Abd Allah al-Zubayri (Sayyid Ahmad Saqar, 1970 j1:96). Selain itu dalam kertas kerja ini juga memuatkan pengiktirafan kepakaran Imam Shafie dalam bahasa Arab dan

sastera menerusi pandangan tokoh-tokoh bahasa Arab yang terkemuka. Antaranya al-Ja:hiz iaitu pengkritik bahasa dan sastera arab klasik ‘Abbasiyyah yang pernah mengungkapkan, “Aku telah meneliti sekian banyak buku-buku mereka yang pakar dalam ilmu dan aku tidak temui yang terlebih baik susunannya seperti Imam Shafie. Percakapannya bagaikan susunan permata-permata”. Al-Imam Ahmad mengatakan, “ Tidak seorangpun yang menghasilkan karangan sepertimana hasil pena Imam Shafie yang dipenuhi kebaikan”. (al-Biq’a’i, 1986:15). Al-’Asma’i pernah berkata ketika membicarakan tentang Imam Shafie, “ Bacaanku dalam antologi Hudhayl telah disahkan betul oleh seorang pemuda Quraish yang digelar Muhammad bin Idris al-Shafie”. Al- Asma’i telah membaca antologi tersebut hingga selesai dan beliau sendiri merupakan pakar rujuk bahasa Arab pada zamannya. Setelah selesai membacanya, Imam Shafie berkata : “ Tidak ada seorangpun susunan bahasanya yang lebih baik dari al-Asma’i.” (al-Jundiyy, 1969 : 51). Semua pengiktirafan ini menggambarkan Imam Shafie adalah seorang tokoh bahasa arab yang terulung dan mengukuhkan lagi kajian penulis. Sebagaimana kertas kerja Dr. Najihah binti Abd Wahid bersama Dr Norsuhaily binti Abu Bakar dan Mohd Taufiq bin Abd. Talib, penulis juga turut memaparkan pelbagai pengiktirafan ulama-ulama muktabar terhadap Imam Shafie sebagai tokoh bahasa Arab.

Dalam tesis Phd Siti Ikbal Syeikh Salleh pada tahun 1999, UM, beliau telah banyak mengupas tajuk al-Insha:’ yang terdapat dalam Ilmu al-Ma’a:niyy. Kajian ini dikategori sebagai kajian bersifat wacana kerana ia membahaskan gaya bahasa atau Uslub al-Insha:’ dalam surah al-Nu:r. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian penulis dari aspek penggunaan Uslu:b al-Insha:’. Namun penulis lebih berminat membuat kajian dalam teks puisi Imam Shafie.

Puisi merupakan salah satu teks kesusasteraan. Berdasarkan “Teori Estetika Bersepadu” oleh Abdul Halim Ali dalam tesis Phd tahun 2009, UPSI, beliau percaya teks kesusasteraan mempunyai fungsi dan sifat yang hampir sama dengan manusia. Teks kesusasteraan bukan semata-mata teks, tetapi ia adalah sebuah amanah yang mengisi pengajaran dan membawa perutusan Pencipta yang hakiki untuk membawa manusia dengan kebenaran supaya mengabdikan diri kepada Pencipta yang hakiki. Oleh itu, menurut Abdul Halim, teks kesusasteraan juga adalah teks keindahan yang lahir daripada proses penyepaduan pelbagai unsur bahasa, idea dan pemikiran pengajaran dan perutusan. Berdasarkan kajian penulis terhadap puisi-puisi Imam Shafie, didapati beliau sememangnya cenderung mengolah puisi yang mempunyai kaitan dengan wahyu Allah S.W.T. Puisi-puisi yang disampaikan mempunyai mesej yang berkaitan dengan nilai-nilai murni di dalam Islam sebagaimana yang terkandung di dalam Al-Quran.

1.9 Rangka Kajian

Penulis membahagikan kajian ini kepada lima bab. Setiap bab akan dibahagikan pula kepada perbincangan-perbincangan yang lebih terperinci.

Bab pertama merupakan pengenalan kepada kajian ini. Perkara-perkara yang dimuatkan dalam bab ini termasuklah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, metodologi kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kajian-kajian lepas, dan rangka kajian.

Bab kedua pula menyentuh berkenaan sejarah hidup Imam Shafie yang terdiri daripada biodata diri seperti nama sebenar, kelahiran dan perjalanan ilmiah beliau dalam bidang al-Quran, hadis dan fiqh. Kemudian menyingkap ketokohan Imam Shafie dalam bahasa Arab, puisi nasab dan sejarah. Seterusnya bab ini mengemukakan murid-

murid Imam Shafie, pandangan-pandangan ulama' terhadap beliau, puisi dan kewafatan beliau.

Manakala dalam bab ketiga, penulis mengutarakan perbahasan berkenaan Uslu:b Insha:'iyy dan aspek-aspek yang berkaitan dengan uslub tersebut. Perbahasan uslub ini mengandungi pengertian Uslu:b Insha:'iyy dan jenis-jenis Uslu:b Insha:'iyy yang terdiri daripada al-Insha:' al-Ṭalabiyy dan al-Insha:' Ghayr al-Ṭalabiyy.

Seterusnya dalam bab keempat, penulis akan membuat analisis Uslu:b Insha:'iyy dalam antologi puisi Imam Shafie. Bab ini akan dimulakan dengan terjemahan puisi Qa:fiat al-Ta:'. Ini diikuti dengan analisis al-Insha:' al-Ṭalabiyy dan al-Insha:' Ghayr al-Ṭalabiyy Imam Shafie.

Dalam bab penutup iaitu bab kelima, penulis akan mengemukakan dapatan-dapatan kajian dan membuat kesimpulan daripada dapatan-dapatan tersebut. Seterusnya penulis akan mengutarakan cadangan-cadangan tentang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan berdasarkan kajian yang dilakukan ini.

1.10 Rumusan

Kesemua aspek yang dinyatakan sebelum ini sangat penting dalam merangka dan menyusun kajian bagi memberi kelancaran setiap perbahasan. Setiap aspek yang diutarakan mempunyai hubung kait di antara satu sama lain. Kejayaan dalam melaksanakan setiap aspek yang ditetapkan akan menghasilkan kajian yang berkualiti dan baik.

BAB 2

SEJARAH HIDUP IMAM SHAFIE R.A

2.0 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan Imam Shafie sebagai ahli bahasa Arab bagi mencapai objektif pertama kajian penulis. Penulis memulakan Bab Kedua ini dengan mengemukakan sejarah hidup Imam Shafie terlebih dahulu dari segi biodata, kelahiran dan perjalanan ilmiah beliau iaitu penguasaan dalam penghafalan al-Quran, hadith, fiqh, bahasa Arab, puisi, nasab dan sejarah. Kemudian penulis menyenaraikan guru-guru dan murid-murid Imam Shafie. Ini diikuti dengan pandangan ulama'-ulama' terhadap Imam Shafie dan berkenaan puisi beliau. Pada akhir bab ini, penulis akan menyatakan kewafatan Imam Shafie yang menandakan hilangnya satu permata yang sangat-sangat berharga kepada dunia Islam.

2.1 Biodata Imam Shafie.

Nama penuh beliau ialah Muḥammad bin Idri:s bin al-‘Abba:s bin ‘Uthma:n bin Sha:fi‘ bin al-Sa:’ib bin ‘Ubaid bin ‘Abd Yazid bin Ha:shim³ bin ‘Abd al-Muṭṭalib bin ‘Abd Mana:f bin Qusayy bin Kila:b bin Murraṭ bin Ka‘ab bin Lu’ayy bin Gha:lib bin Fihri bin Ma:lik bin Al-Naḍr bin Kina:naṭ bin Khuzaymaṭ bin Mudrikaṭ bin ‘Ilyas bin Muḍar bin Niza:r bin Ma‘ad bin ‘Adna:n bin ‘Ud bin ‘Udad.⁴ Nasab keturunan Imam Shafie bertemu dengan nasab keturunan Rasulullah s.a.w pada ‘Abd Mana:f bin Qusayy.

³ Ha:shim yang ada pada salasilah keturunan Imam Shafie ini bukan Ha:shim bin Abd Manaf (Datuk Nabi Muḥammad s.a.w), tapi Ha:shim yang dimaksudkan di sini ialah anak saudara Ha:shim bin Abd Manaf. Lihat : Al-Ḥamawiy, Ya:qu:t bin ‘Abd Allah, Mu‘jam al-Udaba’, Da:r al-Ma‘mu:n, jld. 17, hlm. 282.

⁴ Al-Ḥamawiy, Ya:qu:t bin ‘Abd Allah, Mu‘jam al-Udaba’, jld. 17, hlm.281-282.

Bapa Imam Shafie bernama Idri:s bin al-‘Abba:s. Beliau pernah tinggal di Madinah sehinggalah berlaku sesuatu perkara yang tidak disukainya lalu memaksa beliau meninggalkan Madinah dan merantau. Akhirnya beliau menetap ke ‘Asqala:n⁵ hingga meninggal dunia beberapa ketika setelah Imam Shafie dilahirkan.⁶

Ibu Imam Shafie berasal daripada suku al-Azd⁷ seperti mana yang dikatakan sendiri oleh Imam Shafie. Ibn ‘Abd al-Hakam menceritakan Imam Shafie pernah berkata kepadanya, “Ibuku berasal daripada al-Azd dan nama panggilannya Ummu Habi:baṭ al-Azdiyyaṭ”.⁸ Dalam satu riwayat yang diceritakan oleh Ibn Hajar al-‘Asqala:ni daripada cucu Imam Shafie, beliau berkata, “Datukku Muḥammad bin Idri:s meninggal dunia di Mesir. Ibunya berasal daripada suku al-Azd dan isterinya bernama Ḥamdaṭ binti Na:fi‘ bin ‘Anṣabaṭ bin ‘Amru bin ‘Uthma:n bin ‘Affa:n”.⁹ Ibu Imam Shafie seorang perempuan miskin tetapi bijaksana dan menghargai tanggungjawabnya dengan baik. Beliau membawa anaknya, Imam Shafie ke Makkah agar dapat mempelajari ilmu, akhlak dan sastera di tanah suci itu. Ibn Hajar al-‘Asqala:ni berkata, “ Bukti kecerdasan ibu Imam Shafie adalah beliau pernah menjadi saksi bersama seorang perempuan lain dan seorang lelaki. Hakim lalu ingin memisahkan antara kedua-dua perempuan tersebut. Melihat itu, ibu Imam Shafie berkata kepada hakim itu, “ Yang arif tidak boleh berbuat seperti ini kerana Allah S.W.T berfirman :

“... أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى ...”

Maksudnya : “ supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi...” (al-Baqarah : 282)

⁵Asqala:n adalah sebuah bandar di Palestin yang terletak di antara Giza dan Bait al-Jibrayn. Lihat : Al-Ḥamawīyy, Ya:qu:t bin ‘Abd Allah, Mu‘ja:m al-Bulda:n, jld. 4, hlm. 122.

⁶ Al-‘Asqala:ni, Abu: al-Faḍl Aḥmad bin ‘Ali bin Hajar, Tawa:li al-Ta’si:s li Ma’a:li Muḥammad bin Idri:s, taḥqi:q Abu Fida’ ‘Abd Allah al-Qa:di, hlm 50-51.

⁷ Azd adalah salah satu suku Arab yang tersebar di sebelah utara Yaman dan Oman. Rujuk Tarikh al-Adab al-‘Arabiyy al-‘Asr al-Jahiliyy oleh Dr. Shauqi Dīf, hlm. 56.

⁸ Al-‘Asqala:ni, Abu: al-Faḍl Aḥmad bin ‘Ali bin Hajar, Tawa:li al-Ta’si:s li Ma’a:li Muḥammad bin Idri:s, taḥqi:q Abu Fida’ ‘Abd Allah al-Qa:di, hlm. 45.

⁹ Al-Baihaqi:, Abu: Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn, Mana:qi:b al-Shafi’iyy, taḥqi:q Sayyid Aḥmad Saqar, hlm. 86.

Hakim tersebut mengikut pendapat ibu Imam Shafie dalam masalah itu. Ini merupakan bukti kecerdasan ibu Imam Shafie.¹⁰

Cara ibu Imam Shafie mengasuh anaknya mampu membentuk keperibadian dan keilmuan dalam diri anaknya. Ada tiga perkara penting dalam sejarah perjalanan hidup Imam Shafie :-

1. Ayah Imam Shafie meninggal dunia tidak lama setelah beliau dilahirkan yang menyebabkan beliau hidup yatim sejak usia kecil.
2. Imam Shafie tidak dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang berpendidikan, meskipun ibunya sangat mencintai ilmu dan ayahnya pula bukan seorang pakar hadis, bapa saudaranya bukan seorang mufassir, dan ibu saudaranya pun bukan seorang ahli fiqh.
3. Imam Shafie hidup dalam keadaan miskin sejak usia kanak-kanak lagi.

Ketiga-tiga aspek ini pada dasarnya tidak menyokong Imam Shafie menjadi seorang ilmunan yang agung. Satu-satunya orang yang menginspirasinya menjadi seorang ilmunan agung adalah ibunya yang tiada henti mengarahkannya menuntut ilmu. Beliau tidak mengarahkan anaknya menjadi peniaga atau menekuni suatu keahlian tertentu meskipun ibunya miskin. Sebaliknya ibunya mengarahkan anaknya mencintai ilmu dan mendekati diri dengan ulama'.¹¹ Ibn Abu: Ha:tim dan al-Baihaqi: menceritakan yang sanadnya sampai Imam Shafie beliau berkata, “ Aku seorang anak yatim yang diasuh ibuku. Beliau menyerahkanku kepada penulis (jurutulis) dan ibuku tidak mempunyai upah untuk diberikan kepada guruku. Sungguhpun demikian, guruku tetap merestuiku mengikuti pengajiannya. Sebaik al-Quran telah dihimpun dalam satu

¹⁰ Al-‘Asqala:ni, Abu: al-Fa:dl Ahmad bin ‘Ali bin Hajar, Tawa:li al-Ta’si:s li Ma’a:li Muhammad bin Idri:s, tahqi:q Abu Fida’ ‘Abd Allah al-Qa:di, hlm. 46.

¹¹ Dr. Akram Yu:suf ‘Umar al-Qawasimi, Mausū‘at al-Ima:m al-Sha:fi’iyy, Ensiklopedia Imam al-Shafie, Pengantar Mazhab al-Imam al-Sha:fi’iyy, hlm. 27-28.

buku, aku masuk ke Masjidil Haram. Sejak itu, aku duduk bersama-sama ramai ulama'. Aku belajar hadis dan fiqh lantas aku menghafalnya. Ketika aku mula belajar menulis dan aku tidak mampu membeli kertas kerana ibuku tidak mempunyai wang. Aku melihat sekerat tulang di sekitarku lalu aku mengambilnya dan menulis di atas tulang itu. Ketika tulang sudah dipenuhi tulisan, aku memasukkannya ke dalam guni hingga terkumpul dua guni besar yang memuatkan tulang berisi tulisanku."¹²

Di antara anak-anak Imam Shafie pula termasuklah Abu: 'Uthma:n Muḥammad bin Muḥammad bin Idri:s, Abu: al-Ḥasan bin Muḥammad bin Idri:s, Faṭi:maṭ dan Zaynab.¹³

2.2 Kelahiran Imam Shafie

Imam Shafie lahir pada tahun 150 H¹⁴. Ada juga riwayat yang menyatakan Imam Shafie lahir pada hari ketika Imam Abu: Ḥani:faṭ al-Nu'ma:n meninggal dunia. Al-Baihaqi: membantahnya dengan berkata, "Mengaitkan hari lahir Imam Shafie dengan hari kewafatan Abu: Ḥani:faṭ menyalahi fakta sejarah. Apapun, tahun kelahirannya sama dengan tahun kewafatan Abu: Ḥanifaṭ seperti mana ditegaskan oleh pakar sejarah."¹⁵ Bagaimanapun, Ibn Hajar al-'Asqala:ni tidak bersetuju dengan usaha sesetengah pihak yang menilai lemah riwayat yang mengatakan hari lahir Imam Shafie sama dengan hari kematian Imam Abu: Ḥanifaṭ. Beliau berusaha menyelaraskan riwayat-riwayat tersebut dengan mengatakan ini masih boleh ditafsirkan. Menurutnya, perawi hanya menyatakan hari lahir Imam Shafie secara umum dan ini bermakna waktu secara umum.¹⁶

¹² Al-Ra:zi, Abu: Muḥammad 'Abd Al-Rahma:n bin Abu: Ha:tim, Ada:b al-Shafi'iyy wa Mana:qibuhu:, taḥqi:q 'Abd Ghani Muḥammad 'Abd Al-Khaliq, hlm. 24.

¹³ 'Abd al-Ra'u:f al-Muna:wa:, Mana:qib al-Ima:m Al-Shafi'iyy, taḥqi:q Sa'i:d bin 'Umar Ghazi, hlm. 55.

¹⁴ Ibid, hlm 25.

¹⁵ Al-Baihaqi:, Abu: Bakr Aḥmad bin al-Husayn, Mana:qi:b al-Shafi'iyy, taḥqi:q Sayyid Aḥmad Saqar, jld 1, hlm. 72.

¹⁶ Al-'Asqala:ni:, Abu: al-Faḍl Aḥmad bin 'Ali bin Hajar, Tawa:li al-Ta'si:s li Ma'a:li Muḥammad bin Idri:s, taḥqi:q Abu Fida' 'Abd Allah al-Qa:di, hlm. 53.

Tempat kelahiran Imam Shafie pula dikatakan di Gaza¹⁷, Palestin berdasarkan satu riwayat dan ini merupakan pendapat kebanyakan ulama'.¹⁸ Menurut riwayat yang lain, beliau lahir di 'Asqala:n yang terletak di sebelah utara Gaza. Ada juga riwayat yang mengatakan beliau lahir di Yaman.¹⁹ Ibn Hajar al-'Asqala:ni menukil pernyataan al-Dhahabi: yang menyalahkan riwayat tentang tempat kelahiran Imam Shafie di Yaman. Menurutnya, Al-Dhahabi, guru kami, berkata, "Pendapat yang mengatakan Imam Shafie lahir di Yaman adalah salah kecuali apabila yang dimaksudkan dengan Yaman adalah nama suku".²⁰ Manakala riwayat yang mengatakan beliau lahir di Gaza atau 'Asqala:n dapat disatukan pemahamannya. Inilah yang ditegaskan oleh Ibn Hajar al-'Asqala:ni: yang mengatakan 'Asqala:n merupakan kota kuno dan jarak antara 'Asqalan dengan Gaza tidaklah begitu jauh. 'Asqala:n adalah nama sebuah kota. Ketika Imam Shafie menyebutkan Gaza, maka yang beliau maksudkan adalah kampung dan ketika mengatakan 'Asqalan, maka yang beliau maksudkan adalah kota. Ibn Hajar al-'Asqala:ni: turut menggabungkan riwayat-riwayat tersebut dengan riwayat lain yang dinukilnya daripada al-Ha:kim al-Naisabu:r, penulis kitab al-Mustadrak, dengan sanadnya sampai kepada Imam Shafie, beliau berkata, "Aku lahir di Gaza dan ibuku kemudian membawaku ke 'Asqala:n".²¹

Kebanyakan ulama' sejarah dan biografi menyatakan ibu Imam Shafie membawanya ke Makkah dua tahun setelah kelahirannya. Ayahnya, Idri:s bin al-'Abba:s, telah meninggal dunia beberapa hari setelah beliau dilahirkan di 'Asqala:n.²² Dengan erti kata lain, Imam Shafie tiba di Makkah ketika masih usia kanak-kanak dan masih dalam asuhan ibunya pada tahun 152 H.

¹⁷ Gaza adalah sebuah negeri di Palestin iaitu jaraknya 3 marhalah dari Bayt al-Maqdis . Lihat : Al-Hamawiyy, Ya:qu:t bin 'Abd Allah, Mu'jam al-Bulda:n, Da:r Şa:dir, Beirut, Lubna:n, 1995M, jld. 4, hlm. 202.

¹⁸ Al-Ra:zi:, Abu: Muḥammad 'Abd Al-Rahma:n bin Abu: Ha:tim, Ada:b al-Shafi'iy wa Mana:qibuhu:, taḥqi:q 'Abd Ghani Muḥammad 'Abd Al-Khaliq, hlm. 22-23.

¹⁹ Ibid, hlm 21

²⁰ Al-'Asqala:ni:, Abu: al-Faḍl Aḥmad bin 'Ali bin Hajar, Tawa:li al-Ta'si:s li Ma'a:li Muḥammad bin Idri:s, taḥqi:q Abu Fida' 'Abd Allah al-Qa:di, hlm. 52.

²¹ Ibid, hlm. 51.

²² Al-Ra:zi:, Abu: Muḥammad 'Abd Al-Rahma:n bin Abu: Ha:tim, Ada:b al-Shafi'iy wa Mana:qibuhu:, taḥqi:q 'Abd Ghani Muḥammad 'Abd Al-Khaliq, hlm. 23-24.

Imam Shafie lahir pada era pertama dinasti ‘Abbasiyyat. Beliau sempat menemui enam khalifah yang memerintah dinasti ‘Abbasiyyat secara berturutan. Keenam-enam khalifah itu ialah :

1. Abu: Ja‘far al-Mansu:r ‘Abd Allah bin Muḥammad(136 H –158 H).
2. Muḥammad al-Mahdi: bin Abu: Ja‘far al-Mansu:r (158 H – 169 H).
3. Mu:sa: al-Hadi: bin Muḥammad al-Mahdi: (169 H – 170 H).
4. Ha:ru:n al-Rashi:d bin Muḥammad al-Mahdi: (170 H – 193 H).
5. Muḥammad al-Ami:n bin Ha:ru:n al-Rashi:d (193 H – 198 H).
6. ‘Abd Allah al-Ma’mu:n bin Ha:ru:n al-Rashi:d (198 H – 218 H.)

2.3 Perjalanan Ilmiah Imam Shafie

Sebelum penulis membahaskan penglibatan Imam Shafie dalam pelbagai bidang ilmu termasuk bahasa Arab dan puisi, terlebih dahulu penulis mengemukakan faktor-faktor luaran yang menjadi sebab Imam Shafie berpeluang melibatkan diri dalam bidang ilmu ini.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, Imam Shafie hidup pada zaman pemerintahan ‘Abbasiyyat. Beliau sempat menemui enam khalifah yang memerintah dinasti ‘Abbasiyyat secara berturutan. Keadaan politik secara umum pada masa pemerintahan keenam-enam khalifah ini cenderung stabil dan kondusif. Tiada sebarang pergolakan politik di dalam negara melainkan beberapa perselisihan dan perebutan kuasa di dalam keluarga dinasti ‘Abbasiyyat. Tidak terdapat ancaman musuh dari luar negara kerajaan ‘Abbasiyyat yang mengancam keamanan pemerintah dinasti ‘Abbasiyyat. Politik yang kondusif dan perkembangan ekonomi yang pesat dapat membantu kemajuan ilmu pengetahuan dan menciptakan tamadun manusia yang

cemerlang. Penulis berpendapat keamanan ini merupakan salah satu faktor Imam Shafie bergiat aktif dalam menuntut pelbagai ilmu termasuklah ilmu bahasa Arab dan puisi. Kesempatan sedemikian digunakan sebaiknya oleh Imam Shafie untuk mendidik masyarakat melalui pengucapan puisi beliau yang banyak dipengaruhi al-Quran.²³

Selain itu, khalifah-khalifah dinasti ‘Abbasiyyat khususnya yang sezaman dengan Imam Shafie amat menghargai ilmu dan ulama’. Antara bentuk penghargaan mereka adalah sebagaimana berikut :-

- a. Memperuntukkan dana dan menyediakan kemudahan bagi para ilmuan.
- b. Membangunkan perpustakaan umum dan perpustakaan yang paling masyhur ketika itu adalah Perpustakaan Da:r al-Hikmat di Baghda:d yang dibangunkan pada masa pemerintahan Ha:ru:n Al-Rashi:d (170 H – 193 H).
- c. Khalifah, gabenor dan menteri membuka majlis ta’li:m di istana mereka dengan menghadirkan ilmuan terkemuka untuk mengajarkan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan.²⁴

Pembinaan kilang kertas di Baghda:d bagi menggantikan penulisan di atas kulit haiwan dan papyrus Mesir telah mengalami kemajuan pesat seiring dengan perkembangan aktiviti tulis-menulis di pelbagai disiplin ilmu.²⁵ Kemudahan mendapatkan kertas ini telah memudahkan Imam Shafie untuk mengabadikan puisi beliau agar dapat menjadi tatapan masyarakat.

Secara kesimpulannya, penulis berpendapat ketiga-tiga faktor yang dibahaskan ini menjadi pemangkin bagi Imam Shafie untuk berkarya melalui pengucapan puisi

²³ Dr. Akram Yu:suf ‘Uma:r al-Qawa:simi:, Mausu’at al-Ima:m al-Sha:fi’iyy, Ensiklopedia Imam al-Shafie, Pengantar Mazhab al-Imam al-Sha:fi’iyy jld 1, hlm. 13-16.

²⁴ Ibid, hlm 17.

²⁵ Ibid, hlm 18.

tanpa sebarang halangan. Kesemua faktor ini memberi peluang kepada Imam Shafie menzahirkan ilmu bahasa Arabnya untuk dibaca dan difahami umum. Imam Shafie juga mempunyai banyak masa untuk berfikir secara kreatif bagi menghasilkan puisi yang mengandungi nilai-nilai estetika dan ketinggian uslub bahasanya tanpa sebarang tekanan dari mana-mana pihak.

2.3.1 Ketokohan Dalam Penghafalan Al-Quran

Imam Shafie pada mulanya belajar al-Quran di Makkah. Beliau sudah menghafalnya ketika masih berusia tujuh tahun. Beliau mengambil bacaan al-Quran daripada Isma:'i:l bin Qastanti:n yang merupakan ulama' terkenal di Makkah pada masa itu. Imam Shafie menceritakan sanad beliau membaca al-Quran, "Aku membaca al-Quran kepada Isma:'i:l bin Qastanti:n, ulama' terkenal di Makkah pada masa itu, katanya, " Aku membaca al-Quran kepada 'Ali: Shibl bin 'Iba:d dan Ma'ru:f bin Mashkan", katanya, "Aku membaca al-Quran kepada Yahya: bin 'Abd Allah bin Kathi:r", katanya, "Aku membaca al-Quran kepada Muja:hid", katanya, " Aku membaca al-Quran kepada Ubay bin Ka'ab", katanya, " Aku membaca al-Quran kepada Rasulullah s.a.w".²⁶

Imam Shafie pada mulanya seorang yang miskin. Ketika masuk sekolah, beliau sama sekali tidak memiliki wang untuk membayar upah gurunya. Guru itu pun memendekkan masa ketika mengajarnya. Setiap kali guru itu menyampaikan pelajaran kepada anak-anak lain, Imam Shafie menghafal pelajaran guru itu dengan cepat. Sebaik guru itu berdiri meninggalkan tempatnya, Imam Shafie langsung menggantikan guru itu mengajar anak-anak tersebut. Guru itu pun memperhatikan apa yang dilakukan oleh Imam Shafie dan yakin kalau upah yang diharapkan daripada Imam Shafie itu

²⁶ Al-Ra:zi:, Fakhr al-Di:n Abu: 'Abd Allah Muḥammad bin 'Umar, Mana:qib al-Ima:m al-Sha:fi'iyy, taḥqiq Dr. Aḥmad Hijazi al-Saqa, hlm. 7.

sebenarnya tidak seberapa berbanding kecerdasan dan kehebatan hafalan yang dimilikinya. Dia pun akhirnya tidak meminta upah kepada Imam Shafie. Keadaan ini terus berlangsung hingga Imam Shafie tamat mempelajari al-Quran secara keseluruhan ketika berusia tujuh tahun.²⁷

Ibn Hajar al-‘Asqala:ni: menukil satu riwayat daripada al-Khati:b al-Baghda:diyy yang sanadnya sampai kepada Imam Shafie, beliau berkata, “Aku telah menghafal al-Quran ketika aku berusia tujuh tahun dan aku telah menghafal al-Muwatta’ saat aku berusia sepuluh tahun”.²⁸

2.3.2 Penguasaan Dalam Hadis dan Fiqh

Sepanjang Imam Shafie berada di Makkah, beliau telah mempelajari ilmu Hadis dan Fiqh daripada ulama’-ulama’ berikut :-

a. Sufya:n bin ‘Uyaynat

Beliau ialah Sufya:n bin ‘Uyaynat bin Maimu:n Abu: Muḥammad al-Ku:fi: al-Makkiyy. Lahir di Ku:faṭ tahun 107 H dan meninggal dunia di Makkah tahun 198 H. Antara bukti yang menyatakan Imam Shafie pernah menimba ilmu daripada Sufya:n bin ‘Uyaynat ialah periwayatan 43 hadis Rasulullah s.a.w daripada gurunya yang dimuatkan dalam kitabnya, al-Risalat dalam bab fiqh dan permasalahan yang berkaitan dengan usul fiqh.(Al-Sha:fi‘iyy,1999:330)

b. Muslim bin Kha:lid al-Zanji:

²⁷Al-Ra:zi:, Fakhr al-Di:n Abu:‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Umar, Mana:qib al-Ima:m al-Sha:fi’iyy, taḥqiq Dr. Aḥmad Hijazi al-Saqa,hlm. 9.

²⁸ Al-‘Asqala:ni, Abu: al-Faḍl Aḥmad bin ‘Ali: bin Hajar, Tawa:li al-Ta’si:s li Ma’a:li Muḥammad bin Idri:s, taḥqiq Abu Fida’ ‘Abd Allah al-Qa:di, hlm. 54.

Beliau ialah Muslim bin Kha:lid bin Muslim al-Qurashi: al-Makhzu:mi:. Imam Shafie belajar fiqh daripada beliau dan sering bergaul dengannya. Pergaulan Imam Shafie dengannya melebihi pergaulannya dengan ulama'-ulama' lain yang ada di Makkah termasuk Sufya:n bin 'Uyaynaṭ sekalipun. Malah ketika al-Nawawiyy menulis biografi singkat Imam Shafie dalam kitabnya, al-Asma:' wa al-Lughat, tidak ada menyebutkan gurunya sebelum Imam Ma:lik selain Muslim bin Kha:lid al-Zanji:. (Al-Nawawiyy, tt: 47). Al-Baihaqi: menceritakan dengan sanadnya sampai kepada Imam Shafie, beliau berkata, “ Aku menuntut ilmu tatabahasa dan sastera lalu aku bertemu dengan Muslim bin Kha:lid al-Zanji:. Beliau bertanya, “Hai pemuda! Kamu datang dari mana?”. Jawabku, “Datang berjumpa penduduk Makkah”. Beliau bertanya, “Di mana rumahmu di Makkah?”. Jawabku, “Di perkampungan al-Kha:'if”. Beliau bertanya lagi, “Apa nama suku kamu?”. Aku menjawab, “Anak keturunan 'Abd Mana:f”. Beliau berkata, “Wah, sungguh luar biasa. Allah benar-benar memuliakanmu. Ketahuilah, aku sangat mengharapkan kamu memahami ilmu fiqh, dan itu lebih baik untukmu”. (Al-Baihaqi:, 1971:97). Muslim bin Khalid al-Zanji: telah memberi keizinan kepada Imam Shafie untuk memberi fatwa ketika usianya lima belas tahun.(Ibn 'Abd Al-Barr, 1997:121; al-Nawawiyy, tt:51).

Al-Baihaqi: menyebutkan Imam Shafie mempunyai sembilan orang guru di Makkah. (Al-Baihaqi:, 1971: 311-312). Ketika sudah berasa cukup menimba ilmu daripada ulama' Makkah, kedahagaannya terhadap ilmu dan kecintaannya untuk bersahabat dengan ulama' memaksanya pergi untuk menemui Imam Ma:lik bin Anas di Madinah setelah menghafal kitab al-Muwatta' pada usia belia.

c. Imam Ma:lik bin Anas

Beliau ialah Ma:lik bin Anas bin Ma:lik bin Abu: 'Ami:r al-Asba:hi: Abu:'Abd Allah, imam Da:r al-Hijraṭ dan salah seorang pengasas mazhab fiqh. Mazhab Ma:liki:

menisbahkan diri kepada Imam Malik sebagai pengasasnya. Lahir pada tahun 93 H di Madinah dan meninggal dunia tahun 179 H di Madinah. Imam Shafie telahpun menghafaz dan menguasai kitab al-Muwatta' karangan Imam Ma:lik sebelum beliau berguru dengan Imam Ma:lik terlebih dahulu.²⁹ Imam Shafie rajin mengikuti pengajian yang disampaikan oleh Imam Ma:lik sekaligus mendengar fatwa dan pendapatnya. Ilmu yang diterima daripada Imam Ma:lik menyempurnakan ilmu yang telah diperoleh sebelum ini melalui gurunya, Muslim bin Kha:lid al-Zanji:, mufti Makkah pada masa itu. Imam Shafie juga belajar hadis daripada Imam Ma:lik baik riwayat, dirayat mahupun jarh wa ta'di:l. Imam Shafie banyak menimba ilmu daripada Imam Ma:lik melebihi ilmu yang beliau pelajari daripada guru-gurunya yang lain.³⁰ Al-Baihaqi: menyatakan guru-guru Imam Shafie berjumlah 13 orang di Madinah selain Ma:lik bin Anas. (Al-Baihaqi:, 1971: 312-313. Al-Asqala:ni:, 1986: 62. Al-Fakhr al-Ra:zi:, 1986:43).³¹

d. Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaiba:ni:

Beliau adalah Muḥammad bin al-Ḥasan bin Farqad Abu:'Abd Allah , mawla: Bani: Shaiba:n, murid Imam Abu: Ḥani:faṭ al-Nu'ma:n iaitu ahli fiqh dan mujtahid. Antara murid Muḥammad bin al-Ḥasan adalah Imam Shafie. Beliau pernah berjumpa Imam Shafie sewaktu di Hija:z dan mengenalinya dengan baik. Ini terjadi ketika Muḥammad bin al-Ḥasan menimba ilmu daripada Imam Ma:lik bin Anas di Madinah. Ketika di Baghda:d Imam Shafie menimba ilmu daripada beliau dan mendalami fiqh dan usul fiqh Imam Abu: Hani:faṭ al-Nu'ma:n. Ibn Abu: Ha:tim dan Ibn 'Abd Barr menceritakan dengan sanadnya sampai kepada Imam Shafie, beliau berkata, "Aku membawa buku milik Muḥammad bin al-Ḥasan seberat bawaan unta dan aku belajar langsung kepadanya" (Ibn 'Abd Al-Barr, 1997: 119; Ibn Abu: Ha:tim, 1993:33).

²⁹ Dr. 'Umar Fa:ru:q al-Tiba:', Di:wa:n al-Ima:m al-Sha:fi'iyy, hlm 15.

³⁰ Dr. Akram Yu:su:f 'Umar al-Qawa:simi:, Mausu'at al-Ima:m al-Sha:fi'iyy, Ensiklopedia Imam al-Shafie, Pengantar Mazhab al-Imam al-Sha:fi'iyy jld 1, hlm. 50-52.

³¹ Muḥammad Zahraṭ, Biografi Gemilang Imam Syafie, hlm. 22-24.

e. Waki:‘ bin al-Jarra:h

Beliau adalah Waki:‘ bin al-Jarra:h bin Ma:lih bin ‘A:di al-Ku:fi:, dikenali dengan panggilan Abu: Sufya:n dan imam hadis setelah generasi ta:bi‘i:n. Beliau ahli hadis Iraq pada masanya. Lahir di Kufah tahun 129 H. Imam Shafie pernah menimba ilmu dan meriwayatkan hadis daripadanya (al-Baihaqi:, 1971: 314; al-Fakhr al-Ra:zi:, 1986: 44; al-‘Asqala:ni, 1986:70).

f. ‘AbdAl-Wahha:b bin ‘AbdAl-Maji:d al-Thaqafi:

Beliau Abu: Muḥammad ‘AbdAl-Wahha:b bin ‘AbdAl-Maji:d. Lahir tahun 110 H (al-Dhahabi:, 1992:321). Beliau adalah guru Imam Shafie di Iraq seperti mana disebut oleh al-Baihaqi: (1971: 314) dan al-Fakhr al-Razi (1986:44). Imam Shafie dan Imam Aḥmad juga pernah meriwayatkan hadis daripada beliau. (al-‘Asqala:ni, 1996:507).

g. Isma:’i:l bin Ibra:hi:m al-Baṣri:

Beliau dikenali dengan nama Ibn ‘Ulayyaṭ. ‘Ulayyaṭ adalah ibunya. Isma:’i:l al-Baṣri: lahir pada tahun 110 H. Beliau seorang ulama fiqh, imam, muftí dan imam hadis. Meninggal dunia tahun 193 H. (al-Dhahabi:, 1992:314). Beliau juga merupakan guru Imam Shafie di Iraq sepertimana yang disebut oleh al-Baihaqi: (1971:314), al-Fakhr al-Ra:zi: (1986: 44) dan Ibn Hajar al-‘Asqala:ni (1986:63) dalam kitab mereka.

Antara beberapa nama guru Imam Shafie yang lain termasuklah Ibra:hi:m bin Sa‘ad bin Ibra:hi:m al-Zuhri:, Ibra:hi:m bin ‘Abd al-‘Azi:z ibn Abu: Maḥzu:raṭ, Ibra:hi:m bin Muḥammad bin Abu: Yahya:, Ibra:hi:m bin Haram, Usa:maṭ bin Zayd bin Aslam, Isha:q bin Yu:suf al-Azraq, Isma:i:l bin Ibra:hi:m bin Muqsim, Isma:i:l bin Ja‘far bin Abu: Kathi:r, Isma:‘i:l bin ‘Abd Allah bin Qistaṅṅi:n, Anas bin ‘Iyagh, Ayyu:b bin Suwayd al-Ramli:, Ha:tim bin Isma:‘i:l al-Madani:, al-Ha:rith bin ‘Umayr

al-Baṣri:, Ḥama:d bin Usa:maṭ, Ḥamad bin Zayd al-Baṣri:, Sa'i:d bin Sala:maṭ ibn Abu: al-Hussa:m, Sulayma:n bin 'Amru:, Yazid bin 'Abd al-Ma:lik al-Nawfi:li:, Yu:suf bin al-Aswad, dan ramai lagi yang jumlahnya tidak kurang dari 80 orang.

Kesimpulannya, perjalanan ilmiah Imam Shafie ini didorong oleh rasa cinta kepada ilmu. Sebagai seorang yang sentiasa dahagakan ilmu, beliau sanggup merantau jauh mencari guru-guru yang mu'tabar. Kesanggupan Imam Shafie menuntut ilmu daripada pelbagai guru jelas menunjukkan sifat tawadū' dan rendah diri beliau walaupun pelbagai ilmu telah dikuasai beliau.

2.3.3 Ketokohan Dalam Bahasa Arab, Puisi, Nasab dan Sejarah

Imam Shafie berpendapat bahawa seseorang yang ingin memahami makna, hukum dan rahsia al-Quran mestilah memiliki pengetahuan bahasa Arab kerana al-Quran diturunkan dengan menggunakan bahasa Arab. Ketika berazam untuk berkhidmat kepada ilmu, beliau mula melengkapi dirinya dengan pelbagai jenis ilmu pengetahuan ibarat seorang prajurit melengkapi senjata yang biasa diperlukan di medan perang. Lebih-lebih lagi pada masa itu pengaruh asing mula merosak tatabahasa Arab lantaran pergaulan orang Arab dengan orang asing di pelbagai daerah. Maka beliau pun belajar bahasa, puisi, sastera dan sejarah. Beliau menekuni disiplin ilmu ini meskipun sudah menguasai disiplin ilmu yang lain. Beliau menimba ilmu daripada sumber-sumbernya yang utama. Beliau keluar meninggalkan Makkah untuk menetap bersama suku Hudhayldi perkampungan Arab Badwi kerana mereka merupakan suku paling fasih dalam berbahasa. Beliau mempelajari keaslian bahasa mereka hingga pakar berpuisi, fasih berbahasa dan mahir bersastera.³²

³² Dr. Akram Yu:suf 'Umar al-Qawasimi:, Mawsu'at al-Ima:m al-Sha:fi'iyy, Ensiklopedia Imam al-Shafie, Pengantar Mazhab al-Imam al-Sha:fi'iyy jld 1, hlm. 31-32.

Imam Shafie menceritakan, “Setelah itu, aku keluar meninggalkan kota Makkah. Aku menetap bersama suku Hudhayl di perkampungan Arab Badwi. Aku mempelajari keaslian bahasa mereka, kerana mereka merupakan suku Arab yang paling fasih bertutur bahasa.”³³

Tujuan Imam Shafie sering mendatangi daerah-daerah pedalaman dalam usia yang masih belia adalah untuk menggali dan mempelajari bahasa Arab fushā: daripada orang Arab tulen yang menggunakan bahasa Arab mereka tanpa dipengaruhi oleh unsur bahasa asing. Mempelajari bahasa Arab secara langsung daripada orang Arab pedalaman, mendengar syair-syair mereka serta menghafal nasab dan sejarah mereka telah memberikan nilai positif dalam diri Imam Shafie. Kebersamaan beliau dengan suku Hudhayl semasa mereka bermukim mahupun bermusafir juga telah memberi pengaruh yang besar terhadap kemampuannya berbahasa Arab. Beliau mampu memahami al-Quran dan Hadis dengan baik. Bahasa Arab yang diperolehi Imam Shafie di tengah-tengah bangsa Arab pedalaman membuat dirinya dijadikan rujukan dalam bahasa Arab. Sehubungan ini, Ibn Abu: Ha:tim dan Ibn ‘Abd Al-Barr menceritakan dengan sanadnya sampai kepada ‘Abd al-Ma:lik bin Hisha:m al-Nahwiyy, penulis al-Magha:zi: iaitu pakar bahasa Arab, beliau berkata, “Imam Shafie adalah antara orang yang dijadikan rujukan dalam tatabahasa Arab”.Manfaat yang diperolehi Imam Shafie ketika tinggal bersama suku Arab di pedalaman tidak sekadar mempelajari bahasa Arab dan memahaminya, bahkan beliau menghafal puisi Arab sehinggalah tutur kata dan gaya bahasanya menjadi baik. Wajarlah jika beliau fasih dalam bertutur kata dan dijadikan rujukan dalam tatabahasa Arab.³⁴

³³ Al-Ḥamawīyy, *Shiḥa:b al-Di:n Ya:qu:t ibn ‘Abd Allah, Mu‘jam al-‘Udaba:’*, jld 17, hlm 248.

³⁴ Dr. Akram Yu:suf ‘Umar al-Qawa:simi:, *Mausu‘at al-Ima:m al-Sha:fi‘iyy*, Ensiklopedia Imam al-Shafie, Pengantar Mazhab al-Imam al-Sha:fi‘iyy jld 1, hlm. 32-33.

Al-Baihaqi: juga menceritakan dengan sanadnya sampai kepada al-Rabi:‘ bin Sulayma:n al-Mura:di:, beliau berkata, “ Seandainya kamu pernah melihat Imam Shafie dengan keindahan bahasa yang dimilikinya, tentu kamu kagum dengannya. Seandainya beliau menulis kitab ini dengan gaya bahasa Arab lisan, nescaya kitab-kitabnya tidak mampu dibaca lantaran penguasaan bahasa yang sangat luas.(Al-Baihaqi:, 1971 : 49)

Imam Ahmad berkata, “ Tidak seorang pun yang menyentuh tinta dan pena melainkan orang itu berhutang budi kepada Imam Shafie.” Beliau berkata lagi, “ Imam Shafie merupakan orang Arab yang paling fasih.”³⁵

Pakar bahasa, ‘Abdul-Ma:lik bin Hisha:m berkata, “ Kami duduk dan belajar lama bersama Imam Shafie, namun aku tidak pernah mendengar kekeliruan bahasa sedikitpun daripadanya.” Al-’Asma:‘I berkata, “ Aku belajar syair Hudhayl daripada Imam Shafie.” Al-Zubayr bin Bakkar berkata, “ Aku belajar syair Hudhayl dan sejarah mereka daripada bapa saudaraku, Mus‘ab.” Beliau berkata lagi, “ Aku juga belajar syair Hudhayl dan sejarah mereka daripada Imam Shafie secara hafalan.” Yahya: bin ‘Akhtam berkata, “ Kami pernah duduk bersama Muḥammad bin al-Ḥasan. Imam Shafie sering dating ke mari untuk berdiskusi. Beliau benar-benar memiliki kecerdasan akal, kefahaman, pemikiran, kejernihan fikiran dan kecepatan hafalan seorang Quraysh.”³⁶

Imam Shafie juga mempelajari ilmu nasab dan sejarah ketika tinggal bersama suku Arab di pedalaman. Ilmu nasab bagi bangsa Arab pada masa itu merupakan ilmu pengetahuan yang paling mereka banggakan. Sungguhpun Islam melarang fanatisme dan menganggapnya termasuk sifat Ja:hiliyyat, namun ia menganjurkan adanya saling

³⁵ Dr. Akram Yu:suf ‘Umar al-Qawa:simi:, *Mausu‘at al-Ima:m al-Sha:fi‘iyy*, Ensiklopedia Imam al-Shafie, Pengantar Mazhab al-Imam al-Sha:fi‘iyy jld 2, hlm. 55.

³⁶ *Ibid*, hlm. 56

kenal-mengenal antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Allah S.W.T berfirman dalam Surah al-Hujura:t, ayat 13,

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya : “ Wahai manusia! Sungguh, Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sungguh, yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sungguh, Allah Maha Mengetahui Maha Teliti.”

Inilah motivasi yang mendorong Imam Shafie mempelajari nasab dan sejarah di daerah pedalaman hingga akhirnya mampu menguasainya dengan baik. Al-Baihaqi: membuat satu bab khusus dengan judul, “Bukti Imam Shafie Menguasai Nama, Nasab dan Sejarah.” Al-Baihaqi: menghimpun banyak riwayat yang menunjukkan Imam Shafie menghimpun banyak riwayat yang menunjukkan Imam Shafie menguasai ilmu ini dengan cemerlang.(Al-Baihaqi:, 1971 : 486) . Demikian pula riwayat dengan sanadnya sampai kepada Mus‘ab bin ‘Abd Allah al-Zubayri: (Al-Baihaqi:, 1971: 488), beliau berkata, “Aku belum pernah menjumpai seseorang yang pengetahuannya tentang peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah bangsa Arab selain Shafie”.(Al-Baihaqi:, 1971: 488).

Kehadiran Imam Shafie di tengah-tengah suku Arab khususnya suku Hudhayl di daerah pedalaman sekitar Makkah merupakan momentum kedua paling penting dalam perkembangan keilmuannya sekaligus menjadi landasan yang kukuh bagi ilmu-ilmu yang bakal dibangunnya seperti fiqh, hadis dan lain-lain. Riwayat yang disampaikan

oleh al-Baihaqi: dengan sanadnya sampai kepada Muḥammad, anak kepada puteri Imam Shafie, beliau berkata, “ Shafie tinggal di kawasan pedalaman selama dua puluh tahun untuk mempelajari bahasa Arab dan peristiwa-peristiwa penting sepanjang sejarah bangsa Arab. Imam Shafie berkata, “Apa yang aku inginkan dari semua ini adalah untuk mempertajam kefahaman tentang ilmu agama Islam”. (Al-Baihaqi:, 1971: 42). Sungguhpun demikian, Imam Shafie tidak bermukim di pedalaman, sebaliknya beliau datang ke suku pedalaman pada waktu-waktu tertentu dan sekali-sekala menetap untuk jangka waktu tertentu. Ini kerana suku Hudhayl tinggal di sekitar Makkah dan proses pembelajaran ini dilakukan oleh Imam Shafie selama bertahun-tahun.

Yu:suf al-Baqa:’i: menukilkan bahawa Imam Shafie telah mempelajari tatabahasa Arab dan nilai estetikanya selama lebih 20 tahun walaupun beliau sendiri pada hakikatnya seorang bangsa Arab dan telah bertutur dengan bahasa Arab sejak kecil lagi.³⁷

‘Abd al-Ma:lik bin Hisha:m pernah berkata, “Imam bahasa dan nahu bagi penduduk Mesir pada zamannya ialah Imam Shafie. Diceritakan bahawa Ibn Hisha:m apabila menghadapi masalah dalam bahasa, dia akan menghantar wakil kepada Imam Shafie untuk berhujjah mengenainya. Abu: ‘Uthma:n al-Mazini: menulis bahawa Imam Shafie adalah hujjah bagi kami dalam ilmu nahu. Abu ‘Ubayd al-Qa:sim bin Salam pula berkata: “ Imam Shafie adalah orang yang diakui sebagai pakar bahasa.”³⁸

Al-Ja:hiz pernah mengungkapkan,“ Aku telah meneliti sekian banyak buku-buku mereka yang pakar dalam ilmu dan aku tidak temui yang terlebih baik susunannya seperti Imam Shafie. Percakapannya bagaikan susunan permata-permata. Imam Aḥmad

³⁷ Muḥammad bin Idris: al-Sha:fi’iyy, Di:wa:n al-Ima:m al-Sha:fi’iyy, hlm 15.

³⁸ Ibid, hlm 14.

mengatakan “ Tidak seorangpun yang menghasilkan karangan sepertimana hasil pena Imam Shafie yang dipenuhi kebaikan.”³⁹

2.4 Murid-murid Imam Shafie

Imam Shafie mempunyai bilangan murid yang begitu ramai dari pelbagai golongan dan keturunan. Tidak kurang dari 200 orang di kalangan mereka kemudiannya telah muncul sebagai tokoh-tokoh ulama’ yang agung satu ketika dahulu.⁴⁰ Antara mereka ialah Aḥmad al-Hajja:j al-Maru:zi:⁴¹, Aḥmad bin Kha:lid al-Khila:l al-Baghda:diyy⁴², Aḥmad bin Sa‘i:d bin Bashi:r⁴³, Aḥmad bin Sunan al-Qaṭṭan⁴⁴, Aḥmad bin ‘Abd Allah al-Makkiyy⁴⁵, al-Rabi:‘ bin Sulayma:n, Zakariyya: bin Yahya:, Sulayma:n bin Dawud al-‘Aṭṭar, Abu: Shuayb al-Misri: dan ramai lagi.

Murid-murid Imam Shafie ini telah menyebarkan aliran fiqh al-Sha:fi‘iyy dan aliran ijtihadnya hingga ke seluruh pelusuk dunia. Ramai di kalangan mereka yang disebutkan di atas muncul sebagai para mujtahidin pada beberapa zaman selepas kematian Imam Shafie.

Beberapa karya agung seperti Mana:qib al-Sha:fi‘iyy⁴⁶, Ṭabaqa:t al-Fuqaha:’ al-Sha:fi‘iyyi:n⁴⁷, al-Ijtiha:d wa Ṭabaqa:t Mujtahidi: al-Shafi‘iyyaṭ⁴⁸, al-Tazkirat̄ fi: al-Fiqh

³⁹ Muḥammad bin Idris al-Sha:fi‘iyy, Di:wa:n al-Ima:m al-Sha:fi‘iyy, hlm 15.

⁴⁰ ‘Abd al-Gha:ni: al-Daqar, Al-Ima:m Al-Sha:fi‘iyy al-Faqi:h al-Sunnaṭ al-Akbar, hlm. 295.

⁴¹ Beliau merupakan pakar rujuk hadith-hadith al-Bukha:ri:.

⁴² Beliau merupakan pakar rujuk hadith-hadith al-Turmudhi dan al-Nasa:’i.

⁴³ Beliau merupakan pakar rujuk hadith-hadith Abu: Da:wud.

⁴⁴ Beliau adalah hafiz dan seorang yang mahir dalam hadis al-Bukha:ri:, Muslim dan Abu: Da:wud.

⁴⁵ Seorang ulama’ yang terkenal pada zamannya.

⁴⁶ Lihat al-Bayhaqi:, Aḥmad bin al-Ḥusayn, Mana:qib al-Sha:fi‘iyy li al-Baihaqi:, Pnyt. Sayyid Aḥmad Saqar, Jld 1, Maktabaṭ Da:r al-Tura:th, al-Qa:hiraṭ, 1970 M.

⁴⁷ Lihat Al-Dimishqi, Ibn Kathi:r, Ṭabaqa:t al-Fuqaha:’ al-Shafi‘iyyi:n. Pnyt. Aḥmad ‘Umar Ha:shim & Muḥammad Muḥammad Gharab, Maktabaṭ al-Thaqa:faṭ al-Di:niyyaṭ, al-Qa:hiraṭ, 1993 M.

⁴⁸ Lihat Muḥammad Ḥasan Hetyu, al-Ijtiha:d wa Ṭabaqa:t Mujtahidi: al-Sha:fi‘iyyaṭ, Mu’assasaṭ al-Risa:laṭ, Beirut, 1988M.

al-Sha:fi'iy⁴⁹, Mukhtaṣar al-Muzanni: fi: Furu:‘ al-Sha:fi’iyya⁵⁰ dan banyak lagi telah menyentuh tentang perkembangan fiqh al-Sha:fi'iy dan murid-muridnya.

2.5 Pandangan Ulama' Terhadap Imam Shafie

Ibn Zaulaq menukilkan bahawa Imam Shafie telah menyusun karangan nahu sebanyak 200 juzu'. Qa:di: al-Ima:m Abu: Muḥammad al-Ḥasan bin Muḥammad al-Maruni: dalam satu petikannya menulis, “Dikatakan bahawa Imam Shafie menulis 113 buah kitab dalam ilmu tafsir, fiqh, adab dan lain-lain lagi”. Ibn Hajar al-‘Asqala:ni pula mengungkapkan dalam karyanya, “Imam Shafie telah mengarang dengan begitu tekun, tepat dan teliti karangannya serta mampu menghasilkan satu kitab dalam masa separuh hari dengan susunan yang begitu menakjubkan”. Yu:nus bin ‘Abd al-A‘la: menukilkan, “Imam Shafie biasanya menyiapkan satu kitab pada setiap hari bermula dari awal pagi hingga masuknya waktu zohor”.⁵¹

Imam Shafie telah mengarang tidak kurang dari 130 hasil karya berkaitan ilmu Fiqh dan Usul Fiqh bermula dari kitab al-Ṭaha:raṭ hingga kitab Qutta' al-Ṭari:q. Antara kitab Usul Fiqh yang terkenal ialah kitab al-Risa:laṭ⁵², Ibtal al-Istihsa:n, Ikhtila:f al-Hadi:th dan lain-lain lagi. Sementara kitab-kitab Fiqh yang masyhur ialah kitab al-Ṣalawat, kitab al-Buyu:‘, al-Mazra‘aṭ, al-Da‘wa: wa al-Bayyinaṭ dan lain-lain lagi.⁵³

Ar-Rabi:‘ bin Sulayma:n berkata pada masa dahulu Imam Shafie setiap kali selesai mengerjakan solat Subuh selalu duduk memimpin halaqahnya, yang dihadiri oleh para ahli ilmu-ilmu al-Quran. Bila matahari terbit, halaqah tersebut bersurai,

⁴⁹ Lihat : Abu Hafṣ, Ṣiraṭ al-Di:n ‘Umar bin ‘Ali:, Al-Tazkiraṭ fi: al-Fiqh al-Sha:fi’iyy, Da:r al-Mana:raṭ, Jaddaṭ al-Su`udiyyaṭ, 1990M.

⁵⁰ Lihat : Muḥammad ‘Abd al-Qadr Shahin, Mukhtaṣar al-Muzanni: fi: Furu:‘ al-Shafi’iyyaṭ, Da:r al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ, Beirut, Lubna:n, 1998M

⁵¹ ‘Abd al-Gha:ni: al-Daqar, Al-Ima:m Al-Sha:fi’iyy al-Faqi:h al-Sunnaṭ al-Akbar, hlm 275.

⁵² Kitab ini merupakan kitab terawal ilmu Usul al-Fiqh. Dengan itu, Imam Shafiedianggap sebagai pengasas bagi ilmu Usul al-Fiqh.

⁵³ ‘Abd al-Gha:ni: al-Daqar, Al-Ima:m Al-Sha:fi’iyy al-Faqi:h al-Sunnaṭ al-Akbar, hlm 275.

kemudian digantikan pula oleh para ahli hadis yang mengajukan pertanyaan kepada al-Imam Shafie tentang pelbagai tafsiran dan maknanya. Ketika matahari semakin meninggi, mereka berbincang dengan bebas hingga menjelang waktu ḍuḥa. Tidak lama kemudian beliau didatangi oleh para ahli bahasa, ‘aruḍ (ilmu persajakan), nahu dan puisi. Mereka sentiasa berbincang sampai tengah hari kemudian bersurai.⁵⁴

Muḥammad bin Al-Haki:m berkata, “ Saya tidak pernah melihat orang seperti Imam Shafie. Dia didatangi oleh para ahli hadis yang mengemukakan persoalan-persoalan yang rumit mengenai hadis. Imam Shafie mengajar mereka tentang rahsia-rahsia (asra:r) ilmu hadis yang selama ini tidak pernah mereka ketahui. Kemudian mereka pergi dengan penuh kehairanan terhadap Imam Shafie. Setelah itu disusuli dengan kedatangan para ahli fiqh, baik yang sependapat mahupun tidak. Mereka tidak akan berganjak daripada tempat itu kecuali mereka telah berasa puas. Imam Shafie juga didatangi oleh para ahli sastera yang mengajukan puisi kepada beliau, kemudian beliau menjelaskan kepada mereka. Sesungguhnya Imam Shafie menghafal 10 ribu bait puisi bangsa Hudhayl dengan nada dan makna yang sempurna. Beliau juga merupakan seorang ahli sejarah yang ulung dan dikenali sebagai orang yang paling ikhlas beramal”.

Diriwayatkan daripada Muḥammad bin ‘Abd al-Rahma:n bin Abu: Ha:tim daripada Abu: al-Ḥasan daripada ‘Abd al-Rahmaṭ daripada Abu: Muḥammad, cucu lelaki daripada anak perempuan Imam Shafie yang berkata, “ Saya mendengar cerita daripada al-Jaru:di:. Juga daripada bapa saudara atau bapa saya daripada Muslim bin Kha:lid, bahawa dia pernah berkata kepada Muḥammad bin Idri:s, ketika itu usianya 18 tahun, “ Berfatwalah kamu hai Abu: ‘Abd Allah, sesungguhnya kamu sudah berhak memberikan fatwa.”⁵⁵

⁵⁴ Muḥammad ‘Alif Al-Za’by, Nasihat Imam Shafie, hlm 9

⁵⁵ Ibid, hlm 10

Imam al-Humadi: menyatakan, “ Dahulu kamu sudah menangkis pernyataan orang yang menaruh kepercayaan kepada dalil akal (ahl al-ra’y), sampai akhirnya kami mendapatkan kemudahan setelah hadirnya Imam Shafie.⁵⁶

Abu: Isma‘i:l al-Tirmi:zi: berkata, “ Dahulu ketika kami berada di Makkah, saat itu kami berkumpul dengan Imam Shafie dan Imam Aḥmad. Imam Aḥmad berkata kepadaku, “Hai Abu: Ya‘qu:b, bergaullah dengan Imam Shafie.” Aku bertanya kepadanya, “Apa yang harus aku lakukan, bukankah usianya sebaya denganku? Mestikah aku tinggalkan Ibnu ‘Uyaynaṭ dan al-Maqri:?” Aḥmad bin Ḥanbal menjawab, “Bukan begitu, orang-orang itu sudah ketinggalan zaman sedangkan yang ini tidak. Dan yang terakhir itulah yang patut kau pergauli.”⁵⁷

Menurut Muḥammad bin Yahya: bin Hisan, dia mendengar Aḥmad bin Ḥanbal berkata, ”Muḥammad bin Idri:s itu seorang yang sangat memahami al-Quran dan Hadis, dia amat rajin menghafal hadis-hadis itu.”⁵⁸

Menurut Muḥammad bin al-Faḍl, dia mendengar bapanya berkata, ”Saya pernah menunaikan haji bersama Aḥmad bin Ḥanbal, dan kami tinggal di Makkaṭ dalam satu kampung. Pada suatu masa dia pergi awal pagi, dan saya pun menyusurinya. Setelah selesai solat Subuh, saya mengelilingi masjid, kemudian saya pergi ke majlis Sufya:n Ibn‘Uyaynaṭ dengan maksud mencari Aḥmad bin Ḥanbal di tengah kerumunan orang banyak itu. Aku lihat dia sedang duduk berdampingan dengan seorang lelaki yang berpakaian lusuh, berkepala botak. Aku berusaha untuk mendekati mereka, kemudian aku berkata kepada Aḥmad bin Ḥanbal, “Hai Abu:‘Abd Allah! Kau telah meninggalkan Ibn‘Uyaynaṭ, padahal di sana ada al-Zuhri:, ‘Amr bin Di:nar, Ziya:d bin ‘Alaqaṭ dan

⁵⁶ Muḥammad ‘Alif Al-Za’by, Nasihat Imam Shafie, hlm 10

⁵⁷ Ibid, hlm 10

⁵⁸ Ibid, hlm 11

banyak para ta:bi'i:n berkumpul” Aḥmad menjawab, “Diamlah kamu, jika kamu ketinggalan pemberitahuan tentang sesuatu hadis mungkin kamu masih dapat menemukannya di dalam al-Quran. Akan tetapi jika kamu ketinggalan maklumat tentang orang ini, kamu tidak akan menemuinya lagi sampai hari kiamat, aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih faham tentang al-Quran daripada orang ini.” Saya bertanya kepada Aḥmad, “Siapakan orang ini?” Dia menjawab, “Muḥammad bin Idri:s”.⁵⁹

Al-Rabi:‘ bin Sulayma:n berkata, aku mendengar ‘Abdal-Ma:lik bin Hisha:m al-Nahwiyy berkata, “ Imam Shafie adalah ahli bahasa.” Menurut Aḥmad bin Ḥanbal, Imam Shafie adalah orang yang paling fasih bacaannya, sehingga Imam Ma:lik pun mengaguminya. Menurut Imam Ma:lik, dia tidak pernah melihat orang sefasih Imam Shafie. Abu ‘Ubayd bin Sala:m mengatakan, “ Imam Shafie adalah ahli bahasa.” Al-Rabi:‘ mengatakan, “ Imam Shafie adalah orang yang berjiwa dan berlidah Arab.” Aḥmad bin Surayj mengatakan, saya belum pernah menemukan orang yang pintar berbicara melebihi Imam Shafie”⁶⁰.

Abu Nu‘aym al-Astara:badi: mendengar Al-Rabi:‘ berkata, “Imam Shafie itu orang yang fasih berbicara dan bahasanya sederhana sekali, sehingga dapat diterima oleh semua golongan masyarakat. Meskipun dia pengarang kitab-kitab besar, bahasanya tetap sederhana, sehingga dapat difahami oleh orang awam sekalipun.”⁶¹

Al-Ja:hiz mengatakan, “Saya telah melihat kitab-kitab yang dikarang oleh para ahlinya, dan saya tidak melihat kitab yang disusun dengan baik melebihi kitab yang ditulis oleh Imam Shafie. Karangannya laksana mutiara yang terangkai dengan rapi.”⁶²

⁵⁹ Muḥammad ‘Alif Al-Za’by, Nasihat Imam Shafie, hlm. 9-12.

⁶⁰ Ibid, hlm 13.

⁶¹ Ibid, hlm.13

⁶² Ibid 14

Aḥmad bin Ḥanbal mengatakan. “Tidak seorangpun yang memegang pena dan dakwat kecuali dia berguru kepada Imam Shafie”.⁶³

2.6 Puisi Imam Shafie

Kebiasaanya, umat Islam atau bukan Islam mengenali Imam Shafie sebagai salah seorang ulama' fiqh yang masyhur. Namun kemampuan Imam Shafie tidaklah terbatas hanya dalam bidang fiqh semata-mata. Beliau juga merupakan pakar dalam mencipta bait-bait puisi yang indah. Bait-bait puisi beliau mengandungi pelbagai kata hikmah yang berupa nasihat.

Menurut nukilan Mus'ab bin 'Abd Allah al-Zubayri:⁶⁴, beliau mengatakan bahawa Imam Shafie telah memulakan corak hidupnya dengan mempelajari puisi dan sastera, tetapi kemudiannya beliau memberi penekanan pada ilmu al-fiqh. Antara faktor beliau beralih pandangan adalah kerana beliau telah ditegur oleh al-Kha:tib Ibn Basu:tah yang berkata, “Orang sepertimu akan hanya menjatuhkan maruahmu dengan membaca puisi ini. Di manakah kamu tentang ilmu al-fiqh?”. Imam Shafie tersentak dengan teguran itu kemudian mulai saat itu beliau bertekad untuk menyertai majlis ilmu.

'Abd al-Gha:ni al-Daqar dalam karyanya menyebut bahawa jika tidak kerana kedudukan Imam Shafie sebagai imam mujtahid, nescaya beliau adalah sasterawan yang paling kuat imajinasinya pada zamannya. Diceritakan bahawa selepas khatam al-Quran, Imam Shafie telah menghafal puisi dan sejarahnya. Beliau telah keluar ke pedalaman Arab untuk mempelajari bahasa Arab dan tatabahasanya sehingga beliau muncul sebagai orang yang paling fasih berbahasa pada ketika itu. Imam Shafie berkata

⁶³ Muḥammad 'Alif Al-Za'by, Nasihat Imam Shafie, hlm 14.

⁶⁴ al-Baihaqi:, Mana:qib al-Sha:fi'iyy li al-Baihaqi:, Pnyt. Sayyid Ahmad Saqr, jld 1. hlm 96.

: “ Aku telah keluar dan aku menemui puak Hudhayl⁶⁵ lalu aku mempelajari bahasanya, Hudhayl adalah sefasih-fasih Arab dan umurku ketika itu 17 tahun.”

“Apabila pulang ke Makkah, aku melagu-lagukan puisi-puisi, menghafal sastera-sastera, cerita dan sejarah Arab”.⁶⁶

Al-Jundiyy dalam karangannya menukilkan bahawa Imam Shafie berada di Hudhayl dalam waktu yang lama sehingga beliau menghafal lebih dari 10 000 rangkap puisi dengan i‘ra:b⁶⁷ dan maksudnya. Beliau mampu memahami kesemuanya itu dalam usianya yang masih muda.⁶⁸

Al-Asma:’i:⁶⁹ berkata ketika membicarakan tentang Imam Shafie: “Bacaanku dalam antologi Hudhayl telah disahkan betul oleh seorang pemuda Quraish yang digelar Muḥammad bin Idri:s. Al-Asma:’i: telah membaca antologi tersebut hingga selesai dan beliau juga seorang yang pakar dalam bahasa Arab dengan riwayatnya yang agung. Setelah selesai membacanya Imam Shafie berkata : “ Tidak ada seorang pun susunan bahasanya yang lebih baik daripada al-Asma:’i:”.⁷⁰

Imam Shafiejuga dikatakan banyak menampilkan gaya bahasa al-Quran dalam penyampaian puisinya, di samping beliau juga banyak memanfaatkan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Ini mungkin kerana di awal kehidupan, beliau berada di Makkah dan guru-gurunya di Makkah sangat mengambil berat tentang al-Quran, isi kandungan maksudnya dan lafaznya. ‘Abd Allah ibn ‘Abba:s juga ketika itu berada di Makkah, di mana beliau menjadi rujukan dalam mentafsir dan menterjemah ayat-ayat al-Quran.

⁶⁵ Salah satu dari dialek kabilah Arab yang termasuk dalam Qira’ah al-Sab’ah penurunan al-Quran al-Karim.

⁶⁶ ‘Abd al-Ghani: al-Daqar, Al-Ima:m Al-Sha:fi’iyy al-Faqi:h al-Sunnaṭ al-Akbar, hlm. 245.

⁶⁷ Fleksi : perubahan keadaan pada akhir perkataan disebabkan faktor tertentu.

⁶⁸ ‘Abd al-Hali:m al-Jundiyy, Al-Ima:m al-Sha:fi’iyy - Naṣir al-Sunnaṭ wa Waḍi al-‘Usul, hlm 50.

⁶⁹ Al-Asma:’i: adalah al-Ima:m Abu Sa’i:d ‘Abd al-Ma:lik bin Qari:b bin ‘Ali: bin Isma:’i:l al-Baha:li: dari keturunan Baṣrah.

⁷⁰ ‘Abd al-Hali:m al-Jundiyy, Naṣir al-Sunnaṭ wa Waḍi al-‘Usul, hlm 51.

Imam Shafie sendiri pernah menyokong tafsiran-tafsiran al-Quran oleh Ibn ‘Abba:s dengan puisi-puisi Arab yang dihafalnya. Jadi, tidak hairanlah unsur-unsur al-Quran dan al-Hadis terdapat dalam puisi-puisi Imam Shafie.⁷¹

Puisi-puisi Imam Shafie telah dihimpunkan dalam buku yang berjudul “Di:wan Al-Sha:fi‘iyy”. Di dalam buku Di:wan Al-Sha:fi‘iyy ini, puisi-puisi beliau telah dibahagikan mengikut tajuk-tajuk tertentu. Tajuk-tajuk tersebut disusun daripada Qa:fiat alif hingga ya.’

Dari pembentangan di sini, jelas menunjukkan bahawa bahawa Imam Shafie sebenarnya seorang pakar dalam puisi walaupun ia bukanlah bidang utama yang mencorakkan hidupnya. Kepintarannya yang melagukan puisi sememangnya telah terbukti dengan wujudnya antologi puisi yang dihimpunkan oleh penulis-penulis selepasnya.

2.7 Kewafatan Imam Shafie

Imam Shafie telah ditimpa penyakit buasir ketika beliau berada di Mesir. Penyakit ini dikatakan berpunca dari amalan pemakanan al-lubba:n⁷². Beliau berkata, “Aku makan al-lubba:n ini untuk menjaga hafalanku, selepas memakannya aku terkena penyakit buasir berdarah selama satu tahun.” Dengan sakit yang dideritainya, beliau semakin hari semakin tenat hingga membawa kepada kematiannya.⁷³

Ada pula pendapat yang mencatatkan bahawa Imam Shafie meninggal dunia kerana dipukul oleh sekumpulan lelaki dari sahabat-sahabat Imam Ma:lik bin Anas

⁷¹ ‘Abd al-Gha:ni: al-Daqar, Al-Ima:m Al-Sha:fi‘iyy al-Faqi:h al-Sunnat al-Akbar, hlm. 253-255.

⁷² Sejenis ‘chewing gum’ yang diperbuat daripada sejenis pokok kecil yang berduri yang tingginya tidak melebihi dua hasta.

⁷³ Ibn al-Ima:d, ‘Abd al-Hayy ibn Ahmad, Shazarat al-dhahab fi akhbar man dhazab, jld 2, hlm 9.

yang tidak bersetuju dengan pendapatnya dalam beberapa masalah al-fiqh. Mereka sering berdebat dengan beliau dan akhirnya mereka yang taksub telah bertindak memukul Imam Shafie hingga membawa kepada kematiannya di Mesir.⁷⁴

Dikatakan juga bahawa berita masyhur tentang sebab kematian Imam Shafie ialah kisah Fitya:n bin Abu al-Samah al-Misri yang berdebat dengan beliau. Fitya:n tidak berpuas hati dengan perdebatan itu dan menaruh perasaan dendam pada Imam Shafie lalu memukulnya dengan pemukul besi. Beliau telah jatuh sakit akibat dari pukulan itu hingga akhirnya membawa pada kematiannya. Walau bagaimanapun, ia bukanlah pendapat yang muktamad.⁷⁵

Imam Shafie wafat pada tahun 204 H (819 M) iaitu ketika berumur 54 tahun. Di saat-saat kematiannya, muridnya yang terkenal, al-Muzanni: telah pergi menziarahinya di mana Imam Shafie mengungkapkan dengan nada yang sayu, “Aku telah melayari dunia dan akan berpisah dengan rakan taulan, saat kematian telah dapat aku rasai, aku berwirid menyebut nama Allah, dan sesungguhnya aku tidak tahu ke mana arah tuju rohku, kiranya ke syurga ia menggembirakanku, atau ke neraka maka aku akan sangat berduka lara.”⁷⁶ Kemudian beliau menangis terisak-isak sambil bersyair. “Di saat hatiku sudah beku, pandanganku sudah kabur, Harapanku hanya satu, keampunan-Mu ya Tuhan!”

Al-Rabi:‘ bin Sulayma:n berkata, “Imam Shafie telah meninggal dunia pada malam Jumaat, selepas akhir Isya:’ pada hari terakhir dalam bulan Rejab. Jenazahnya dikebumikan pada hari Jumaat, pada awal bulan Sha‘ba:n 204 H.⁷⁷ Di saat kami sedang berkerumun, setelah selesai mengebumikan jenazah beliau, datanglah seorang Badwi

⁷⁴ Al-Hamawi:, Shiha:b al-Di:n Ya:qu:t ibn ‘Abd Allah, Mu‘jam al-‘Udaba:’, jld 17, hlm. 322.

⁷⁵ Abd al-Gha:ni: al-Daqar, Al-Ima:m Al-Sha:fi’iyy al-Faqi:h al-Sunna’ al-Akbar, hlm 161.

⁷⁶ ‘Abd al-Rahma:n ibn ‘Ali: al-Jawzi:, Şifat al-Şafwa’, jld. 2, hlm 146.

⁷⁷ Ibid, jld. 2, hlm 147 ; Al-Ra:zi, Ibn Abu: Ha:tim, Ada:b al-Sha:fi’iyy wa Mana:qibuhu, hlm 26.

hitam menghadap kami, lalu bertanya, “Mana bulan dan matahari halaqah kita?” Kami menjawab, “Dia sudah meninggal dunia.” Badwi itu menangis dan berkata, “Hujjah orang itu selalu mengalahkan hujjah orang lain, ia ramah dan bersahabat pada orang yang memusuhinya, dialah penerang hati umat yang berada dalam kegelapan, dan idea-ideanya selalu menjadi idea baru.”⁷⁸

2.8 Rumusan Bab

Sejarah hidup Imam Shafie telah membuktikan bahawa beliau banyak melibatkan diri dalam menimba pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Boleh dikatakan sepanjang kehidupan beliau dipenuhi dengan proses menimba ilmu daripada ulama'-ulama' mu'tabar dan kemudian berkongsi ilmu-ilmu tersebut dengan masyarakat umum semenjak kecil hinggalah wafat. Sememangnya Imam Shafie seorang yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan tanpa mengenal erti penat-lelah dan putus asa. Penglibatan awal Imam Shafie dalam bidang bahasa Arab telah memudahkan beliau untuk menguasai disiplin-disiplin ilmu yang lain seperti fiqh dan hadis. Oleh yang demikian Imam Shafie bukan sahaja pakar dalam bidang fiqh dan hadis semata-mata, tetapi juga telah dinobatkan sebagai seorang pakar bahasa Arab yang unggul dan diakui oleh ramai ulama'silam.

⁷⁸ Muḥammad 'Alif al-Za'by, Nasihat Imam Shafie, hlm 15

BAB 3

USLUB INSYA:'IYY DAN ASPEK-ASPEK PENTING YANG BERKAITAN DENGANNYA

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan mengupas maksud ilmu al-Ma'a:niyy terlebih dahulu dan diikuti dengan maksud uslub Insha:'iyy. Seterusnya uslub Insha:'iyy akan dibahagikan kepada dua jenis iaitu al-Insha:' al-Ṭalabiyy dan al-Insha:' Ghayr al-Ṭalabiyy. Penulis akan mengemukakan contoh dan perbincangan bentuk-bentuk lafaz al-Insha:' al-Ṭalabiyy seperti Al-'Amr (Suruhan), Al-Nahy (Larangan), Al-Istifha:m (Pertanyaan), Al-Tamanniyy (Angan-angan / Subjungtif) dan Al-Nida:' (Seruan). Ini disusuli dengan contoh dan perbincangan al-Insha:' Ghayr al-Ṭalabiyy iaitu lafaz Al-Madh / Al-Zamm (Pujian / Celaan), Al-'Uqu:d ('Akad), Al-Qasam (Sumpah), Al-Ta'ajjub (Kekaguman) Al-Raja:' (Harapan), Rubba (رَبُّ) dan Kam Al-Khabariyyat (كَمْ). Setiap jenis lafaz al-Insha:' al-Ṭalabiyy dan al-Insha:' Ghayr al-Ṭalabiyy akan disertakan maksud tersirat dari aspek balaghah berdasarkan konteks ayat.

3.1 Pengertian Ilmu al-Ma'a:niyy

Sebelum menyelusuri pengertian uslub Insha:'iyy, adalah lebih baik diteliti makna ilmu al-Ma'a:niyy kerana Uslub Insha:'iyy merupakan sebahagian daripada pecahan ilmu al-Ma'a:niyy dalam perbincangan balaghah. Perkataan al-Ma'a:niyy (الْمَعَانِي) dari sudut bahasa ialah jamak bagi perkataan makna (مَعْنَى) yang bererti maksud. Dari sudut balaghah ialah menyatakan apa yang tergambar dalam hati dengan menggunakan lafaz-lafaz yang jelas. (Al-Ha:syimiyy : tt : 39).

Terdapat beberapa pengertian bagi ilmu al-Ma'a:niyy yang diutarakan oleh para ulama' balaghah. Menurut Al-Sakka:kiyy ⁷⁹, ilmu al-Ma'a:niyy ialah ⁸⁰:-

" هُوَ تَتَبُّعُ خَوَاصِّ تَرَائِبِ الْكَلَامِ فِي الْإِفَادَةِ وَمَا يَتَّصِلُ بِهَا مِنَ الْاسْتِحْسَانِ وَعَبْرِهِ لِيَحْتَرَزَ بِالْوُقُوفِ عَلَيْهَا
عَنِ الْخَطَأِ فِي تَطْبِيقِ الْكَلَامِ عَلَى مَا يَفْتَضِي الْحَالُ."

Maksudnya : “ Ia adalah penelitian terhadap ciri-ciri dalam struktur sesuatu perkataan dalam memberi makna yang lengkap bagi menentukan sama ada tepat atau tidak tepat untuk memelihara daripada kesalahan dalam pengujaran yang bersesuaian dengan konteksnya.”

Manakala menurut Al-Khati:b Al-Qazwi:niyy ⁸¹, ilmu al-Ma'a:niyy ialah ⁸²:-

" هُوَ عِلْمٌ تُعْرَفُ بِهِ أَحْوَالُ اللَّفْظِ الْعَرَبِيِّ الَّتِي بِهَا يُطَابِقُ مُقْتَضَى الْحَالِ "

Maksudnya : “ Ia merupakan satu ilmu untuk mengenalpasti bentuk-bentuk lafaz Arab yang bersesuaian dengan konteksnya.”

Pengertian yang telah dibuat oleh Al-Khati:b Al-Qazwi:niyy ini lebih masyhur dan padat daripada pengertian-pengertian ilmu al-Ma'a:niyy yang lain. Ia telah diterima pakai oleh majoriti ulama balaghah dalam kitab-kitab penulisan mereka. ⁸³

⁷⁹ Beliau ialah Abu: Ya'qu:b Yu:suf al-Sakka:kiyy (meninggal dunia pada 626 H). Merupakan ulama' Balaghah yang terkenal pada kurun ke-7. Lihat Dr 'Isa: 'Ali Al-'Aqub, Al-Ka:fi: fi: 'Ulu:m Al-Bala:ghat al-'Arabiyyat, hlm. 19.

⁸⁰ Ibid, hlm 53.

⁸¹ Beliau ialah Al-Ima:m Jalal Al-Di:n Qa:di: al-Quda:t Muhammad bin 'Abd Al-Rahma:n yang terkenal dengan Al-Khati:b Al-Qazwi:niyy. Merupakan ulama' Balaghah kurun ke-8. Meninggal dunia pada 739 H. Ibid, hlm 21.

⁸² Ibid, hlm 53.

⁸³ Siti Ikbal bte Sheikh Salleh, Analisis Gaya Bahasa Al-Insha:' Dalam Surah Al-Nu:r, hlm 68.

3.2 Pengertian Uslub Insha:’iyy

Perkataan al-Insha:’ dari sudut bahasa ialah kata nama terbitan (مَصْدَرٌ) yang diambil daripada kata kerja (أَنْشَأَ) yang bermaksud mengadakan atau melaksanakan atau menciptakan. Berkata orang-orang Arab “ أَنْشَأَ الْكَاتِبُ مَعَالَةً ” yang bererti : “Mengadakan penulis satu artikel”, dan “ أَنْشَأَ الشَّاعِرُ قَصِيدَةً ” yang bererti : “Mencipta penyair satu qasidah” (Ibra:hi:m Madku:r : 1980 : juz 2 : 920).

Al-Insha:’ dari sudut Balaghah pula ialah “الْإِنْشَاءُ مَا لَا يَحْتَمِلُ صِدْقًا وَلَا كَذِبًا” yang bermaksud, “ Satu ungkapanatau percakapan yang tidak mengandungi kebenaran dan pendustaanpada zatnya, dan penuturnya pula tidak boleh dikatakan seorang yang benar atau pendusta. ” (Al-Ha:syimi:yy : t t : 61). Inilah definisi yang diterima pakai oleh para ulama Balaghah. ⁸⁴

3.3 Jenis-jenis Uslub Insha:’iyy

Uslub Inshai:’iyy terbahagi kepada dua bahagian iaitu Al-Insha:’ Al-Ṭalabiyy dan Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy. Jadual (1) berikut menunjukkan pembahagian Uslub Insha:’iyy:-

Jadual 1

Jenis-jenis Uslub Insha:’iyy

Al-Insha:’Al-Ṭalabiyy	Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy
Al-’Amr	Al-Madh / Al-Zamm
Al-Nahy	Al-’Uqu:d
Al-Tamanniyy	Al-Qasam
Al-Nida:’	Al-Ta’ajjub

⁸⁴ Siti Ikbal bte Sheikh Salleh, Analisis Gaya Bahasa Al-Insha:’ Dalam Surah Al-Nu:r, hlm 68

Al-Istifha:m	Al-Raja:’
-	Rubba
-	Kam Al-Khabariyyaṭ

3.3.1 Al-Insha:’ Al-Ṭalabiyy

Al-Insha:’ Al-Ṭalabiyy adalah struktur yang mengingini terjadinya sesuatu yang belum berlaku ketika perkataan itu diucapkan. Contohnya seseorang berkata, “ Tulislah pelajaran.” Kata-kata ini merupakan satu arahan untuk dilaksanakan, tetapi perbuatan ‘menulis’ itu belum lagi berlaku ketika arahan itu diucapkan. Ini kerana orang yang diarahkan itu belum lagi menulis. Sekiranya dia telah menulis, sudah tentu kata-kata arahan itu tidak mempunyai sebarang faedah. Begitu juga apabila seseorang berkata, “ Jangan buka pintu.” Orang yang dilarang dalam kata-kata tersebut belum lagi membuka pintu. Sekiranya dia telah membuka pintu, maka sia-sialah larangan tersebut.⁸⁵

Al-Insha:’ Al-Ṭalabiyy terbahagi kepada 5 jenis iaitu Al-Amr(Suruhan), Al-Nahy(Larangan), Al-Istifha:m (Pertanyaan), Al-Tamanniyy (Angan-angan / Subjungtif) dan Al-Nida:’ (Seruan).

3.3.1.1 Al-’Amr (الأَمْر)

Al-’Amr ialah " طَلَبُ الْفِعْلِ عَلَىٰ وَجْهِ الْإِسْتِعْلَاءِ وَالْإِلْتِزَامِ " yang bermaksud, “ Tuntutan melaksanakan sesuatu perbuatan dari pihak yang lebih tinggi martabatnya dalam bentuk kemestian”.⁸⁶ Terdapat 4 bentuk pengucapan lafaz al-’Amr iaitu⁸⁷ :-

⁸⁵ Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s, Al-Balaghah Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 151.

⁸⁶ Dr ‘Abd Al-Rahma:n Hj. ‘Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 72.

⁸⁷ Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s, Al-Balaghah Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 153.

- a. Fi'l al-'Amr. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam ayat 110 surah al-Baqarat, "وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ" yang bermaksud, "Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat ”.
- b. Masdar yang menggantikan fi'l al-'Amr. Contohnya sabda Rasulullah s.a.w,⁸⁸ "صَبْرًا آلِ يَاسِرٍ، فَمَوْعِدُكُمْ الْجَنَّةُ", yang bermaksud, “ Sabarlah wahai keluarga Yasir, Maka tempat kamu semua adalah di syurga”.
- c. Al-fi'lal-Muda:ri' yang disertai dengan huruf La:m al-'Amr. Contohnya firman Allah S.W.T dalam ayat 7 Surah al-Talaq, " لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ " yang bermaksud : “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya.”
- d. Ism fi'l al-'Amr.⁸⁹ Contohnya, “ صَهُ مِنْ كَلَامِكَ هَذَا ” yang bermaksud, “ Diamlah engkau dari pembicaraanmu ini !”

Lafaz al-'Amr asalnya menunjukkan kewajipan untuk melakukan sesuatu. Oleh sebab itu, sesuatu suruhan adalah daripada pihak yang mempunyai martabat yang lebih tinggi kepada pihak yang kedudukannya yang lebih rendah. Suruhan tersebut adalah dalam bentuk-bentuk sebagaimana dalam Jadual 2 yang berikut.

⁸⁸ Ditakhrijkan oleh al-Ha:kim dalam kitab al-Mustadrak dan Abu: Na'i:m dalam kitab al-Hulliyat (1/140) : daripada 'Uthma:n bin 'Affa:n r.a. dan al-Ha:kim berkata : Sahih dengan syarat Muslim. Disepakati oleh al-Dhahabi:. Dan Sanadnya terputus.

⁸⁹ Dr 'Abd Al-Rahma:n Hj. 'Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 73.

Jadual 2

Bentuk-bentuk Kata Suruhan / Perintah (Al-'Amr)

Fi'l al-'Amr (فعل الأمر)	Masdar yang menggantikan fi'l al- 'Amr (المصدر النائب عن فعل الأمر)	Al-Fi'l Al-Muḍa:ri ' al-'Amr yang disertai oleh la:m (الفعل المضارع المقرون بلام الأمر)	Ism fi'l al-'Amr (اسم فعل الأمر)
وَأَقِيمُوا وَعَانُوا	صَبْرًا	لِيُنْفِقَ	صَةً

Terdapat juga bentuk al-'Amr yang telah terkeluar daripada maksud asal atau maksud hakiki(suruhan)untuk menunjukkan maksud-maksud Balaghah yang tersirat(الْمَعَانِي الْبَلَاغِيَّةُ)dalam konteks ayat-ayatnya.Antara maksud-maksud Balaghah yang tersirat dalam konteks ayat-ayat al-'Amr ialah sebagaimana berikut.

a. Al-Du'a: (الدُّعَاءُ)

Suatu doa, permohonan, permintaan pertolongan, keampunan, rahmat dan sebagainya yang disertai rasa tunduk, rendah diri dan pengharapan oleh pihak yang martabatnya lebih rendah kepada pihak yang dipohon. Contohnya ⁹⁰, doa seorang hamba yang beriman, "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا" yang bermaksud, "Ya Allah, ampunilah kami dan rahmatilah kami".

Fi'l al-'Amr dalam doa di atas (ارْحَمْنَا dan اغْفِرْ) lahir daripada seorang hamba Allah yang bertujuan berdoa memohon keampunan dan rahmat kepada

⁹⁰ Dr. Faḍl Ḥasan 'Abba:s, Al-Balaghah Funu:nuha wa Afna:nuha, 'Im al-Ma'a:ni, hlm 154.

Allah S.W.T. Tidak logik sekiranya seseorang hamba itu memerintah Allah S.W.T melainkan dengan tujuan berdoa ini.

b. **Al-Iltima:s** (**الِئْتِمَاسُ**)

Suatu permintaan daripada seseorang kepada rakannya yang sama darjat atau sama kedudukannya. Permintaan ini biasanya menggunakan nada yang rendah sahaja. Contohnya kata seseorang kepada rakannya yang sama kedudukan⁹¹, " **أَعْطِنِي الْكِتَابَ** " yang bermaksud, “ Berikan kepadaku buku itu ”.

Fi'l al-'Amr (**أَعْطِنِي**) dalam contoh di atas bertujuan untuk melahirkan permintaan daripada seorang rakan kepada rakan yang lain yang sama darjat dengan menggunakan nada suara yang rendah tanpa sebarang kekerasan. Sekiranya nada yang tinggi digunakan, maka ia bukanlah bermakna permintaan.

c. **Al-'Irsha:d** (**الْإِرْشَادُ**)

Suatu nasihat, pengajaran dan panduan hidup yang tidak disertai paksaan dan tidak menunjukkan kemestian untuk dilaksanakan. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam Surah Al-A'raf ayat 199, **خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ** " yang bermaksud, “ Jadilah pemaaf, dan suruhlah perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan pedulikan) orang-orang yang bodoh (yang degil dengan kejahilannya)”.

Dalam ayat ini, Allah S.W.T menganjurkan kita supaya sentiasa menjadi seorang yang pemaaf, menyeru kepada kebaikan dan menjauhi orang yang degil dengan kejahilan melalui penggunaan fi'l al-'Amr yang berikut (**خُذِ, وَأْمُرْ, وَأَعْرِضْ**).

⁹¹ Dr. Faq̄l Ḥasan 'Abba:s, Al-Balaghāt Funu:nuha wa Afna:nuha, 'Im al-Ma'a:ni, hlm 154.

d. Al-Tamanniyy (التَّمَنِّي)

Suatu keinginan yang disukai tetapimustahil akan berlaku. Contohnya, kata Umru al-Qais, " بُصْبِحَ وَمَا إِصْبَاحُ مِنْكَ بِأَمْثَلِ " أَلَا أَيُّهَا اللَّيْلُ الطَّوِيلُ أَلَا اجْعَلِي " Yang bermaksudnya : “ Duhai wahai malam yang panjang, terbitkanlah cahaya pagi, dan terbitnya cahaya pagi olehmu itu (sebenarnya) bukanlah suatu hal yang lebih baik.

Dalam bait puisi di atas, 'Umru: al-Qays melahirkan keinginan agar cahaya yang terang menerangi waktu malam. Sememangnya waktu malam adalah gelap dan keinginan 'Umru al-Qays itu sesuatu yang mustahil berlaku melainkan waktu malam diterangi oleh bulan purnama. Keinginan beliau digambarkan melalui penggunaan fi'1 al-'Amr (اجْعَلِي).

e. Al-Takhyi:r (التَّخْيِيرُ)

Suatu pemilihan di antara dua perkara yang tidak membolehkan seseorang mengambil kedua-dua pilihan tersebut dalam satu waktu. Contohnya kata seseorang ⁹², " إِقْرَأْ فِي النَّحْوِ كَتَبَ ابْنُ هِشَامٍ أَوْ ابْنُ مَالِكٍ " yang bermaksud, “Bacalah tentang ilmu nahu yang ditulis oleh Ibnal-Hisha:m atau Ibnal-Ma:lik.”

Dalam contoh di atas, fi'1 al-'Amr (إِقْرَأْ) digunakan untuk memberi pilihan sama ada membaca buku nahu karya Ibn al-Hisha:m atau karya Ibn Al-Ma:lik. Hanya satu buku sahaja yang boleh dipilih untuk dibaca. Mustahil seseorang dapat membaca dua buku dalam masa yang sama. Oleh itu, suruhan ini merupakan arahan untuk memilih satu buku sahaja dan bukannya kedua-dua buku.

⁹² Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s, Al-Balaghāt Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm. 154.

f. Al-'Iba:hat (الإِبَاحَةُ)

Suatu keharusan bagi seseorang untuk melakukan sesuatu. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat ayat 187, **وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ** "Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar.

Fi'l al-'Amr (وَكُلُوا وَاشْرَبُوا) menunjukkan bahawa Allah S.W.T mengharuskan umat Islam sama ada makan atau minum pada malam berpuasa sehingga terbit fajar.

g. Al-Ta'ji:z (التَّعْجِيزُ)

Suatu arahan untuk melahirkan kelemahan seseorang dalam melakukansesuatu perkara yang mustahil dilaksanakan. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat ayat 23, **وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا** "Dan jika kamu ragu-ragu tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka datangkanlah satu surah yang setanding dengan Al-Quran itu."

Fi'l al-'Amri (فَأْتُوا) dalam ayat di atas digunakan oleh Allah S.W.T untuk mencabar sesiapa yang meragui al-Quran sebagai kitab Allah agar mendatangkan satu surah yang menyerupai al-Quran. Sememangnya Allah Maha Mengetahui bahawa manusia sememangnya tidak mampu menyahut cabaran tersebut. Oleh yang demikian, lafaz al-'Amr ini bertujuan untuk menzahirkan kelemahan manusia menandingi kalam Allah S.W.T dan

membuktikan al-Quran bukanlah rekaan manusia biasa tetapi merupakan wahyu Allah S.W.T.

h. Al-Tahdi:d (التَّهْدِيدُ)

Suatu ugutan, ancaman atau janji balasan buruk terhadap mereka yang diujarkan. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam ayat 40 surah al-Fuṣṣilat أَعْمَلُوا ”مَا شِئْتُمْ” yang bermaksudnya : “ Buatlah apa yang kamu suka.”

Lafaz al-'Amr (أَعْمَلُوا) yang digunakan dalam ayat di atas sebenarnya bukanlah bermaksud suruhan melakukan sesuatu mengikut kehendak secara bebas. Tetapi merupakan satu ugutan atau ancaman kepada golongan yang menyeleweng dari jalan yang benar dan mereka tetap akan menerima balasannya. Ugutan yang menggunakan lafaz al-'Amr ini boleh menyebabkan seseorang tersentak dan kembali sedar dan insaf daripada melakukan penyelewengan tersebut berbanding penggunaan kata la: na:hiyat (jangan) yang sudah biasa didengar.

i. Al-Imtina:n (الْإِمْتِنَانُ)

Suatu pengurniaan atau penganugerahan seperti firman Allah S.W.T dalam ayat 141 surah al-An'a:m, “ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ ” yang bermaksud, “Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah”.

Dalam ayat di atas, lafaz al-'Amr (كَلُوا), Allah S.W.T memerintahkan hamba-hamba-Nya memakan buah-buahan apabila telah berbuah. Perintah ini bukanlah perintah wajib tetapi merupakan satu perkhabaran yang menunjukkan satu pengurniaan dan penganugerahan rezeki daripada Allah S.W.T kepada hamba-hamba-Nya.

j. Al-Taswiyat (التَّسْوِيَةُ)

Suatu penyamaan di antara dua perkara yang sama nilainya. Contohnya firman Allah S.W.T dalam ayat 16 Surah Al-Tu:r, "أَصْلَوْهَا فَأَصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا سَوَاءٌ" yang bermaksud, "Rasalah bakarannya, sama ada kamu bersabar (menderita azab) atau tidak bersabar, sama sahaja (tidak ada faedahnya) kepada kamu.

Dalam lafaz al-'Amr (أَصْلَوْهَا) di atas, Allah S.W.T menjelaskan persamaan di antara golongan yang bersabar atau yang tidak sabar menghadapi penderitaan api neraka. Tidak ada pengecualian di antara kedua-dua golongan tersebut daripada merasai bahang bakaran api neraka walaupun mereka bersabar sebagai balasan mendustai rasul.

Maksud-maksud tersirat yang dijelaskan ini merupakan sebahagian daripada maksud-maksud balaghah yang tersirat dalam konteks ayat-ayat suruhan. Maksud-maksud tersirat tersebut diringkaskan sebagaimana Jadual 3 berikut :-

JADUAL 3

Maksud-Maksud Tersirat Dalam Konteks Ayat Suruhan / Perintah

(السِّيَاقِيَّةُ لِلْأَمْرِ الْمَعَانِي الْبَلَاغِيَّةُ /)

Bil	Lafaz al-'Amr	Maksud Tersirat
1.	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا	Al-Du'a: (الدُّعَاءُ)
2.	أَعْطِنِي الْكِتَابَ	Al-Iltima:s (الْإِلْتِمَاسُ)
3.	خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ	Al-'Irsha:d (الْإِرْشَادُ)

4.	أَلَا أَيُّهَا اللَّيْلُ الطَّوِيلُ أَلَا انجَلِ بُصْبِحَ وَمَا الْإِصْبَاحُ مِنْكَ بِأَمْثَلِ	Al-Tamanniyy (التَّمَنِّي)
5.	اقْرَأْ فِي النَّحْوِ كَتَبَ ابْنُ هِشَامٍ أَوْ ابْنُ مَالِكٍ	Al-Takhyi:r (التَّخْيِيرُ)
6.	وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ	Al-Ta'ji:z (التَّعْجِيزُ)
7.	اعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ	Al-Tahdi:d (التَّهْدِيدُ)
8.	كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ	Al-Imtina:n (الْإِمْتِنَانُ)
9.	أَصْلَوْهَا فَاصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ	Al-Taswiyat (التَّسْوِيَةُ)

3.3.1.2 Al-Nahy (النَّهْيُ)

Al-Nahy ialah "طَلَبُ الْكَفِّ عَنِ الْفِعْلِ أَوْ الْإِمْتِنَاعِ عَنْهُ عَلَىٰ وَجْهِ الْإِسْتِعْلَاءِ وَالْإِلْتِزَامِ" yang bermaksud, “ Larangan meninggalkan sesuatu perbuatan atau mencegah sesuatu perbuatan daripada pihak atasan kepada pihak yang lebih rendah martabatnya dalam bentuk kemestian”.⁹³

Bentuk lafaz al-Nahy hanya satu sahaja iaitu al-Fi‘l al-Muda:ri‘ yang disertai dengan lafaz la: al-na:hiyat al-ja:zimat (لَا النَّاهِيَةَ الْجَازِمَةَ) atau (لَا) yang berfungsi untuk melarang serta mematikan baris hujung perkataan al-fi‘l al-Muda:ri‘. Contohnya, firman Allah S.W.T di dalam ayat 32 Surah al-Isra:’ berikut :-

⁹³ Dr ‘Abd Al-Rahma:n Hj. ‘Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm77.

"وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَاتِ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا" yang bermaksud, "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)." Dalam ayat ini Allah S.W.T melarang hamba-hamba-Nya daripada menghampiri perbuatan zina dengan lafaz la: al-na:hiyat yang diikuti dengan al-fi'l al-muḍa:ri' (وَلَا تَقْرُبُوا).⁹⁴ Ayat larangan yang terdapat dalam al-fi'l al-muḍa:ri' itu menggunakan ganti nama orang kedua (ضَمِيرٌ مُخَاطَبٌ) seperti contoh di atas.

Terdapat juga al-fi'l al-muḍa:ri' pada kata ganti nama orang kedua itu diiringi oleh nu:n al-tauki:d (نُؤْنُ التَّوَكِيدِ) selepas la: al-na:hiyat seperti firman Allah S.W.T dalam ayat 57 Surah Al-Nu:r, " لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ " yang bermaksud, " Janganlah engkau (Muhammad) menyangka orang-orang kafir itu akan dapat melemahkan kekuasaan Allah". Al-fi'l al-muḍa:ri' (لَا تَحْسَبَنَّ) dalam ayat ini menggunakan ganti nama orang kedua diiringi oleh nu:n al-tauki:d di akhirnya selepas la: al-na:hiyat.⁹⁵

Kadangkala ayat larangan itu digunakan pada ganti nama orang ketiga (ضَمِيرٌ غَائِبٌ) seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Nu:r ayat 31, " وَلَا يَضُرُّنَّ بَأْرَاجِلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا " يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ " yang bermaksud, " Dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka". Al-fi'l al-muḍa:ri' (وَلَا يَضُرُّنَّ) dalam ayat ini menggunakan ganti nama orang ketiga iaitu perempuan-perempuan yang beriman selepas la: al-na:hiyat.⁹⁶

⁹⁴ Dr. Faḍl Ḥasan 'Abba:s, Al-Balaghāt Funu:nuha wa Afna:nuha, 'Im al-Ma'a:ni, hlm. 158.

⁹⁵ Siti Ikbāl bte Sheikh Salleh, Analisis Gaya Bahasa Al-Insha: Dalam Surah Al-Nu:r, hlm. 133-134

⁹⁶ Ibid, hlm. 134

Jadual 4

Bentuk-bentuk Kata Larangan / Tegahan (Al-Nahy)

<p>lafaz la: al-na:hiyaṭ al- ja:zimaṭ (لَا النَّاهِيَةَ الْجَازِمَةَ) diikuti al-fi'l al-Muḍa:ri' (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ)yang menggunakan ganti nama orang kedua (ضَمِيرٌ مُخَاطَبٌ)</p>	<p>lafaz la: al-na:hiyaṭ al- ja:zimaṭ (لَا النَّاهِيَةَ الْجَازِمَةَ) diikuti al-fi'l al-Muḍa:ri' (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ)yang menggunakan ganti nama orang kedua (ضَمِيرٌ مُخَاطَبٌ) dan bersambung dengan nu:n al-tawki:d (نُؤْنُ التَّوَكِيدِ)</p>	<p>lafaz la: al-na:hiyaṭ al- ja:zimaṭ (لَا النَّاهِيَةَ الْجَازِمَةَ) diikuti al-fi'l al-Muḍa:ri' (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ)yang menggunakan ganti nama orang ketiga (ضَمِيرٌ مُخَاطَبٌ)</p>
<p>وَلَا تَقْرُبُوا</p>	<p>لَا تَحْسَبَنَّ</p>	<p>وَلَا يَضُرِّيَنَّ</p>

Terdapat lafaz Al-Nahy yang menyimpang daripada maksud asalnya iaitu larangan hakiki kepada maksud-maksud balaghah yang tersirat berdasarkan konteks ayat sebagaimana berikut :-

a. Al-Du'a' (الدُّعَاءُ)

Suatu doaatau permintaan daripada pihak yang kedudukannya lebih rendah kepada pihak yang lebih tinggi martabatnya agar dijauhi daripada sesuatu perkara. Contohnya firman Allah S.W.T dalam ayat 286 Surah Al-Baqaraṭ, " رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ " yang bermaksud, "Wahai Tuhan kami !

Janganlah Engkau pikulkan kami dengan apa yang kami tidak terdaya memikulnya.”

Dalam doa di atas, lafaz la: al-na:hiyaṭ digandingkan dengan al-fi‘l al-muḍa:ri‘ yang menggunakan ganti nama kedua (وَلَا تُحْمَلْنَا). Doa ini dipohon oleh seseorang dengan penuh khusyuk dan rasa rendah diri bersesuaian dengan statusnya seorang hamba Allah S.W.T yang meminta agar tidak dibebani dengan sesuatu perkara yang tidak mampu dihadapi.

b. Al-‘Irsha:d (الْإِرْشَادُ)

Suatu bimbingan dan panduan agar meninggalkan sesuatu perkara. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam ayat 101, Surah Al-Ma‘idaṭ, “ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءٍ إِنْ تُبَدَّ لَكُمْ تَسْؤُكُمْ ” yang bermaksud, “ Wahai orang-orang yang beriman ! Janganlah kamu bertanya(kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu”.

Lafaz la: al-na:hiyaṭ di dalam ayat di atas disertai dengan al-fi‘l al-muḍa:ri‘ menggunakan ganti nama kedua (لَا تَسْأَلُوا). Larangan ini ditujukan kepada orang-orang mukmin agar tidak bertanya sesuatu perkara yang jika diterangkan akan menyusahkan diri mereka sendiri. Larangan ini merupakan satu nasihat dan panduan kepada umat Islam agar berhati-hati ketika mengemukakan sesuatu soalan.

c. Al-Tamanniyy (التَّمَنِّي)

Suatu keinginan terhadap sesuatu perkara yang mustahil berlaku.

Contohnya kataseorang pengantin baru : ⁹⁷ يَا لَيْلِ طُلِّ يَا نَوْمِ زُلِّ. يَا صُبْحِ قِفِّ لَا

⁹⁷Ali: al-Jari:m, Al-Bala:ghaṭ al-Wa:ḍiḥaṭ, hlm 79.

"تَطَّلِعْ yang bermaksud "Wahai malam, panjanglah engkau ! Wahai tidur, lenyaplah engkau! Wahai Subuh, berhentilah dulu, jangan terbit !"

Lafaz la: al-na:hiyaṭ dalam bait puisi di atas digandingkan dengan al-fi'l al-muḍa:ri' menggunakan ganti nama kedua (لَا تَطَّلِعْ). Puisi ini menjelaskan keinginan pengantin baru yang tidak mahu kemunculan pagi esok kerana pada hari perkahwinan, pengantin akan menjadi raja sehari dan dilayan dengan penuh istimewa oleh orang ramai. Namun keinginan tersebut tidak mungkin akan berlaku kerana di luar bidang kuasanya. Hari esok tetap akan muncul dan berakhirlah layanan istimewa seorang pengantin baru.

d. Al-Taḥdi:d (التَّهْدِيدُ)

Suatu ancaman atau ugutan untuk menakut-nakutkan seseorang daripada melakukan sesuatu. Contohnya, kata guru kepada orang yang malas dalam pelajarannya sebagai satu bentuk kata ancaman⁹⁸, " لَا تَدْرُسْ! " yang bermaksud : "Jangan belajar!".

Dalam ancaman di atas, lafaz la: al-na:hiyaṭ digandingkan dengan al-fi'l al-muḍa:ri' menggunakan ganti nama kedua (لَا تَدْرُسْ!). Seseorang guru kadangkala terpaksa menggunakan nada yang agak tinggi untuk menakut-nakutkan pelajarannya agar meninggalkan pelajaran. Tujuan sebenar guru mengucapkan larangan sedemikian adalah untuk menyedarkan pelajar bahawa pelajaran sangat penting dan meninggalkan sikap malas belajar.

⁹⁸ Dr. Faḍl Ḥasan 'Abba:s, Al-Bala:ghaṭ Funu:nuha wa Afna:nuha, 'Im al-Ma'a:ni, hlm 158.

e. **Al-Taḥqīr** (التَّحْقِيرُ)

Suatu penghinaan dengan melarang sesuatu perkara. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam ayat 88 Surah al-Hijr, " لَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ " yang bermaksud, "Janganlah engkau menunjukan pandanganmu (serta menaruh hati) kepada nikmat kesenangan yang Kami berikan kepada beberapa golongan di antara mereka (yang kafir itu)."

Lafaz la: al-na:hiyaṭ dalam ayat di atas digandingkan dengan al-fi'l al-muḍa:ri' menggunakan ganti nama kedua disusuli dengan nu:n al-tawki:d (لَا تَمُدَّنَّ). Allah S.W.T bukanlah melarang untuk kita melihat dengan pancaindera mata terhadap kekayaan orang-orang kafir tetapi larangan yang dimaksudkan ialah menaruh hati terhadap nikmat yang dikurniakan kepada golongan kafir. Larangan ini merupakan satu penghinaan sekiranya umat Islam melakukannya kerana harta yang banyak tanpa akidah yang benar adalah sia-sia sebagaimana harta yang dimiliki oleh orang-orang kafir tetapi tidak mahu beriman kepada Allah S.W.T.

f. **Al-'Iltima:s** (الْأَلْتِمَاسُ)

Suatu larangan biasa seseorang kepada rakannya yang sama kedudukan daripada melakukan sesuatu perkara. Contohnya kata seseorang kepada rakannya yang sederajat⁹⁹, " لَا تَبْرَحْ مِنْ مَكَانِكَ حَتَّىٰ أَرْجِعَ إِلَيْكَ " yang bermaksud, "Janganlah engkau pindah dari tempatmu sampai aku kembali kepadamu."

Lafaz la: al-na:hiyaṭ dalam kata-kata di atas diikuti dengan al-fi'l al-muḍa:ri' menggunakan ganti nama kedua (لَا تَبْرَحْ). Larangan biasa ini diungkapkan oleh seseorang kepada rakannya agar tidak beredar dari tempatnya

⁹⁹ Dr. 'Abd Al-Rahma:n Hj. 'Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 79-80.

kerana dia sendiri akan kembali ke tempat rakannya itu. Namun larangan tersebut tidak semestinya diikuti oleh rakannya memandangkan kedua-duanya sama dari segi martabat.

g. Al-Tai'is (التَّيْسُ)

Larangan melakukan sesuatu yang sia-sia kerana ketidakmampuan untuk melakukannya. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Tahrim ayat 7, "يَا أَيُّهَا الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَعْتَذِرُوا الْيَوْمَ", yang bermaksudnya, “(Malaikat itu akan berkata kepada orang-orang yang dimasukkan ke dalam neraka) : “Hai orang-orang yang kufur ingkar ! Janganlah kamu memintakeuzuran (dengan meminta ampun) pada hari ini, (kerana masanya telah terlambat).

Lafaz la: al-na:hiyat di dalam ayat di atas diikuti oleh fi'l al-muḍa:ri‘ menggunakan kata ganti nama kedua (لَا تَعْتَذِرُوا). Pada hari akhirat nanti, malaikat akan melarang orang-orang kafir daripada memohon keampunan kepada Allah kerana perbuatan sedemikian adalah sia-sia dan sudah terlambat.

Maksud-maksud larangan yang tersirat dalam konteks ayat-ayatnya diringkaskan dalam Jadual 5 berikut :-

JADUAL 5

Maksud-Maksud Tersirat Dalam Konteks Ayat Larangan / Tegahan

(السِّيَاقِيَّةُ لِلنَّهْيِ الْمَعَانِي الْبَلَاغِيَّةُ /)

Bil	Lafaz al-Nahy	Maksud Tersirat
1.	وَلَا تُحْمَلْنَ مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ	Al-Du‘a:’ (الدُّعَاءُ)
2.	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءَ إِن	Al-’Irsha:d (الإِرْشَادُ)

	تُبَدَّ لَكُمْ تَسْوُكُم	
3.	يَا لَيْلُ طُلَّ يَا نَوْمُ زُلْ. يَا صُبْحُ قِفْ لَا تَطْلُعْ	Al-Tamanniyy (التَّمَنِّي)
4.	لَا تَدْرُسْ!	Al-Tahdi:d (التَّهْدِيدُ)
5.	لَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ	Al-Taḥqi:r (التَّحْقِيرُ)
6.	لَا تَبْرَحْ مِنْ مَكَانِكَ حَتَّىٰ أَرْجِعَ إِلَيْكَ	Al-'Iltima:s (الْإِلْتِمَاسُ)
7.	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَعْتَدِرُوا الْيَوْمَ	Al-Tai'i:s (التَّيْسِيرُ)

3.3.1.3 Al-Tamanniyy (التَّمَنِّي)

Lafaz al-Tamanniyy ialah ¹⁰⁰، “طَلَبُ الشَّيْءِ الْمَحْبُوبِ الَّذِي لَا يُرْجَى لِإِسْتِحَالَةِ الْحُصُولِ”، yang bermaksud, “Suatu keinginan terhadap sesuatu yang digemarit tetapi tidak boleh dicapai kerana kemustahilan untuk mencapainya atau kesukaran untuk mendapatkannya.”

Kata-kata yang digunakan untuk al-Tamanniyy/subjungtif itu lazimnya ada empat jenis iaitu laita (لَيْتَ) sebagai kata asal, dan tiga lagi yang bukan asal tetapi berfungsi sebagai pengganti laita yang digunakan untuk tujuan Balaghah atau makna-makna tersirat dalam konteks ayat-ayatnya, iaitu hal (هَلْ), law (لَوْ), dan la'alla (لَعَلَّ).

¹⁰⁰ Dr. 'Abd Al-Raḥma:n Hj. 'Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 98.

- a. Laita (لَيْتَ). Laita yang bererti mudah-mudahan adalah kata asal yang ditetapkan oleh ulama balaghah untuk al-tamanniyy / subjungtif. Ia digunakan untuk melahirkan keinginan yang hakiki yang tidak diharapkan keberhasilannya kerana kebanyakan manusia menginginkan sesuatu perkara yang mustahil. (Al-Khafi: al-Qazwi:ni:yy : 1932 : 151). Oleh kerana laita merupakan kata asal bagi al-tamanniyy, maka Allah S.W.T banyak menggunakan kata ini dalam al-Quran untuk menggambarkan keinginan atau cita-cita para nabi-Nya, Rasul-Nya, orang-orang mukmin dan juga orang-orang kafir. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam surah al-Fajr ayat 24, “يَقُولُ يَلَيْتَنِي قَدَّمْتُ حَيَاتِي” yang bermaksud, “ Ia akan berkata: Alangkah baiknya kalau aku dahulu sediakan amal-amal baik untuk hidupku (di sini). ” Dalam ayat ini, orang-orang yang tidak beriman pada hari akhirat nanti melahirkan keinginan semula untuk beramal-soleh di dunia sebagai bekalan di akhirat tetapi mereka tahu keinginan itu sudah terlambat dan mustahil mereka dikembalikan semula ke dunia setelah dihisab pada hari akhirat.

Sebahagian besar ayat al-tamanniyy laita ini didahului oleh kata seruan (حَرْفُ نِدَاءٍ) ya: (يَا) yang bererti wahai. Ini adalah untuk mengeluarkan intonasi suara yang tersendiri ketika melahirkan keinginan atau cita-cita yang sukar untuk dicapai (Abd al-Rahman Al-Maydani:yy : 1993:juz1:248).

- b. Hal (هَلْ). Keinginan yang menggunakan kata halyang pada asalnya merupakan kata tanya yang bererti adakah. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam Surah al-Mu'min ayat 54, “فَهَلْ لِي خُرُوجٍ مِنْ سَبِيلٍ” yang bermaksud, “ Maka adakah sebarang jalan (untuk kami keluar dari neraka) ?”. Ayat ini menggambarkan keinginan yang mustahil. Orang-orang kafir mengetahui bahawa tidak ada jalan untuk

mereka keluar dari neraka jahannam, tetapi mereka tetap berharap ke arah itu melalui kata al-tamanniyy hal.

Penggunaan hal di tempat laita itu mengandung tujuan Balaghah yang unik iaitu untuk melahirkan keinginan yang mustahil dalam gambaran yang harus berlaku sebagai menyatakan keprihatinannya terhadap keinginan tersebut dan berharap untuk mencapainya. (Muḥammad Ya:si:n Al-Fa:da:ni:yy : 1938 : 50).

- c. Law (لَوْ).Keinginan yang menggunakan kata law yang menunjukkan sesuatu keinginan yang tidak mungkin dapat dicapai. Pada asalnya law adalah kata shart yang mengaitkan antara fi'l al-shart dan jawa:b al-shart. Ia digunakan untuk tujuan Balaghah dengan makna laita. Ia juga menasabkan fi'l muḍa:ri' yang menjadi jawa:b al-shart dengan andaian wujudnya partikel 'an (أَنَّ) selepas fa:' al-jawa:b yang menjadi jawapan kepada law al-tamanniyy. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Shu'ara:' ayat 102, “ فَلَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَكُونُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ” yang bermaksud, “ Maka alangkah baiknya kalau kami dapat kembali ke dunia sekali lagi, supaya kami menjadi dari orang-orang yang beriman.” Dalam ayat ini Allah S.W.T menggambarkan orang-orang kafir teringin kembali semula ke dunia untuk beriman kepada Allah S.W.T, sedangkan mereka sebenarnya mengetahui bahawa keinginan mereka itu sia-sia sahaja.

Rahsia penggunaan law dalam ayat al-tamanniyy / subjungtif adalah untuk menunjukkan jarangnyanya terjadi sesuatu perkara yang diharapkan dalam gambaran yang mungkin tidak wujud, kerana partikel law pada asalnya ialah partikel yang menunjukkan tertegahnya jawapan lantaran tertegahnya syarat (حَرْفُ امْتِنَاعِ الْجَوَابِ لِامْتِنَاعِ الشَّرْطِ) (Al-Ha:shimi:yy: tt: 81)

- d. La'alla (لَعَلَّ). Kata la'alla yang bererti moga-moga itu pada asalnya merupakan kata harapan (tarajji:), tetapi digunakan untuk tujuan al-tamanniyy dengan makna laita. Ia menasabkan al-fi'l al-muda:ri' dengan andaian wujudnya partikel (أَنْ) selepas fa:' al-jawa:b (فَأَنَّ الْجَوَابِ) yang menjadi jawapan kepada la'alla. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam Surah Gha:fir, ayat 36-37, لَعَلِّي أَبْلُغُ " " لَعَلِّي أَبْلُغُ (٣٦) أَسْبَبَ السَّمَوَاتِ فَأَطَّلِعَ إِلَىٰ إِلَهِ مُوسَىٰ yang bermaksud “Semoga aku sampai ke jalan-jalan (yang aku hendak tujui) . (Iaitu) ke pintu-pintu langit, supaya aku dapat melihat Tuhan Musa. ” Ayat ini menunjukkan bahawa kesampaian Fir'awn ke pintu-pintu langit untuk melihat Tuhan Musa itu merupakan satu keinginan yang mustahil, tetapi kerana kejahilannya, ia tetap mengharap keberhasilannya.

Rahsia penggunaan la'alla di tempat laita adalah sama dengan kata hal, iaitu untuk menggambarkan keinginan yang mustahil yang terlalu jauh untuk dicapai dalam gambaran yang harus berlaku dalam waktu yang hampir sebagai menyatakan perhatian yang berat untuk mendapat keberhasilannya ('AbdAl-Fatta:h Lashi:n: 1976 : 146).

Menurut al-Sakka:ki:yy (1983 :307), huruf-huruf yang berbentuk penyesalan dan galakan (حُرُوفُ التَّنَدِيمِ وَالتَّحْضِيضِ) juga mengandungi makna tamanni:yy yang digunakan untuk tujuan Balaghah yang tertentu, hal (هَلْ) dan law (لَوْ) yang bersambung dengan la:(لَ) dan ma: (مَا) menjadi halla (هَلَّا), lawla (لَوْلَا) dan lawma (لَوْمَا). Halla bererti mengapa tidak atau tidakkah. Manakalalawla dan lawma bererti mengapa tidak. Huruf-huruf tersebut disusun begitu rupa adalah semata-mata untuk menggugurkan makna pertanyaan pada hal (adakah) dan makna syarat pada law(

jikalau), supaya huruf-huruf tersebut sesuai untuk melahirkan makna al-tamanni:yy / subjungtif.

Huruf-huruf tersebut, apabila digunakan pada fi'l ma:di: bertujuan untuk penyesalan (التَّائِبِمْ), iaitu menunjukkan pendengar menyesal di atas tindakannya yang lalu (Al-Sakka:ki:yy : 1983 : 307). Contohnya, "هُلَّا أَكْرَمْتَ صَاحِبَكَ" yang bermaksud, "Mengapa tidak engkau menghormati sahabat engkau." Dan seperti "لَوْلَا حَضَرْتَ مَعَنَا" yang bermaksud "Mengapa tidak kamu hadir bersama kami." Dan seperti "لَوْلَا دَاكْرَتَ دُرُوسَكَ؟" yang bermaksud "Mengapa tidak kamu mengulangkaji pelajaran kamu?". Ungkapan-ungkapan ini mengandungi tujuan tamanni:yy / subjungtif dengan makna laita (mudah-mudahan) dan menunjukkan pendengar menyesal meninggalkan perbuatan-perbuatan tersebut.

Menurut al-Zarkashi:yy (1972 juz 4:377), selain daripada makna penyesalan, huruf-huruf ini juga mengandungi makna celaan jika digunakan pada fi'l ma:di: seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Nu:r ayat 13, "لَوْلَا جَاؤُا عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءَ" yang bermaksud, "Mengapa mereka tidak mendatangkan empat orang saksi untuk membuktikan tuduhan mereka".

Apabila digunakan pada al-fi'l al-muḍa:ri', ia bertujuan untuk galakan, iaitu menggalakkan pendengar melakukan perbuatan yang diujarkan kepadanya. Contohnya, "هُلَّا تُكْرِمُ صَاحِبَكَ؟" yang bermaksud, "Tidakkah kamu memuliakan sahabat kamu?". Dan seperti "لَوْلَا تَحْضُرُ حِفْلَنَا" yang bermaksud, "Mengapa tidak kamu hadir ke majlis kami?". Dan seperti "لَوْلَا تَزُورُنَا" yang bermaksud "Mengapa tidak kamu melawat kami?". Ungkapan-ungkapan ini mengandungi makna al-tamanni:yy laita dan

⁷⁵ Dr. Faḍl Ḥasan 'Abba:s, Al-Bala:ghaḥ Funu:nuha wa Afna:nuha, 'Im al-Ma'a:ni, hlm 164.

bertujuan untuk menggalakkan pendengar memuliakan sahabatnya, hadir ke majlis mereka dan melawat mereka.

Di samping penggunaan huruf-huruf yang tersebut di atas, al-tamanni:yy juga boleh direalisasi dengan lafaz-lafaz kata kerja seperti “ تَمَنَّى ” dan “ أَمَلَ ” yang bererti berharap atau bercita-cita dan ia digunakan pada ganti nama orang pertama (ضَمِيرٌ مُتَكَلِّمٌ). Contohnya, seperti “ تَمَنَيْتُ لَوْ كُنْتُ مَعِيَ ” yang bermaksud “Saya berharapandainya kamu dapat berada bersama saya”, dan “ أَمَلْتُ أَنْ أَفُوزَ فِي الْمُسَابَقَةِ ” yang bermaksud “ Saya bercita-cita agar saya menang dalam pertandingan itu ”.

Jadual 6

Bentuk-Bentuk Kata Tamanniyy / Subjungtif (أَدَوَاتُ التَّمَنِّي)

Bil	Kata al-Tamnni:yy (أَدَوَاتُ التَّمَنِّي)	Maksudnya (مَعْنَاهُ)	Tujuannya (أَعْرَاضُهُ)
1.	Laita (لَيْتَ)	Mudah-mudahan	Untuk keinginan hakiki
2.	Hal (هَلْ)	Adakah	Untuk melahirkan keinginan yang mustahil dalam gambaran yang harus berlaku
3.	Law (لَوْ)	Jikalau	Untuk menunjukkan jarangnyanya berlaku keinginan yang diharapkan dalam gambaran yang tidak wujud
4.	La'alla (لَعَلَّ)	Moga-moga	Untuk menggambarkan keinginan yang mustahil yang terlalu jauh dalam gambaran yang harus berlaku
5.	Halla (هَلَّا)	Tidakkah /	Bertujuan penyesalan dan celaan

		Mengapa tidak	jika digunakan pada al-fi' al-ma:di: dan bertujuan untuk galakan jika digunakan pada al-fi'l al-muḍa:ri'
6.	Lawla (لَوْلَا)	Mengapa tidak	Bertujuan penyesalan dan celaan jika digunakan pada al-fi' al-ma:di: dan bertujuan untuk galakan jika digunakan pada al-fi'l al-muḍa:ri'
7.	Lawma (لَوْمًا)	Mengapa tidak	Bertujuan penyesalan dan celaan jika digunakan pada al-fi' al-ma:di: dan bertujuan untuk galakan jika digunakan pada al-fi'l al-muḍa:ri'

3.3.1.4 Al-Nida:’ (النِّدَاءُ)

Al-Nida:’ ialah طَلَبُ إِقْبَالِ الْمُخَاطَبِ، وَإِنْ شِئْتَ فَعُلْ : دَعْوَةُ الْمُخَاطَبِ بِحَرْفِ نَائِبِ مَنَابٍ " " طلبُ إقبالِ المُخاطَبِ، وإن شئتَ فعُلْ : دَعْوَةُ الْمُخَاطَبِ بِحَرْفِ نَائِبِ مَنَابٍ " " (أُنَادِي) (أَدْعُو) أو (أُنَادِي) " " yang bermaksud, “Seruan untuk memanggil seseorang dengan menggunakan huruf yang menggantikan tempat fi’l (أَدْعُو) atau (أُنَادِي)”.¹⁰² Huruf-huruf al-Nida:’ terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :-

Bahagian Pertama

Huruf al-Nida’ untuk kata seru dekat iaitu kata seru terhadap orang yang sedang mendengar atau orang yang berada berhampiran dengan orang yang melafazkan kata seru :-

a. Al-Hamzah (أ) –Contohnya “أَبْنِيَّ”. Maksudnya :- “Wahai anakku !”

¹⁰² Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s, Al-Bala:ghaḥ Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 167.

b. Ayy (أَيُّ) –Contohnya “أَيُّ بَنِي” . Maksudnya :- “ Wahai anakku !”

Kadang-kadang lafaz (أ) dan (أَيُّ) digunakan sebagai seruan kepada orang yang jauh atau yang sudah tiada tetapi dekat di hati sanubari. Contohnya kata seorang penyair :-

" أَسْكَنْ نَعْمَانَ الْأَرَكَ تَيَقَّنُوا بِأَنَّكُمْ فِي رَيْعِ قَلْبِي سُكَّانُ "

Maksudnya : ” Wahai penduduk Na’man Al-’Ara:k, yakinlah kamu semua bahawa diri kamu sekalian telah bersemayam di dalam lubuk hatiku.”¹⁰³

Bahagian kedua

Huruf al-Nida:’ untuk kata seru yang jauh :

a. Ya (يَا). Huruf nida:’ ini merupakan huruf yang paling banyak digunakan. Ada pendapat yang mengatakan huruf ini merangkumi seruan untuk yang jauh dan yang dekat. Tetapi kebanyakan ulama’ meletakkannya sebagai kata seru untuk yang jauh. Contohnya :- ! وَيَا اللَّهُ¹⁰⁴ ! يَا رَبُّ . Maksudnya :- “ Ya Tuhan ! Ya Allah !”

b. Aya: (أَيَا). Contohnya lafaz penyair,¹⁰⁵

أَيَا جَامِعِ الدُّنْيَا لِعَيْرِ بِلَاغَةٍ لِمَنْ بَجَمَعَ الدُّنْيَا وَأَنْتَ تَمُوتُ

Maksudnya : “ Wahai orang yang menghimpun dunia tanpa batas, untuk siapakah engkau menghimpun harta, sedangkan engkau bakal meninggal.”

¹⁰³ Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s, Al-Bala:ghaḥ Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 168

¹⁰⁴ Ibid, hlm 168-169.

¹⁰⁵ Ibid, hlm 169.

Kadang-kadang digunakan kata seru yang jauh untuk memanggil orang yang dekat tetapi menunjukkan perbezaan darjat. Contohnya :-¹⁰⁶

i. Perkataan seseorang kepada tuannya sedangkan dia berada berhampirannya:-

(أَيَا مَوْلَايَ) - “Wahai Tuanku”.

ii. Isyarat bahawa yang dipanggil itu rendah darjatnya :-

(أَيَا هَذَا) - “Hai engkau ini !”.

iii. Isyarat bahawa yang dipanggil itu lalai disebabkan oleh seumpama tidur atau hilang akal:-

(أَيَا فُلَانُ) - “Wahai fulan...!”

c. Waa (وَآ). Kata seru yang digunakan untuk ratapan. Contohnya kata Abu al-‘Ala’ dalam puisinya,¹⁰⁷

فَوَا عَجَبًا كَمْ يَدْعِي الْفَضْلَ نَاقِصٌ وَوَا أَسَفًا كَمْ يُظْهِرُ النَّقْصَ فَاضِلٌ

Maksudnya : “Aduhai anehnya, betapa ramai orang yang mengaku mempunyai kelebihan padahal dia berada dalam kekurangan. Dan aduhaisedihnya, banyak orang yang mempamerkan kekurangan padahal dia mempunyai kelebihan.

d. Hayya: (هَيَا), A: (آ) dan A:y (آي).- Kata seru ini paling sedikit digunakan.

Contohnya:-

i. هَيَا ذِكْرِيَاتِ الْمَاضِي. Maksudnya : “Wahai kenangan yang lalu !”

¹⁰⁶ Dr. ‘Abd Al-Rahma:n Hj. ‘Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 102.

¹⁰⁷ Dr. Faql Hasan ‘Abba:s, Al-Bala:ghat Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 170.

- ii. أَفَلَسْطِينِ سَلَامًا وَاعْتِدَارًا.Maksudnya : “Wahai Palestin, semoga selamat dan diampuni”
- iii. آيِ بَنِي قَوْمِي. Maksudnya : “ Wahai kabilah kaumku !”

Jadual 7

Bentuk-bentuk Kata Al-Nida:’ (Seruan)

Bil	Bahagian Pertama (Kata Seru Dekat)	Contoh	Bahagian Kedua (Kata Seru Jauh)	Contoh
1.	Al-Hamzah (أ)	أَبِيَّ	Ya: (يَا)	يَا رَبُّ ! وَيَا الله !
2.	Ayy (أَيُّ)	أَيُّ بَنِيَّ	Aya: (أَيَا)	أَيَا جَامِعَ الدُّنْيَا لِعَبْرِ بِلَاغَةٍ
3.	-	-	Wa: (وَآ)	فَوَا عَجَبًا كَمْ يَدَّعِي الْفَضْلَ نَاقِصٌ
4.	-	-	Haya: (هَيَا)	هَيَا ذِكْرِيَاتِ الْمَاضِي
5.	-	-	A: (آ)	أَفَلَسْطِينِ سَلَامًا وَاعْتِدَارًا
6	-	-	A:y (آي)	آيِ بَنِي قَوْمِي

Terdapat beberapa lafaz Al-Nida:’ yang keluar daripada maksud asalnya(hakiki) kepada makna-makna balaghah dalam konteks ayat-ayatnya. Contohnya :-¹⁰⁸

a. Al-Zajr (الزَّجْرُ)

Suatu refleksi diri, seperti ucapan seorang penyair :-

"أَفُوَادِي مَتَى الْمَتَابُ أَلَمَّا نَصَحَّ وَالشَّيْبُ فَوْقَ رَأْسِي أَلَمَّا"

¹⁰⁸ Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s , Al-Bala:ghaṭ Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 171-172.

Maksudnya : “Wahai hatiku! Bilakahengkau hendak bertaubat...? Tidakkah engkau sedari, sedangkanubantelahbanyak di kepalaku, ”

Dalam puisi ini, penyair bertanya kepada diri sendiri bilakah dia akan bertaubat sedangkan usianya semakin tua. Pertanyaan kepada diri sendiri ini merupakan satu refleksi diri agar kembali insaf di atas perbuatan yang tidak baik pada masa lampau.

b. Al-Taḥassur / Al-Tawajju‘ (التَّحَسُّرُ / التَّوَجُّعُ)

Luahan rasakekesalan dan kekecewaan. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Naba:’ ayat 40, “وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَا لَيْتَنِي كُنْتُ تُرَابًا” yang bermaksudnya, “ Dan orang kafir berkata (pada hari kiamat): Alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah (supaya aku tidak dibangkitkan dan menerima balasan)”.

Dalam ayat di atas, diceritakan bahawa orang-orang kafir di akhirat nanti akan melahirkan kekesalan dan keinginan agar dijadikan tanah supaya tidak dibangkit dan dihisab oleh Allah S.W.T.

c. Al-’Ighra:’ (الْإِغْرَاءُ)

Suatu dorongan atau galakan untuk melakukan sesuatu perintah yang diseru kepadanya, contohnya, “ يَا مَظْلُومٌ تَكَلَّمْ ” ertinya, “ Wahai orang yang dizalimi! Berkatalah kamu”.(Al-Suyu:ti:yy: 1939: 57).

Seruan di atas adalah bertujuan mendorong orang yang dizalimi supaya melaporkan kezaliman yang berlaku ke atas dirinya.

d. Al-Istigha:that (الاستِغَاثَةُ)

Suatu permohonan meminta pertolongan. Contohnya,¹⁰⁹“ يَا لَأَغْنِيَاءُ ” yang bermaksud, “Wahai orang-orang yang kaya, (berilah pertolongan) kepada orang- orang yang fakir”.

Seruan dalam contoh di atas bukan sekadar memanggil orang-orang yang kaya sahaja tetapi mempunyai maksud untuk meminta pertolongan atau bantuan.

e. Al-Ta‘ajjub (التَّعَجُّبُ)

Seruan yang menggambarkan kepelikan atau kehairanan terhadap sesuatu perkara yang tidak diketahui sebabnya. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam Surah Ya:sin ayat 30, “ يَا حَسْرَةً عَلَى الْعِبَادِ مَا يَأْتِيهِمْ مِّن رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ” yang bermaksud, “ Alangkah besarnya penyesalan yang menimpa hamba-hamba (yang mengingkari kebenaran), tiada datang kepada mereka seorang rasul melainkan mereka mengejek-ngejek dan memperolokkannya”.

Seruan dalam ayat di atas mengandungi makna ta‘ajjub terhadap sikap mereka yang mengejek rasul.

f. Al-Taḥabbub (التَّحَبُّبُ)

Luahan rasa cinta. Contohnya,¹¹⁰“ يَا حَبِيبِي ” yang bermaksud, “ Wahai kekasihku! ”. Seruan kata-kata ini diungkapi dengan rasa kecintaan.

¹⁰⁹ Dr. ‘Abd Al-Raḥma:n Hġ. ‘Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 103-104.

¹¹⁰ Ibid, hlm. 103.

JADUAL 8

Maksud-Maksud Tersirat Dalam Konteks Ayat Seruan

(السِّيَاقِيَّةُ لِلدَّاءِ الْمَعَانِي الْبَلَاغِيَّةُ /)

Bil	Lafaz al-Nida:'	Maksud Tersirat
1.	أَفْؤَادِي مَتَى الْمَتَابُ أَلْمَا تَصِحَّ وَالشَّيْبُ فَوْقَ رَأْسِي أَلْمَا	Al-Zajr (الزَّجْرُ)
2.	وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَا لَيْتَنِي كُنْتُ تُرَابًا	Al-Taḥassur / Al-Tawajju' (التَّحَسُّرُ / التَّوَجُّعُ)
3.	يَا مَظْلُومٌ تَكَلَّمْ	Al-'Ighra:' (الْإِغْرَاءُ)
4.	يَا لَلْأَغْنِيَاءِ لِلْفُقَرَاءِ	Al-Istigha:thaṭ (الْاسْتِغَاثَةُ)
5.	يَا حَسْرَةً عَلَى الْعِبَادِ مَا يَأْتِيهِمْ مِّنْ رَّسُولٍ إِلَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ	Al-Ta'ajjub (التَّعَجُّبُ)
6.	يَا حَبِيبِي	Al-Taḥabbub (التَّحَبُّبُ)

3.3.1.5 Al-Istifha:m (الْاسْتِفْهَامُ)

Al-Istifha:m ialah kata untuk meminta kefahaman tentang sesuatu. Terdapat 11 kata tanya. Dua daripadanya dikategorikan sebagai huruf iaitu al-hamzaṭ (أ) dan (هَلْ), Manakala sembilan pula dikategorikan sebagai isim iaitu (مَنْ), (مَا), (مَتَى), (كَيْفَ), (كَيْفَ), (كَيْفَ), (كَيْفَ), (كَيْفَ) dan (أَيُّ).

a. Al-Hamzat (ا) – digunakan untuk al-taşawwur¹¹¹ (التَّصَوُّرُ) dan al-taşdi:q¹¹² (التَّصْدِيقُ)).

i. Contoh al-taşawwur :- (أَسْعِدُّ فَازَ بِالْإِحَارَةِ أَمْ خَالِدٌ؟)

Maksudnya : “ Adakah Sa'i:d atau Kha:lid yang telah berjaya mendapat sijil?”

ii. Contoh al-taş:diq:- (أَطَلَعَتِ الشَّمْسُ)

Maksudnya : “ Adakah telah terbit matahari ?”

b. Hal (هَلْ) - digunakan untuk al-taşdi:q semata-mata.

Contohnya : (هَلْ يَسْتَعِدُّ الْعَرَبُ لِإِنْقَاذِ فَلَسْطِينِ؟)

Maksudnya : “Adakah orang Arab telah bersedia untuk menyelamatkan Palestin?”

c. Ma: (مَا) - digunakan untuk bertanya tentang sesuatu yang bukan manusia iaitu:-

i. Penjelasan sesuatu yang tidak berakal.

Contohnya : (مَا الْبُرُّ؟) . Maksudnya: “Apakah al-Burr?”

Jawapannya ialah (الْقَمْحُ). Maksudnya: “Gandum”

ii. Penjelasan hakikat sesuatu.

Contohnya : (مَا الْبَلَاغَةُ؟) . Maksudnya: “Apakah maksud al-Bala:ghat ?”

Jawapannya ialah (وَصُولِ الْمَعْنَى إِلَى الْقَلْبِ بِأَحْسَنِ صُورَةٍ مِنَ اللَّفْظِ) .

Maksudnya : “Sampai sesuatu makna ke dalam hati dengan bentuk lafaz yang terindah.”

iii. Penjelasan keadaan sesuatu.

¹¹¹ Al-Taşawwur ialah mengetahui sesuatu yang mufrad atau tunggal. Soalan yang sedemikian mestilah dijawab dengan penentuan salah satu daripada dua perkara yang ditanya. Soalan begini tidak boleh dijawab dengan (Ya) atau (Tidak).

¹¹² Al-Taşdi:q ialah mengetahui nisbah atau hubungan. Jawapan untuk pertanyaan seperti ini adalah dengan (Ya) atau (Tidak).

Contohnya : (مَا أَنْتَ ؟). Maksudnya : “ Bagaimana kamu sekarang ?”

Jawapannya ialah (أَنَا بِحَمْدِ اللَّهِ فِي خَيْرٍ). Maksudnya : “ Saya Alhamdulillah, sehat.”

d. Man(مَنْ) - digunakan untuk bertanya tentang manusia.

Contohnya : (مَنْ فِي الْبَيْتِ ؟). Maksudnya : “ Siapa yang ada di rumah?”

Jawapannya ialah (فُلَانٌ). Maksudnya : “Si fulan.”

e. Ayyu (أَيُّ) – digunakan untuk membezakan antara dua perkara atau lebih dan lain-lain.

Contohnya : (أَيُّ الْأَعْمَالِ خَيْرٌ ؟).

Maksudnya : “ Yang mana satukah amalan yang baik?”

f. Kam (كَمْ) – digunakan untuk bertanyakan jumlah bilangan sesuatu.

Contohnya : (كَمْ دِرْهَمًا لَكَ ؟)

Maksudnya : “ Berapa dirhamkah untuk kamu?”

g. Kaifa (كَيْفَ) - digunakan untuk bertanyakan hal keadaan.

Contohnya : (كَيْفَ زَيْدٌ ؟)

Maksudnya : “ Bagaimanakah keadaan Zaid?”

h. Aina(أَيْنَ) – digunakan untuk bertanya tentang tempat.

Contohnya : (أَيْنَ زَيْدٌ ؟). Maksudnya : “ Di manakah Zaid?”

Jawapannya ialah (فِي الدَّارِ). Maksudnya : “ Di rumah.”

i. Mata:(مَتَى) – digunakan untuk bertanya tentang masa lepas atau akan datang.

Contohnya : (مَتَى جِئْتِ ؟). Maksudnya : “ Bilakah kamu datang?”

Jawapannya ialah (سَحْرًا). Maksudnya : “ Pada waktu siang.”

j. Ayyana(أَیَّانَ) – digunakan untuk bertanya tentang masa hadapan.

Contohnya : (أَیَّانَ یَثْمُرُ هَذَا الْعَرْسُ؟).

Maksudnya : “Bilakah tanaman ini akan berbuah?”

Jawapannya ialah(بَعْدَ السَّنَةِ).Maksudnya : “Selepas setahun.”

k. Anna(أَنَّى) – digunakan untuk bertanya tentang keadaan, tempat dan masa seperti :-

i. makna (كَيْفَ). Contohnya firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarat ayat 223:-

نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأَتُوا حَرْثَكُمْ مِثْلَ شَيْئِهِمْ

Maksudnya : “ Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu. Oleh itu, datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai. ”

ii. makna (مِنْ أَيْنَ). Contohnya firman Allah S.W.T dalam surah Ali-‘Imra:n ayat 37 :-

" قَالَ يَمْرَيْمُ أَنَّى لَكَ هَذَا "

Maksudnya : “Wahai Maryam, dari mana engkau dapati (buah-buahan) ini?”

iii. makna (مَتَى). Contohnya (أَنَّى يَخْضُرُ الْعَائِثُونَ؟).

Maksudnya : “Bila orang-orang yang tidak hadir akan datang?”

JADUAL 9

Bentuk-bentuk lafaz al-istifha:m (الاستِفْهَامُ)

Bil	Kata Tanya	Ertinya	Penggunaannya / Contoh
1.	Al-Hamzat (أ)	Adakah	1. Mengetahui makna yang mufrad iaitu untuk al-taşawwur (أَسْعِيدُ فَارَ بِالْإِحَارَةِ أَمْ) (عَالِدٌ ؟) 2. Mengetahui nisbah hukum sama ada menetapkan atau menafikan iaitu untuk al-taşdi:q (أَطَّلَعْتُ الشَّمْسُ ؟)
2.	Hal (هَلْ)	Adakah	Untuk mengetahui nisbah hukum sama ada menetapkan atau menafikan iaitu untuk al-taşdi:q (هَلْ يَسْتَعِدُّ الْعَرَبُ لِإِنْقَاذِ فَلَسْطِينِ ؟)
3.	Ma: (مَا)	Apa	Untuk bertanya tentang sesuatu yang bukan manusia (مَا الْبَلَاغَةُ ؟)
4.	Man(مَنْ)	Siapa	Untuk bertanya tentang manusia (مَنْ فِي الْبَيْتِ ؟)
5.	'Ayyu (أَيُّ)	Yang mana satu	Untuk membezakan antara dua perkara (أَيُّ الْأَعْمَالِ خَيْرٌ ؟)
6.	Kam (كَمْ)	Berapa	Untuk bertanyakan jumlah bilangan sesuatu (كَمْ دِرْهَمًا لَكَ ؟)
7.	Kaifa (كَيْفَ)	Bagaimana	Untuk bertanyakan hal keadaan (كَيْفَ زَيْدٌ ؟)
8.	'Aina(أَيْنَ)	Di mana	Untuk bertanya tentang tempat (أَيْنَ زَيْدٌ ؟)
9.	Mata:(مَتَى)	Bila	Untuk bertanya tentang masa lepas atau akan datang

			(مَتَى جِئْتِ؟)
10.	'Ayya:na(أَيَّانَ)	Bila	Untuk bertanya tentang masa hadapan (أَيَّانَ يَنْتُمْ هَذَا الْعَرَسُ؟)
11.	'Anna(أَنَّى)	Bagaimana, Dari mana, Bila	digunakan untuk bertanya tentang keadaan, tempat dan masa (نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ) (قَالَ يَمْرُؤُ أَيَّ لَكَ هَذَا) (أَنَّى يَخْضِرُ الْعَائِيُونَ؟)

Terdapat beberapa lafaz Al-Istifha:m yang keluar daripada makna asalnya(makna hakiki) kepada makna-makna balaghah yang tersirat dalam konteks ayat-ayatnya. Contohnya :-

a. Al-Taswiyat (التَّسْوِيَةُ)

Persamaan sesuatu perkara. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah ayat 6,¹¹³ "إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أُنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ" yang bermaksud, “ Sesungguhnya orang-orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka : sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. ”

Maksudnya bahawa orang-orang kafir itu tahu, mereka telah diberi peringatantapi mereka terus saja dalam kekafiran dan kemungkarannya. Maka al-istifha:m di sini bukanlah untuk maknanya yang asal melainkan untuk taswiyat

¹¹³ Dr. 'Abd Al-Rahma:n Hj. 'Abd Allah, Dr. 'Abd Al-Rahma:n Hj. 'Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah) , hlm 93-98.

atau penyamaan kerana ada atau tidaknya peringatan seorang rasul terhadap mereka adalah sama saja.

b. Al-Nafy (النَّفْيُ).

Penafian sesuatu perkara dan bukannya menuntut penjelasan terhadap sesuatu pertanyaan. Contohnya, firman Allah S.W.T dalam surah al-Rahma:n ayat 60, ¹¹⁴" هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ؟ " yang bermaksud, " Bukankah tidak ada balasan bagi amalan yang baik, melainkan balasan yang baik juga."

Pertanyaan dalam ayat tersebut " هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ؟ " bermakna (مَا جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ) " Tidak ada balasan bagi amalan baik kecuali balasan yang baik jua. Ia merupakan hakikat yang telah diputuskan oleh Allah S.W.T dan tidak dapat disangkal oleh orang yang berakal.

c. Al-'Amr (الْأَمْرُ)

Suruhan atau perintah kepada pendengar sama ada yang berupa nasihat, pengajaran atau permintaan melalui ayat pertanyaan. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah al-Furqa:n ayat 20, " وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ، " yang bermaksud " Dan kami jadikan sebahagian dari kamu sebagai ujian dan cubaan bagi sebahagian yang lain, adakah kamu dapat bersabar (menghadapi ujian itu) ?"

Pertanyaan (أَتَصْبِرُونَ) dalam ayat tersebut bermaksud (اصْبِرُوا) ertinya, "bersabarlah". Allah S.W.T memerintahkan para rasul-Nya supaya bersabar dalam menghadapi golongan yang ingkar pada zaman mereka dan ia merupakan satu ujian ketika mereka menyampaikan risalah Allah S.W.T.

¹¹⁴ Dr. 'Abd Al-Rahma:n Hj. 'Abd Allah, Dr. 'Abd Al-Rahma:n Hj. 'Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 93.

d. Al-Nahy (النَّهْيُ)

Larangan sesuatu perkara untuk menarik perhatian pendengar terhadap larangan itu. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Tawbatayat 13, ¹¹⁵ " أَتَخْشَوْنَهُمْ فَأَلَلَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَوْهُ " yang bermaksud, “Adakah kamu takut kepada mereka? (sehingga kamu tidak mahu memeranginya) kerana Allah jualah yang berhak kamu takuti (melanggar perintah-Nya)”.

Pertanyaan (أَتَخْشَوْنَهُمْ) bermakna (لَا تَخْشَوْهُمْ) ertinya, “ Janganlah kamu takut kepada mereka (kaum yang kafir)”. Dalam ayat ini, Allah melarang umat Islam daripada takut memerangi orang-orang kafir yang ingkarkan perintah Allah S.W.T dan mencela agama-Nya kerana Allah S.W.T akan member pertolongan kepada mereka yang beriman.

e. Al-Tashwi:q (التَّشْوِيقُ)

Suatu pertanyaan yang bertujuan merangsang pendengar atau menarik perhatian terhadap apa yang diujarkan kepadanya. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Sa:f ayat 10, ¹¹⁶ " يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ بَحْرَةٍ مِّنْ مَّاءٍ يَدْرِيكُمْ " yang bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?”.

Dalam ayat di atas Allah S.W.T menarik perhatian orang-orang mukmin dengan mengemukakan pertanyaan yang menggunakan kata tanya hal. Allah S.W.T membuat pertanyaan kepada orang-orang mukmin sama ada mereka

¹¹⁵ Dr. ‘Abd Al-Rahma:n Hj. ‘Abd Allah, Dr. ‘Abd Al-Rahma:n Hj. ‘Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm 207.

¹¹⁶ Ibid, hlm 94-95.

mengetahui atau tidak berkenaan satu perniagaan yang dapat menyelamatkan mereka daripada azab seksaan yang pedih di akhirat. Pertanyaan tersebut tidak mengandungi makna hakiki dan tidak menuntut untuk dijawab tetapi hanya digunakan untuk menarik perhatian orang-orang mukmin sahaja kerana Allah S.W.T membuat penjelasan berkenaan perniagaan tersebut dalam ayat yang selepasnya. Perniagaan yang dimaksudkan ialah beriman kepada Allah, dan rasul-Nya, dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa.

f. Al-Taḥqīr (التَّحْقِيرُ)

Pertanyaan yang digunakan untuk memperkecilkan darjat orang lain atau menghina. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Furqan ayat 41, ¹¹⁷"أَهْلًا الَّذِي بَعَثَ اللَّهُ رَسُولًا" yang bermaksud, "Inikah orangnya yang diutus oleh Allah sebagai Rasul-Nya?".

Dalam ayat di atas, orang-orang kafir Mekah telah menghina dan mengejek Nabi Muhammad s.a.w sebaik sahaja baginda diutus menjadi rasul. Mereka memperlekehkan Rasulullah s.a.w dengan menggunakan kata tanya hamzat (ا) bererti (adakah). Penghinaan ini juga adalah semata-mata untuk mempertahankan berhala-berhala mereka selepas Rasulullah s.a.w menerangkan kepada mereka bahawa berhala-berhala yang mereka sembah itu adalah batu-bata yang tidak berdaya memberi kemudahan mahupun manfa'at kepada manusia.

¹¹⁷ Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s, Al-Bala:ghaḥ Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 207.

g. Al-Tamanni:yy / Subjungtif (التَّمَنِّي)

Suatu pertanyaan yang bertujuan melahirkan keinginan yang sukar dicapai atau mustahil dicapai. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-‘Ara:f ayat53,¹¹⁸ "فَهَلْ لَنَا مِنْ شُفَعَاءَ فَيَشْفَعُوا لَنَا أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلْ غَيْرَ الَّذِي كُنَّا نَعْمَلُ" yang bermaksud, “Maka adakah untuk kami pemberi shafa‘at supaya mereka memberi shafa‘at bagi kami”.

Pertanyaan yang menggunakan kata tanya hal ini menunjukkan bahawa orang-orang kafir berkeinginan untuk mendapatkan pemberi shafa‘at yang dapat menolong mereka pada hari kiamat itu, dan mereka teringin kembali semula ke dunia untuk melakukan sebaik-baik amalan, tetapi keinginan mereka itu sia-sia belaka dan ditolak oleh Allah S.W.T.

h. Al-Ta’zi:m (التَّعْظِيم)

Suatu pertanyaan sebagai lambang keagungan sesuatu. Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah ayat 255,¹¹⁹ "مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ" yang bermaksud, “Tiada sesiapa yang dapat memberi shafa‘at (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya”.

Dalam ayat di atas, kata tanya man (مَنْ) merupakan pertanyaan tentang siapakah yang dapat memberi pertolongan kepada orang-orang mukmin melainkan dengan izin Allah sahaja. Pertanyaan tersebut merupakan satu cara bentuk untuk mengagungkan kekuasaan Allah S.W.T yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapaupun.

¹¹⁸ Dr. Faḍl Ḥasan ‘Abba:s, Al-Bala:ghat Funu:nuha wa Afna:nuha, ‘Im al-Ma’a:ni, hlm 208.

¹¹⁹ Ibid, hlm 95.

i. Al-Ta‘ajjub (التَّعَجُّبُ)

Suatu pertanyaan menggambarkan kehairanan atau kekaguman penutur terhadap apa yang berlaku pada dirinya atau orang lain. Contohnya seseorang berkata,¹²⁰ " أَرَفَعْتَ هَذِهِ الصَّخْرَةَ ؟ " yang bermaksud, “Adakah engkau yang mengangkat batu ini?”

Pertanyaan di atas bukanlah mempersoalkan sama ada orang tersebut yang mengangkat batu itu atau tidak, tetapi sekadar melahirkan kekagumannya di atas kehebatan orang yang melakukan perbuatan tersebut.

JADUAL 10

Maksud-Maksud Tersirat Dalam Konteks Ayat Tanya

(السِّيَاقِيَّةُ لِلِاسْتِفْهَامِ الْمَعْنَى الْبَلَاغِيَّةُ /)

Bil	Ungkapan Pertanyaan	Makna Tersirat
1.	إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ	Al-Taswiyah (التَّسْوِيَةُ)
2.	هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ	Al-Nafy (النَّفْيُ)
3.	وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ	Al-'Amr (الْأَمْرُ)
4.	أَتَخْشَوْنَهُمْ فَأَلَّهَ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَوْهُ	Al-Nahy (النَّهْيُ)
5.	يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَذَلُّكُمْ عَلَىٰ تَجْرَةِ تُنْجِيكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَلِيمٍ	Al-Tashwiq (التَّشْوِيقُ)

¹²⁰ Dr. ‘Abd Al-Rahma:n Hj. ‘Abd Allah, Dr. ‘Abd Al-Rahma:n Hj. ‘Abd Allah, Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah), hlm. 206.

6.	أَهَذَا الَّذِي بَعَثَ اللَّهُ رَسُولًا	Al-Taḥqī:r (التَّحْقِيرُ)
7.	فَهَلْ لَنَا مِنْ شُفَعَاءَ فَيَشْفَعُوا لَنَا أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلْ غَيْرَ الَّذِي كُنَّا نَعْمَلُ	Al-Tamanni:yy / Subjungtif (التَّمَنِّي)
8.	مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ	Al-Ta‘zi:m (التَّعْظِيمُ)
9.	أَرْفَعْتَ هَذِهِ الصَّخْرَةَ	Al-Ta‘ajjub (التَّعْجُبُ)

3.3.2 Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy

Majoriti ulama’ Balaghah lebih mementingkan perbahasan al-Insha:’ al-Ṭalabiyy berbanding al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy. Sebahagian mereka hanya memfokuskan perbahasan terhadap al-Insha:’ al-Ṭalabiyy sahaja tanpa al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy. Sebahagian pula membahaskan al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy secara ringkas sahaja dan terus beralih kepada pembahasan al-Insha:’ al-Ṭalabiyy.¹²¹

Ini kerana sebahagian besar daripada struktur ayat al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy pada asalnya merupakan ayat khabar yang dipindahkan maknanya kepada ayat al-Insha:’ Kebanyakan ayat-ayat al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy hanya digunakan pada makna-makna asal yang ditetapkan untuknya. Umpamanya, bersumpah dan ta‘ajjub itu tidak bermaksud kepada makna lain kecuali makna bersumpah dan ta‘ajjub sahaja. Walaupun demikian, sebahagian mereka berpendapat bahawa ayat harapan (الرَّجَاءُ) itu

¹²¹ Siti Ikbal bte Sheikh Salleh, Analisis Gaya Bahasa Al-Insha:’ Dalam Surah Al-Nu:r, hlm 198.

adalah hampir kepada gaya bahasa al-Insha:’ al-Talabiyy kerana ia mempunyai kaitan dengan ayat al-tamanni:yy / subjungtif (التَّمَنِّي).¹²²

Al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy ialah struktur yang tidak mengingini berlakunya sesuatu perbuatan ketika lafaz itu diucapkan.¹²³ Lafaz-lafaz tersebut ialah Al-Madh / Al-Zamm (المَدْحُ وَالذَّمُّ) Pujian / Kejian, Al-‘Uqu:d (العُقُودُ) Akad, Al-Qasam (الْقَسَمُ) Sumpah, Al-Ta’ajjub (التَّعَجُّبُ) Kekaguman dan Al-Raja:’ (الرَّجَاءُ) Pengharapan, Rubba (رُبَّ), Kam Al-Khabariyyat (الْخَبَرِيَّةُ كَمْ).

3.3.2.1 Al-Madh / Al-Zamm (المَدْحُ وَالذَّمُّ) Pujian / Kejian¹²⁴

Maksud pujian dan kejian dari sudut balaghah ialah lafaz-lafaz al-fi’l yang telah ditetapkan untuk melahirkan puji-pujian dan keji-kejian. Dari sudut ilmu Nahu pula ialah pujian dan kejian yang berbentuk umum, tidak berkaitan dengan masa lampau atau masa hadapan. Kedua-duanya tidak terbatas kepada satu sifat yang tertentu sahaja tetapi merangkumi pelbagai sifat kebaikan dan keburukan. Contoh sifat-sifat yang baik seperti baik hati, jujur, berani, amanah dan sebagainya. Manakala contoh sifat yang buruk pula seperti bodoh, buruk, hodoh, jahil dan sebagainya. Berikut ialah lafaz-lafaz yang digunakan untuk pujian dan kejian :-

a. Lafaz (نَعِمَ)

Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Hajj, ayat 78, وَأَعْتَصِمُوا " " وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا سَائِرَ النَّاسِ إِنَّكُمْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ قَوْمًا مُّسْرِئِينَ " yang bermaksud, “Serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah ! Dialah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifat-

¹²² Siti Ikbal bte Sheikh Salleh, Analisis Gaya Bahasa Al-Insha:’ Dalam Surah Al-Nu:r, hlm 198-199.

¹²³ Dr ‘I:sa: ‘Ali: Al-‘Aq:ab, Al-Ka:fi: fi: ‘Ulu:m Al-Bala:ghat al-‘Arabiyyat, hlm 248.

¹²⁴ Ibid, hlm 249

Nya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dansebaik-baik Pemberi pertolongan.”

b. Lafaz (بَيْسَ)

Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah ayat 102, " وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ " yang bermaksud, “ Demi sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka pilih untuk diri mereka, kalaulah mereka mengetahui.”

c. Lafaz (حَسَنًا)

Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah al-Nisa’ ayat 69, " وَحَسَنًا وَلِيكَ رَفِيقًا " yang bermaksud, “ Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).”

d. Lafaz (سَاءَ)

Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Shu‘ara’ ayat 173 " مَطَرُ الْمُنذِرِينَ سَاءَ " yang bermaksud, “ Maka amatlah buruknya hujan azab yang menimpa kaum yang telah diberi amaran.”

e. Lafaz (حَبَدًا)

Contohnya, " حَبَدًا الْجَمَاهِيرِيَّةَ بَلَدًا " yang bermaksud, “ Alangkahbaiknya penduduk negeri itu.”

f. Lafaz (لَا حَبَدًا)

Contohnya, " لَا حَبَدًا دِيَارَ أَنْتَ فِيهَا مَظْلُومٌ " yang bermaksud, “ Alangkah buruknya tempat kamu yang di dalamnya terdapat orang yang dizalimi.”

JADUAL 11

Lafaz-lafaz Al-Madh / Al-Dhamm (المدح والذم) Pujian / Kejian

Bil	Lafaz Al-Madh	Contoh Ungkapan Al-Madh (المدح)	Lafaz Al-Dhamm	Contoh Ungkapan Al-Dhamm (الذم)
1.	Ni'ma (نِعْم)	وَأَعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ "	Bi'sa (بَيْس)	وَلَيْسَ مَا شَرُوا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ
2.	Hasuna(حَسَن)	وَحَسُنَاؤُكَ رَفِيقًا	Sa:'a (سَاء)	فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنْدَرِينِ
3.	Habbadha (حَبَدًا)	حَبَدًا الْجَمَاهِيرِيَّةَ بَلَدًا	La habbadha(لَا حَبَدًا)	لَا حَبَدًا دِبَارَ أَنْتَ فِيهَا مَظْلُومٌ

3.3.2.2 Al-'Uqu:d (العُقُودُ)¹²⁵ - Akad

Lafaz-lafaz Aqad dalam ilmu Balaghah bermaksud perjanjian-perjanjian yang dimeterai antara manusia dalam pelbagai akad seperti akad jual beli, akad nikah, akad memerdekakan hamba, akad talak dan sebagainya. Akad-akad ini kebanyakannya menggunakan al-fi'l al-ma:di dan disandarkan kepada ganti nama orang pertama (ضَمِيرٌ مُتَكَلِّمٌ). Contohnya, اشْتَرَيْتُ مِنْكَ (Aku beli daripada kamu), بَعَيْتُكَ (Aku jual kepada kamu), نَكَحْتُكَ ابْنَتِي (Aku nikahkan kamu dengan anak perempuanku), قَبِلْتُ نِكَاحَهَا (Aku terima nikahnya), أَعْتَمَقْتُكَ (Saya bebaskan awak), طَلَّقْتُكَ (Aku ceraikan kamu), Kadang-kadang lafaz akad datang dalam bentuk yang lain. Contohnya, أَنَا بَائِعٌ (Aku jual), عَبْدِي حُرٌّ (Hambaku bebas) dan أَنْتَ طَالِقٌ (Kamu tertalak).

¹²⁵ Dr 'I:sa: 'Ali Al-'Aqub, Al-Ka:fi: fi: 'Ulu:m Al-Bala:ghat al-'Arabiyyat, hlm 249

JADUAL 12

Lafaz dan Jenis Akad (العُقُودُ)

Bil	Lafaz akad	Jenis akad
1.	بِعْتُكَ , اِشْتَرَيْتُ مِنْكَ , اَنَا بَائِعٌ	Akad jual beli
2.	نَكَحْتُكَ ابْنَتِي, قَبِلْتُ نِكَاحَهَا	Akad nikah
3.	اَعْتَقْتُكَ, عَبْدِي حُرٌّ	Akad memerdekakan hamba
4.	طَلَّقْتُكَ, اَنْتِ طَالِقٌ	Akad talak

3.3.2.3 Al-Qasam (الْقَسْمُ) - Sumpah¹²⁶

Ungkapan yang diucapkan untuk bersumpah terdiri daripada dua unsur. Yang pertama ialah muqsam bih (مُقْسَمٌ بِهِ) iaitu zat atau lafaz suci yang digunakan untuk bersumpah seperti lafaz Allah, rasul dan sebagainya. Yang kedua pula ialah muqsam 'alaih (مُقْسَمٌ عَلَيْهِ) iaitu ungkapan yang dimaksudkan untuk menguatkan sumpah. Lafaz-lafaz sumpah yang digunakan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu :-

1. Penggunaan al-Harf

Sumpah yang menggunakan 4 huruf iaitual-ba:’, al-wa:w, al-ta:’ dan al-la:m (اَلْبَاءُ وَالْوَاوُ وَالْتَاءُ وَاللَّامُ).

- Al-ba:’ (اَلْبَاءُ) adalah asal huruf bersumpah dan ia digunakan pada semua muqsam bih sama ada pada kata nama zahir (اِسْمٌ ظَاهِرٌ) atau kata ganti nama (ضَمِيرٌ). Contoh bersumpah pada kata nama zahir seperti firman Allah S.W.T dalam Surah al-Qiyamaṭ ayat 1, لَا اُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ, "" Maksudnya : “Aku bersumpah dengan Hari Kiamat”. Manakala contoh bersumpah pada kata

¹²⁶ Siti Ikbal bte Sheikh Salleh, Analisis Gaya Bahasa Al-Insha:’ Dalam Surah Al-Nu:r, hlm 212-217

ganti nama seperti, “أُقْسِمُ بِكَ, لِأَجْتَهِدَنَّ فِي دُرُوسِي” yang bermaksud “ Aku bersumpah dengan kamu, sesungguhnya aku akan bersungguh-sungguh dalam pelajaranku”.

- b. Al-wa:w (الوَاوُ) digunakan pada semua muqam bih, tetapi pada al-ism al-za:hir sahaja seperti firman Allah S.W.T dalam Surah al-An‘a:m ayat 23, ""
رَبَّنَا مَا كُنَّا مُشْرِكِينَ وَاللَّهِ Maksudnya : “Demi Allah Tuhan kami, kami tidak pernah menjadi orang-orang yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain)”.
- c. Al-ta:’ (التَّاءُ) digunakan pada al-isim al-za:hir dan dikhususkan pada lafaz Allah S.W.T (لَفْظُ الْجَلَالَةِ) sahaja seperti firman Allah S.W.T dalam Surah al-Anbiya’ ayat 57, وَمَتَّالِلَهُ لِأَكِيدَنَّ أَصْنَامَكُمْ Maksudnya : “Dan demi Allah, aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu.
- d. Al-la:m (اللَّامُ) digunakan pada al-ism al-za:hir dan dikhususkan pada nama Allah S.W.T sahaja seperti “ لِلَّهِ, لِأَخْرُجَنَّ مِنْ هَذَا الْبَيْتِ ” yang bermaksud “ Demi Allah, aku akan keluar dari rumah ini ”.

2. Penggunaan al-Fi‘l

Sumpah yang menggunakan al-fi‘l (أَقْسَمَ , حَلَفَ , شَهِدَ) sebagaimana berikut :-

- a. “أُقْسِمُ بِاللَّهِ إِنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ” bererti “ Aku bersumpah dengan nama Allah, sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah”
- b. “أَحْلِفُ بِاللَّهِ إِلَيَّ مُخْلِصٌ لَكَ” yang bererti “ Aku bersumpah, sesungguhnya aku ikhlas kepadamu ”.

- c. “يَشْهَدُ اللهُ أَنِّي صَادِقٌ” yang bererti “ Allah bersaksi, sesungguhnya aku seorang yang benar ”.
- d. “يَعْلَمُ اللهُ أَنِّي بَرِيءٌ” yang bererti “ Allah mengetahui, sesungguhnya aku tidak bersalah ”.

3. Penggunaan al-Ism

Sumpah yang menggunakan lafaz-lafaz al-ism ini pernah dipraktikkan oleh orang-orang Arab pada zaman jahiliah dahulu. Antaranya (عُمْرٌ, حَقٌّ, أَبٌ) :-

- a. “لَعْمُرِكَ مَا أَخْطَأْتُ فِي هَذَا”¹²⁷ yang bermaksud, “ Demi umur kamu, aku tidak bersalah dalam hal ini.”
- b. “وَحَقِّهِ مَا جِئْتُ بِتُّهْمَةٍ” yang bermaksud, “ Demi kebenaran kamu, tidaklah aku mendatangkan sesuatu tuduhan ”.
- c. “وَأَبِيكَ مَا كَذَبْتُ عَلَيْكَ” yang bermaksud, “Demi bapa kamu, tidaklah aku berdusta kepadamu ”.

Selepas kelahiran Islam, seseorang hamba tidak boleh bersumpah kecuali dengan nama Allah S.W.T sahaja. Rasulullah s.a.w bersabda, “ مَنْ حَلَفَ بِغَيْرِ اللَّهِ فَقَدْ كَفَرَ أَوْ ” yang bermaksud, “ Sesiapa yang bersumpah dengan sesuatu yang lain daripada Allah, maka ia akan menjadi kafir atau syirik”.¹²⁸

Hanya Allah S.W.T sahaja yang boleh bersumpah dengan apa sahaja yang dikehendaki-Nya kerana kebesaran-Nya dan keagungan-Nya.

¹²⁷ Dr 'I:sa: 'Ali Al-'Aqub, Al-Ka:fi: fi: 'Ulu:m Al-Bala:ghat al-'Arabiyyat, hlm 249.

¹²⁸ Sunan al-Tirmidhi:yy: Ba:b al-Nazar wa al-Qasam : 1975 :juz 4: 110

JADUAL 13

Lafaz-Lafaz Bersumpah (الْقَسْمُ)

Al-Ism	Al-Fi'1	Al-Harf
لَعْمُرِكَ مَا أَخْطَأْتُ فِي هَذَا	أُقْسِمُ بِاللَّهِ إِنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ	لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ
وَحَقِّهِ مَا جِئْتُ بِتُهْمَةٍ	أَحْلِفُ بِاللَّهِ إِلَيَّ مُخْلِصٌ لَكَ	وَاللَّهِ رَبَّنَا مَا كُنَّا مُشْرِكِينَ
وَأَيِّكَ مَا كَذَبْتُ عَلَيْكَ	يَشْهَدُ اللَّهُ أَنِّي صَادِقٌ	وَتَاللَّهِ لَأَكِيدَنَّ أَصْنَامَكُمْ
-	يَعْلَمُ اللَّهُ أَنِّي بَرِيءٌ	لِلَّهِ, لَأَخْرُجَنَّ مِنْ هَذَا الْبَيْتِ

3.3.2.4 Al-Ta'ajjub (التَّعَجُّبُ)

Menurut 'Abdal-'Aziz 'Ati:q (1975 : 71), al-ta'ajjub dari aspek balaghah ialah melebihkan diri seseorang atau sesuatu perkara dengan satu sifat daripada sifat-sifat tertentu. 'Abba:s Hasa:n (1976 : juz 3 :339) pula menerangkan al-ta'ajjub ialah satu perasaan dalaman yang dilahirkan ketika seseorang itu membesarkan sesuatu perkara yang luar biasa, atau yang tidak ada tolok banding baginya yang tidak diketahui sebabnya, dan tidak dikatakan al-ta'ajjub kecuali dengan ciri-ciri ini. Al-ta'ajjub disampaikan melalui dua kategori lafaz sebagaimana yang berikut :-

1. Lafaz-lafaz Qia:si:yy (Lafaz-lafaz yang dibentuk dengan kaedah-kaedah yang tertentu). Contohnya :-
 - a. Dalam bentuk lafaz (مَا أَفْعَلُهُ). Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah 'Abasa, ayat 17 " فُتِلَ الْإِنْسَانُ مَا أَكْفَرَهُ " yang bermaksud, "Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar) itu, betapa besar kekufurannya ?"
 - b. Dalam bentuk lafaz (أَفْعَالٌ بِهِ). Contohnya firman Allah S.W.T dalam Surah Maryam, ayat 38 " أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا " yang bermaksud, "Sungguh

jelas pendengaran dan penglihatan mereka yang kafir itu semasa mereka datang menghadap Kami pada hari akhirat.”

2. Lafaz-lafaz Sama:’iyy (Yang masyhur didengar). Contohnya :-

- a. Menggunakan lafaz al-istifha:m (kata tanya) seperti firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah ayat 28, كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ, " yang bermaksud, “ Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Ia menghidupkan kamu.”
- b. Menggunakan ala: al-tahdi:diyyat (أَلَا التَّحْذِيضِيَّةُ) yang membawa maksud galakan seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Shu’ara:’ ayat 10-11, “ وَإِذْ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰ أَنْ أَتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ قَوْمَ فِرْعَوْنَ أَلَا يَتَّقُونَ ” yang bermaksud, “Dan (ingatlah) tatkala Tuhanmu menyeru Nabi Musa: “
Datangilah kaum zalim itu, iaitu kaum fir’awn, tidakkah mereka mahu bertakwa ”.
- c. Menggunakan kata nafi: (ma: nafi:) seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Naml ayat 20, “ وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهُدْهَدَ أَمْ كَانَ مِنَ الْغَائِبِينَ ” yang bermaksud, “ Dan Nabi Sulaiman memeriksa kumpulan burung (yang turut serta dalam tenteranya) lalu berkata:“ Mengapa aku tidak melihat burung belatuk? Apakah dia termasuk orang yang tidak hadir? ”
- d. Menggunakan lafaz Subḥa:nallah (سُبْحَانَ اللَّهِ), seperti sabda Rasulullah s.a.w, “ سُبْحَانَ اللَّهِ! إِنَّ الْمُؤْمِنَ لَا يَنْجَسُ ” yang bermaksud, “ Maha suci Allah ! Sesungguhnya orang yang beriman itu keadaannya tidak najis ”¹²⁹

¹²⁹ Sahih Muslim : Kita:b al-Hay:d: juz 1: 673)

- e. Menggunakan kata seruan (يَا) seperti “ يَا لَكَ مِنْ مُكَافِحٍ ” yang bermaksud, “ Wahai kamu seorang pejuang ! ”.
- f. Menggunakan al-fi'l (عَجِبَ) seperti “ عَجِبْتُ مِنْ تَصَرُّفِكَ ” yang bermaksud, “ Aku hairan dengan tindak-tanduk kamu ”(Ami:rah ‘Ali: Taufi:q:1972:178).

JADUAL 14

Lafaz-Lafaz Al-Ta‘ajjub (التَّعْجُبُ)

Lafaz-lafaz qia:si:yy	Lafaz-lafaz sama:‘iyy
<p>Dalam bentuk lafaz (مَا أَفَعَلَهُ)</p> <p><u>فُتِلَ</u> الْإِنْسَانُ مَا أَكْفَرَهُ</p> <p>Dalam bentuk lafaz (أَفْعِلْ بِهِ)</p> <p>أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا</p>	<p>Menggunakan lafaz al-istifha:m</p> <p>(kata tanya)</p> <p>كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَتَافَأْ حِيَكُمْ</p> <p>Menggunakan ala: al-tahdi:diyyat</p> <p>(أَلَا التَّحْضِيضِيَّةُ)</p> <p>وَإِذْ نَادَى رَبُّكَ مُوسَىٰ أَنْ آتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ</p> <p>قَوْمَ فِرْعَوْنَ أَلَا يَتَّقُونَ</p> <p>Menggunakan kata nafi: (ma: nafi:)</p> <p>وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهَدْهَدَ أَمْ كَانَ</p> <p>مِنَ الْعَائِلِينَ</p>

	<p>Menggunakan lafaz Subḥā:nallah (سُبْحَانَ اللَّهِ) سُبْحَانَ اللَّهِ ! إِنَّ الْمُؤْمِنَ لَا يَنْجُسُ</p> <p>Menggunakan kata seruan (يَا) يَا لَكَ مِنْ مُكَافِحٍ</p> <p>Menggunakan al-fi‘l (عَجِبَ) عَجِبْتُ مِنْ تَصَرُّفِكَ</p>
--	---

3.3.2.5 Al-Raja:’ (الرَّجَاءُ)

Al-Raja:’ dari aspek Balaghah ialah harapan terhadap sesuatu perkara yang digemari pada perkara yang harus terjadi dan diharapkan keberhasilannya dalam masa yang hampir. Lafaz ini diungkapkan dengan menggunakan huruf (لَعَلَّ) dan tiga Al-fi‘l iaitu (عَسَى), (حَرَى) dan (اِخْلَوْلَقَ).

1. Dalam bentuk satu huruf iaitu (لَعَلَّ). Contohnya dalam puisi Zi al-Rummah :-

لَعَلَّ اِخْلَوْلَقَ الدَّمْعُ يُعَقِّبُ رَاحَةً مِنْ الْوَجْدِ، أَوْ يَشْفِي شَحِي الْبَلَابِلِ

Maksudnya : “Moga-mogalinangan air mata dapat menjadi penawar kerinduan atau dapat menyembuhkan kegelisahan dan kesusahan yang memenuhi dada”

2. Dalam bentuk 3 lafaz kata kerja iaitu (عَسَى), (حَرَى) dan (اِخْلَوْلَقَ) :-

a. Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Ma'idah ayat 52, فَعَسَىٰ اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَهُ " " بِالْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِّنْ عِنْدِهِ " "Maksudnya : “Mudah-mudahan Allah akan mendatangkan kemenangan (kepada Rasulullah dan umat Islam) atau mendatangkan sesuatu hukuman dari sisi-Nya terhadap golongan yang munafik itu).

b. Kata Penyair al-'Asha:':-

" فَحَرَىٰ أَنْ يَكُونَ ذَاكَ، وَكَانَا " إِنْ يُقُلُّ هُنَّ مِنْ بَنِي عَبْدِ شَمْسٍ

Maksudnya : “ Sekiranya dia mengatakan mereka daripada kabilah ‘Abd al-Shams, maka mudah-mudahan benarlah apa yang dikatakan.”

c. إِخْلَوْلَقَ الْحَقُّ أَنْ يَظْهَرَ” yang bermaksud, “Mudah-mudahan kebenaran akan muncul.”

Wajib disertakan an al-masdariyyat sebelum al-fi‘l al-muḍari:‘ sekiranya digunakan pada al-fi‘l (حَرَى) dan (إِخْلَوْلَقَ). Contoh selain di atas, “ حَرَى الْمَرِيضَانُ ” yang bermaksud, “ Moga-moga orang yang sakit itu sembuh” dan seperti “ إِخْلَوْلَقَتِ السَّمَاءُ أَنْ تُمَطَّرَ ” yang bermaksud, “ Moga-moga langit itu akan menurunkan hujan ” (‘Abd Al-Ḥami:d Al-Sayyid Ṭalab: 1982: juz 1: 240).

JADUAL 15

Lafaz-Lafaz Al-Raja:’ (الرَّجَاءُ)

Al-Fi’l	Al-Harf
<p>فَعَسَىٰ <u>اللَّهُ</u> أَنْ يَأْتِيَ بِالْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِّنْ عِنْدِهِ</p> <p>إِنْ يُقُلُّ هُنَّ مِنْ بَنِي عَبْدِ شَمْسٍ</p> <p>فَحَرَىٰ <u>أَنْ</u> يَكُونَ ذَلِكَ، وَكَانَا</p> <p>إِخْلُوقَ <u>الْحَقِّ</u> أَنْ يَظْهَرَ</p>	<p>لَعَلَّ <u>الْأُحْدَرَ</u> الدَّمْعُ يُعَقِّبُ رَاحَةً</p> <p>مِنَ الْوَجْدِ، أَوْ يَشْفِي شَجِي الْبَلَابِلِ</p>

3.3.2.6 Rubba (رُبَّ)

Rubba ialah huruf jar za:’id (kata depan tambahan) yang membariskan bawah isim na:kirot (kata nama umum) yang selepasnya. Ia digunakan untuk menunjukkan makna sedikit atau banyak (لِلتَّغْلِيلِ أَوْ لِلتَّكْثِيرِ). Penggunaan makna sedikit atau banyak pada rubba itu adalah tertakluk kepada petunjuk-petunjuk melalui ungkapan-ungkapan yang diucapkan dan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh penutur atau pendengar. (Abba:s Hasan : 1976:juz 2:522).

Contoh rubba yang menunjukkan makna sedikit (jarang berlaku) seperti, “ رُبَّ حَظٍّ سَعِيدٍ أَقْبَلَ بِغَيْرِ انْتِظَارٍ ” yang bermaksud, “ Jarang sekali nasib yang baik itu datang tanpa penantian ” dan seperti “ رُبَّ ضَعِيفٍ يَغْلِبُ قَوِيًّا ” yang bermaksud, “ Jarang sekali

orang yang lemah itu mengatasi orang yang kuat ”. (Abdul Muta‘al Al-Sa‘i:di:yy:1968:132)

Contoh rubba yang menunjukkan makna yang banyak seperti “ رَبِّ ضَارَّةٍ نَافِعَةٌ ” yang bermaksud, “ Kerap kali sesuatu yang mudarat itu memberi manfaat ”, dan seperti “ رَبِّ قَارِيٍّ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَالْقُرْآنَ يَلْعَنُهُ ” yang bermaksud, “ Kerap kali seorang qari yang membaca al-Qur’an dan al-Qur’an itu melaknatnya ”, dan seperti “ رَبِّ غَنِيِّ الْيَوْمِ فَقِيرٌ غَدًا ” yang bermaksud, “ Kerap kali orang yang kaya hari ini menjadi fakir pada hari esok ”. (Mustaffa: Al-Ghala:yi:ni: : 1992:juz 3: 204)

JADUAL 16

Penggunaan Rubba (رَبِّ)

Menunjukkan banyak	Menunjukkan sedikit
<p>رَبِّ ضَارَّةٍ نَافِعَةٌ</p>	<p>رَبِّ حَظٍّ سَعِيدٍ أَقْبَلَ بِعَيْرٍ انْتِظَارٍ</p>
<p>رَبِّ قَارِيٍّ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَالْقُرْآنَ يَلْعَنُهُ</p>	<p>رَبِّ ضَعِيفٍ يَغْلِبُ قَوِيًّا</p>
<p>رَبِّ غَنِيِّ الْيَوْمِ فَقِيرٌ غَدًا</p>	

3.3.2.7 Kam Al-Khabariyyat (الْخَبَرِيَّةُ كَمْ)

Kam Al-Khabariyyat ialah satu partikel yang menerangkan makna banyak pada bilangan tak tentu yang tidak diketahui jenisnya dan kadarnya (anggarannya). Ia

merupakan gantian kepada kata bilangan (كِنَايَةُ الْعَدَدِ) dan bererti (berapa banyak / berapa ramai). (‘Abba:s Hasan : 1976 : juz 4: 572).

Kam Al-Khabariyyat berhajat kepada tami:z yang menjelaskan kesamaran sama ada pada jenis atau kadar bilangan yang terdapat pada kam al-khabariyyatitu. Tami:z kam al-khabariyyat itu adalah ism naki:rat (kata nama umum) yang berbentuk kata tunggal genetif (مُفْرَدٌ مَجْرُورٌ) atau kata jamak genetif (جَمْعٌ مَجْرُورٌ).

Contohnya, seperti “ كَمَّ عَالِمٍ رَأَيْتُ ” bererti “ Berapa banyak orang berilmu yang telah saya lihat ”. Ayat ini bermaksud “Saya telah melihat banyak orang berilmu ”. Contoh lain seperti “ كَمَّ رِجَالٍ صَاحِبَتْهُمْ ” bererti “ Berapa ramai lelaki yang telah saya bersahabat dengan mereka ”. Ayat ini bermaksud, “Saya telah bersahabat dengan ramai lelaki ”.

Untuk menetapkan makna banyak terhadap sesuatu perkara itu, maka hendaklah dilihat dan dinilai kepada apa yang berlaku. Apabila perkara itu sudah berlaku, barulah dapat ditentukan jenisnya dan kadarnya. Faktor yang mendorong kepada penggunaan kam al-Khabariyyat ialah untuk berbangga dan memuji berlebih-lebihan pada perkara yang baik yang telah diketahui atau mencela berlebih-lebihan pada perkara yang mengaibkan. (‘Abba:s Hasan : 1976 : juz 4: 573).

3.4 Rumusan Bab

Secara umum, kupasan pembahagian uslub al-Insha:’ kepada Al-Insha:’ Al-Ṭalabiyy dan Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy ini telah memudahkan penulis untuk menganalisis puisi-puisi Imam Shafie dalam bab yang seterusnya. Uslub al-Insha:’ ini turut mengandungi maksud-maksud yang tersirat yang perlu difahami secara mendalam

bagi memahami makna sebenar lafaz-lafaz puisi. Oleh yang demikian, selain daripada terjemahan puisi melalui kamus-kamus mu'tabar, pemahaman yang teliti terhadap uslub ini juga merupakan salah-satu perkara yang penting bagi membantu dalam merungkai makna sebenar puisi.

BAB 4
ANALISIS USLUB INSHY:'IYY
DALAM ANTOLOGI PUISI IMAM SHAFIE R.A

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan mengutarakan analisis uslub Insha:'iyy yang terkandung dalam antologi puisi Imam Shafie r.a. Bab ini bertujuan mencapai objektif kedua kajian penulis iaitu menganalisis jenis-jenis Uslu:b Insha:'iyy dalam puisi Imam Shafie r.a berdasarkan teori-teori yang telah dijelaskan dalam Bab Ketiga sebelum ini. Puisi-puisi Imam Shafie akan dibahagikan kepada dua jenis uslub iaitu Al-Insha:' Al-Ṭalabiyy dan Al-Insha:' Ghayr Al-Ṭalabiyy. Kemudian penulis akan mengenalpasti maksud-maksud tersirat di sebalik pengucapan lafaz al-Insha:' dalam puisi Imam Shafie bagi mencapai objektif kajian penulis yang ketiga

Antologi puisi Imam Shafie r.a ialah himpunan puisi karya Imam Shafie r.a. Antologi puisi ini terdiri daripada 18 Qa:fiaṭ iaitu Qa:fiaṭ al-'Alif, al-Ba:', al-Ta:', al-Ji:m, al-Ḥa:', al-Da:l, al-Ra:', al-Si:n, al-Ṣa:d, al-Ḍa:d, al-'Ayn, al-Fa:', al-Ka:f, al-La:m, al-Mi:m, al-Un:n, al-Ha:' dan al-Ya:'. Setiap Qa:fiaṭ mengandungi baris-baris puisi yang telah disusun mengikut tajuk-tajuk tertentu.

Analisis yang dibuat hanya terbatas untuk Qa:fiaṭ al-Ta'. Penulis memilih untuk mengkaji Qa:fiaṭ al-Ta:' sahaja kerana qa:fiaṭ ini mengandungi pelbagai contoh uslub al-Insha:' secara menyeluruh. Qa:fiaṭ ini mengandungi 34 baris puisi yang telah dibahagikan kepada 11 tajuk sepertimana Jadual 17 berikut :-

Bil	Tajuk Puisi	Bilangan Bait Puisi
1.	جَزَا اللهُ عَنَّا ...	5
2.	النَّاسُ دَاءٌ	4
3.	لَيْسَ عِنْدِي	2
4.	كَبَّرَ عَلَيْهِ	4
5.	مَنْ لِي بِهَذَا؟	4
6.	آلِ النَّبِيِّ ذُرِّيَعَتِي	2
7.	النَّاسُ بِالنَّاسِ	5
8.	لَا بُجْبُهُ	2
9.	قَدْ ضَلُّوا	2
10.	مَا عَطَفُوا	2
11.	يَحْمِي جَمَاهُ	2

Jadual 17 :Senarai tajuk puisi dalam Qa:fiat al-Ta:’ dan jumlah bait puisi.

4.1 Terjemahan Puisi Qa:fiat Al-Ta:’

a. Tajuk Puisi 1 - ... جَزَا اللهُ عَنَّا

قَالَ الرَّبِيعُ بْنُ سُلَيْمَانَ سَمِعْتُ الْإِمَامَ أَبَا عَبْدِ اللَّهِ الشَّافِعِي يَقُولُ:

Al-Ra:bi’ bin Sulaima:n telah mendengar Imam Shafie r.aberkata:-

Bait Pertama

جَزَا اللهُ عَنَّا جَعْفَرًا حِينَ أُزْلِقَتْ بِنَا نَعْلُنَا فِي الْوَاطِئِينَ فَرَلَّتْ

Maksud : Semoga Allah membalas kebaikan ke atas Bani Jaafar yang telah membantu kami ketika sepatah kami tergelincir berhampiran musuh-musuh.

Bait Kedua

هُم خَلَطُونَا بِالنُّفُوسِ وَأَجَاؤَا
إِلَى حُجْرَاتٍ أَدْفَأَتْ وَأَظْلَمَتْ

Maksud : Mereka telah bersama-sama kami dengan sepenuh hati dan mereka melindungi kami ke dalam bilik-bilik yang dapat mengekalkan kepanasan dan menaungi kami.

Bait ketiga

أَبَوْا أَنْ يَمْلُؤُنَا وَلَوْ أَنَّ أُمَّنَا
تُؤَلِّفِي الذِّي يَلْقَوْنَ مِنَّا لَمَلَّتْ

Maksud : Mereka tidak sekali-kali jemu dengan kami dan kalaulah ibu kami bertemu orang yang menjumpai kami sudah pasti ibu akan jemu.

Bait keempat

وَقَالُوا هَلُمُّوا الدَّارَ حَتَّى تَبَيَّنُوا
وَتَنْجَلِي الْعَمَاءِ عَمَّا بَجَلَّتْ

Maksud : Dan mereka telah berkata, silalah ke rumah sehingga mereka jelas dan terungkailah penderitaan yang nyata.

Bait kelima

وَمِنْ بَعْدِ مَا كُنَّا لِسَلْمَى وَأَهْلِهَا
عَبِيدًا وَمَلَّتْنَا الْبِلَادَ وَمَلَّتْ

Maksud : Dan selepas itu, kami tidak menjadi hamba lagi bagi Salma dan keluarganya dan negeri itu telah menjemukan kami dan kami pun menjadi jemu.

b. Tajuk Puisi 2 - النَّاسُ دَاءٌ

وَقَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ يَصِفُ سُمُّوَ أَخْلَاقِهِ وَهِيَ عُنْوَانُ الْأَدَابِ الْإِسْلَامِيَّةِ وَالْإِنْسَانِيَّةِ الْمِثْلِيِّ:

Imam Shafier.a telah berkata dalam memperihalkan ketinggian akhlaknya yang merupakan satu bahagian dalam adab-adab Islam dan kemanusiaan yang menjadi contoh:

Bait Pertama

لَمَّا عَفَوْتُ وَمَ أَحَقِّدُ عَلَى أَحَدٍ أَرَحْتُ نَفْسِي مِنْ هَمِّ الْعَدَاوَاتِ

Maksud : Apabila aku telah memaafkan dan aku tidak sekali-kali dengki kepada sesiapa, aku telah dapat merehatkan diriku daripada kesedihan permusuhan.

Bait kedua

إِنِّي أَحْيِي عَدُوِّي عِنْدَ رُؤْيَتِهِ لِأَدْفَعِ الشَّرَّ عَنِّي بِالتَّحِيَّاتِ

Maksud : Sesungguhnya aku menghormati musuhku ketika melihatnya agar aku dapat menolak kejahatan daripadaku dengan rasa hormat tersebut.

Bait ketiga

وَأُظْهِرُ الْبِشْرَ لِلْإِنْسَانِ أَنْعِضُهُ كَمَا إِنْ قَدْ حَشَا قَلْبِي مَحَبَّاتِ

Maksud : Aku pameran kegembiraan untuk orang yang aku benci sebagaimana telah penuhnya hatiku dengan kasih-sayang.

Bait keempat

النَّاسُ دَاءٌ وَدَاءُ النَّاسِ قُرْبُهُمْ وَفِي اعْتِزَالِهِمْ قَطْعُ الْمَوَدَّاتِ

Maksud : Manusia itu adalah penyakit, dan penyakit manusia itu datang ketika mendekati mereka. Tetapi apabila menjauhkan diri dari mereka maka akan terputuslah pula kasih-sayang.

c. Tajuk Puisi 3 - ... لَيْسَ عِنْدِي

وَقَالَ الشَّافِعِيُّ مُعَبَّرًا عَنْ أَلَمِهِ إِذَا عَجَزَ عَنْ إِسْعَافِ ذَوِي الْحَاجَةِ مِنْ أَهْلِ الْمُرُوءَاتِ :

Imam Shafier.a telah berkata dalam menggambarkan penderitaannya ketika beliau tidak mampu menghulurkan bantuan kepada orang yang meminta kepadanya iaitu golongan yang bemaruah.

Bait Pertama

يَا هَنَفَ نَفْسِي عَلَى مَالٍ أُفْرِقُهُ عَلَى الْمُقْلِيِّينَ مِنْ أَهْلِ الْمُرُوءَاتِ

Maksud : Alangkah sedihnya diriku terhadap harta yang dibahagi-bahagikan kepada orang-orang yang memerlukannya dan yang mempunyai maruah.

Bait kedua

إِنَّ اعْتِدَارِي إِلَى مَنْ جَاءَ يَسْأَلُنِي لَيْسَ عِنْدِي لِمَنْ إِحْدَى الْمُصِيبَاتِ

Maksud : Sesungguhnya ketidakmampuanku untuk memberi kepada orang yang telah datang meminta-minta kepadaku. Diriku yang tidak mempunyai sesuatu untuk merekamerupakan salah satu musibah.

d. Tajuk Puisi 4 - كَبُرَ عَلَيْهِ

قَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ يَدْعُو إِلَى تَحْمُلِ صَعَابِ التَّعَلُّمِ دَفْعًا لِدَلِّ الْجُهْلِ وَوَطْأَتِهِ فِي الْحَيَاةِ :

Maksud : Imam Shafie r.a telah berkata dalam seruannya untuk menanggung kesusahan belajar bagi menjauhkan kehinaan kebodohan yang berpanjangan dalam kehidupan.

Bait Pertama

إِصْبِرْ عَلَى مَرِّ الْجَفَا مِنْ مُعَلِّمٍ فَإِنَّ رُسُوبَ الْعِلْمِ فِي نَفْرَاتِهِ

Maksudnya : Bersabarlah di atas pedihnya kekerasan (teguran dan kritikan) seorang guru. Sesungguhnya kegagalan dalam mendapatkan ilmu itu kerana menjauhinya.

Bait Kedua

وَمَنْ لَمْ يَذُقْ مُرَّ التَّعْلَمِ سَاعَةً بَجَرَ ذُلَّ الْجَهْلِ طَوَّلَ حَيَاتِهِ

Maksud : Sesiapa yang tidak pernah mengecapi pahit getir menuntut ilmu walaupun seketika, maka ia akan terjerumus ke dalam kehinaan kejahilan seumur hidupnya.

Bait Ketiga

وَمَنْ فَاتَهُ التَّعْلِيمُ وَقَتَ شَبَابِهِ فَكَبَّرَ عَلَيْهِ أَرْبَعًا لَوْفَاتِهِ

Maksud : Dan sesiapa yang tidak memanfaatkan masa mudanya untuk menuntut ilmu, maka bertakbirlah empat kali sebagai tanda kematiannya.

Bait Keempat

وَذَاتُ الْفَتَى - وَاللَّهِ - بِالْعِلْمِ وَالتَّقَى إِذَا لَمْ يَكُونَا لَا اعْتِبَارَ لِذَاتِهِ

Maksud : Dan pemuda yang sejati – demi Allah – adalah dengan ilmu dan ketakwaan. Jika kedua-duanya tidak dimilikinya maka ia bukanlah pemuda sejati.

e. Tajuk Puisi 5 - مَنْ لِي بِهَذَا ؟

وَقَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ يَصِفُ شَمَائِلَ الْإِخْوَانِ الصَّادِقِينَ وَالْأَصْدِقَاءِ الْأَوْفِيَاءِ الْغَمِينِينَ بِالْوُدِّ وَالثَّقَّةِ :

Imam Shafie r.a berkata dalam memperihalkan kesempurnaan saudara-saudara yang jujur dan sahabat-sahabat yang sempurna dengan kedua-dua nilai iaitu kasih-sayang dan kebolehpercayaan.

Bait Pertama

أُحِبُّ مِنَ الْإِخْوَانِ كُلِّ مُوَاتِي وَكُلَّ غَضِيضِ الطَّرْفَيْنِ عَتْرَاتِي

Maksudnya : Aku suka dengan sahabat-sahabat yang sentiasa bersefahaman denganku dan dengan sahabat yang menundukkan pandangan daripada melihat kelemahanku.

Bait Kedua

يُؤَافِقُنِي فِي كُلِّ أَمْرٍ أُرِيدُهُ وَيَحْفَظُنِي حَيًّا وَبَعْدَ مَمَاتِي

Maksud : Dia selalu menemaniku dalam setiap urusan yang kuperlukan dan dia selalu menjaga nama baikku semasa hidup ataupun setelah aku mati.

Bait Ketiga

فَمَنْ لِي بِهَذَا ؟ لَيْتَ أَنِّي أَصَبْتُهُ لَقَاسَمْتُهُ مَالِي مِنَ الْحَسَنَاتِ

Maksud : Maka siapakah yang sudi menjadi teman seperti itu ? Kalaulah aku telah menjumpainya maka aku akan membahagi-bahagikan hartaku ke arah kebaikan.

Bait Keempat

تَصَفَّحْتُ إِخْوَانِي فَكَانَ أَقَلَّهُمْ عَلَى كَثْرَةِ الْإِخْوَانِ أَهْلُ ثِقَاتِي

Maksud : Aku memerhatikan sahabat-sahabatku, Maka adalah sedikit di kalangan mereka itu yang boleh kupercayai.

f. Tajuk Puisi 6 - آلُ النَّبِيِّ ذُرِّيَعَتِي

وَرَدَ فِي كِتَابِ (نُورِ الْأَبْصَارِ) لِلشَّيْخِ قَوْلُ الشَّافِعِيِّ يَذْكُرُ تَوَسُّلَهُ بِآلِ النَّبِيِّ وَرَجَاءَهُ الْمَعْفُودَ عَلَيْهِمْ :

Disebut di dalam kitab Un:r al-'Abṣar oleh Shablanji kata-kata Imam Shafie r.a menyebut tawassulnya dengan keluarga Nabi S.A.W dan harapannya yang telah dijanjikan.

Bait Pertama

أُلُّ النَّبِيِّ ذَرِيَعَتِي وَهُمْو إِلَيْهِ وَسِيَلَتِي

Maksud : Keluarga Nabi adalah perantaraanku. Dan kesedihan kepadanya merupakan perantaraanku.

Bait Kedua

أَرْجُو بِهِمُ أُعْطِيَ غَدًا بِيَدِي الْيَمِينِ صَحِيفَتِي

Maksud : Aku mengharapkan dengan keredhaan mereka (keluarga Nabi S.A.W), aku diberikan esok buku catatan amalanku dengan tangan kananku.

g. Tajuk Puisi 7 - النَّاسُ بِالنَّاسِ

وَمِنْ شِعْرِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ فِي الْحُضِّ عَلَى الْمَكَارِمِ وَتَحَامِدِ النَّفْسِ قَوْلُهُ :

Antara puisi Imam Shafie r.a yang menggesa kemuliaan dan kepujian diri ialah :-

Bait Pertama

النَّاسُ بِالنَّاسِ مَا دَامَ الْحَيَاةُ بِهِمْ وَالسَّعْدُ لَأَشَكَ تَارَاتُ وَهَبَاتُ

Maksud : Manusia tetap bersama manusia selagimana mereka dapat memimpin kehidupan. Dan kebahagiaan itu pasti sentiasa datang dan merupakan satu anugerah.

Bait Kedua

وَأَفْضَلُ النَّاسِ مَا بَيْنَ الْوَرَى رَجُلًا تُقْضَى عَلَى يَدِهِ لِلنَّاسِ حَاجَاتُ

Maksud : Sebaik-baik manusia ialah seorang lelaki yang sentiasa memenuhikeperluan manusia.

Bait Ketiga

لَا تَمْنَعَنَّ يَدَ الْمَعْرُوفِ عَنْ أَحَدٍ مَا دُمْتَ مُقْتَدِرًا فَالْسَّعْدُ تَارَاتُ

Maksud : Jangan kamu sekali-kali menghalang dirimu daripada berbuat baik kepada orang lain selagimana kamu berkemampuan. Maka kebahagiaan itu pasti akan datang berkali-kali.

Bait Keempat

وَاشْكُرْ فَضَائِلَ صُنْعِ اللَّهِ إِذْ جَعَلَتْ إِيَّاكَ لَا لَكَ عِنْدَ النَّاسِ حَاجَاتُ

Maksudnya : Bersyukurlah dengan kelebihan-kelebihan ciptaan Allah. Jika dikurniakan kepada kamu kelebihan-kelebihan tersebut, maka kamu tidak perlu lagi mengharapkan orang lain.

Bait Kelima

قَدْ مَاتَ قَوْمٌ وَمَا مَاتَتْ مَكَارِمُهُمْ وَعَاشَ قَوْمٌ وَهُمْ فِي النَّاسِ أَمْوَاتُ

Maksudnya : Sesungguhnya telah mati satu kaum tetapi tidak mati kemuliaan mereka. Manakala hidup satu kaum tetapi pada tanggapan manusia sebenarnya mereka telah mati.

h. Tajuk Puisi 8 - لَا تُجِبْهُ

وَقَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ نَاهِيًا عَنِ مُحَاظَبَةِ السَّفِيهِ نَاصِحًا بِأَنْ يَكُونَ سُكُوتُكَ هُوَ الْجَوَابُ عَلَى نُطْقِهِ :

Imam Shafie r.a menegah daripada berkata-kata dengan orang yang bodoh dan memberi nasihat agar diam itu merupakan jawapan ketika bercakap dengannya.

Bait Pertama

إِذَا نَطَقَ السَّفِيهِ فَلَا جُوبَهُ فَخَيْرٌ مِنْ إِبَابَتِهِ السُّكُوتُ

Maksud : Apabila bercakap orang bodoh, maka jangan engkau menjawabnya.

Maka sebaik-baik jawapannya ialah diam.

Bait Kedua

وَإِنْ خَلَيْتَهُ كَمَا يَمُوتُ فَإِنْ كَلَّمْتَهُ فَرَجَّتْ عَنْهُ

Maksudnya : Sekiranya kamu berkata kepadanya, maka bebaskanlah diri kamu darinya.

Dan sekiranya kamu tinggalkan dia tanpa sebarang jawapan maka dia akan mati dalam kesedihan.

i. Tajuk Puisi 9 - قَدْ ضَلُّوا

وَجَاءَ فِي خَزِينَةِ الْأَسْرَارِ لِمُحَمَّدِ النَّازِلِيِّ رَأْيُ الشَّافِعِيِّ بِالْقُضَاةِ الَّذِينَ بَاعُوا الدِّينَ بِالدُّنْيَا :

Dalam Kitab Khaziri:naṭ al-'Asra:r oleh Muḥammad al-Nazili:, Imam Shafier.a telah mendapati gabenor-gabenor yang menjual agama dengan dunia.

Bait Pertama

فُقِضَاهُ الدَّهْرَ قَدْ ضَلُّوا فَقَدْ بَانَتْ خَسَارَتُهُمْ

Maksud : Gabenor-gabenor kini telah sesat. Maka sesungguhnya telah jelas kerugian mereka.

Bait Kedua

فَبَاعُوا الدِّينَ بِالدُّنْيَا فَمَا رَجَحَتْ تِجَارَتُهُمْ

Maksud : Maka mereka telah menjual agama dengan dunia. Dan tidak untung perniagaan mereka.

j. Tajuk Puisi 10 - مَا عَطَّفُوا

حَدَّثَ عَبْدُ اللَّهِ الْأَصْبَهَانِيُّ فِي (حُلِيِّ الْأَوْلِيَاءِ) نَقْلًا عَنْ أَبِي نَصْرِ أَنَّهُ قَالَ : سَمِعْتُ أَبَا عَبْدِ اللَّهِ ابْنَ أَخِي وَهَبَ يَقُولُ :

‘Abd Allah al-’Aṣḥaba:ni telah berkata dalam kitab Hulliyyatul Awliya:’ yang dipetik daripada Abi Naṣr sesungguhnya beliau telah berkata:- Aku telah mendengar Ayah Abdullah anak kepada abangku Wahab berkata :-

Bait Pertama

وَأَنْطَقَتِ الدَّرَاهِمُ بَعْدَ صَمْتٍ أَنْاسًا بَعْدَمَا كَانُوا سُكُونًا

Maksud : Wang itu telah menjadikan manusia berkata-kata selepas mereka mendiamkan diri.

Bait Kedua

فَمَا عَطَّفُوا عَلَيَّ أَحَدٍ بِفَضْلٍ وَلَا عَرَفُوا لِمَكْرَمَةٍ تُبُونًا

Maksud : Mereka tidak memberikan sesuatu kepada sesiapa pun dengan nikmat kurniaan Allah dan mereka tidak tahu bahawa kemuliaan itu adalah benar.

k. Tajuk Puisi 11 - يَحْمِي حِمَاهُ

قَالَ الشَّافِعِيُّ مُشِيدًا بُنَاةَ بِيُوتِ اللَّهِ نَاصِحًا بِالتَّمَّاسِ الْحَيْرِ عِنْدَهُمْ دُونَ سِوَاهُمْ :

Imam Shafier.berkata tentang orang-orang yang membina Rumah Allah sebagai nasihat supaya sentiasa melakukan kebaikan kepada mereka iaitu orang-orang yang membina Rumah Allah.

Bait Pertama

إِذَا رُمَّتِ الْمَكَارِمُ مِنْ كَرِيمٍ فَيَمَّمُ مَنْ بَنَى لِلَّهِ بَيْتًا

Maksud : Apabila engkau mencari kemuliaan daripada orang yang mulia, maka dekatilah orang yang telah membina Rumah Allah (masjid).

Bait Kedua

فَدَاكَ اللَّيْثُ مَنْ يَحْمِي حِمَاهُ وَيُكْرِمُ ضَيْفَهُ حَيًّا وَمَيِّتًا

Maksud : Itulah singa yang memelihara kawasannya dan memuliakan tetamunya, sama ada hidup atau mati.

4.2 Analisis Insha: ‘ Talabiyy Dalam Puisi Qa:fiat al-Ta:’ Imam Shafie r.a

4.2.1 Al-’Amr (Ayat Perintah)

Dalam Qa:fiat al-Ta:’ ini, terdapat 4 baris puisi yang mengandungi lafaz fi’l al-’Amr. Baris-baris puisi tersebut ialah :-

1. إِصْبِرْ عَلَى مُرِّ الْجَفَا مِنْ مُعَلِّمٍ فَإِنَّ رُسُوبَ الْعِلْمِ فِي نَفَرَاتِهِ

Maksudnya : Bersabarlah di atas pedihnya kekerasan (teguran dan kritikan) seorang guru. Sesungguhnya kegagalan dalam mendapatkan ilmu itu kerana menjauhinya.

Dalam barispuisi di atas, Imam Shafie r.a menggunakan fi’l al-’Amr (إِصْبِرْ) yang bermaksud “ bersabarlah” dalam ungkapan beliau. Lafaz fi’l al-’Amr ini telah terkeluar daripada maksud hakiki (perintah atau arahan) kepada maksud al-’Irsha:d (nasihat) supaya bersabar dalam menghadapi kekerasan, teguran atau kritikan seorang guru. Bagi menarik perhatian pendengar, Imam Shafie r.a telah menyebut kesan negatif

sekiranya seseorang itu tidak bersabar iaitu kegagalan memperolehi ilmu kerana menjauhi gurunya. Sikap menjauhkan diri daripada guru tersebut berkemungkinan disebabkan rasa malu, rendah diri atau putus asa yang menyelubungi fikiran seseorang penuntut ilmu ekoran ketiadaan kesabaran dalam diri. Lafaz “bersabarlah” yang disusuli dengan kesan negatif tidak bersabar telah menguatkan nasihat ungkapan puisi tersebut.

Sesungguhnya bersabar adalah cara yang terbaik semasa menuntut ilmu. Ini kerana seseorang yang menuntut ilmu sudah pasti menempuh pelbagai kesukaran sepanjang berhadapan dengan gurunya. Walaupun teguran dan kritikan yang diterima itu mengguris perasaan seseorang ketika menuntut ilmu namun itulah yang akan memuliakan seseorang itu pada masa depan. Seseorang itu mustahil menjadi yang terbaik tanpa sebarang kritikan daripada gurunya. Berkat kesabaran dan bimbingan daripada gurulah seseorang itu akan menjadi hebat dan disanjung masyarakat. Kesabaranlah yang menjadikan seseorang itu lebih tabah dan matang dalam melakukan sesuatu. Islam juga turut menggambarkan sabar sebagai sifat yang mulia sehinggakan sabar itu dianggap sebahagian daripada iman. Oleh yang demikian, ungkapan sabar yang digunakan oleh Imam Shafier.a ini bukanlah merupakan satu perintah semata-mata tetapi lebih merupakan satu galakan atau nasihat yang sudah pasti memberi semangat terhadap orang yang hampir berputus asa dalam menimba ilmu supaya lebih gigih dan rajin .

2. فَكَبِّرْ عَلَيْهِ أَرْبَعًا لَوْ فَاتِهِ وَمَنْ فَاتَهُ التَّعْلِيمُ وَقَتَّ شَبَابِهِ

Maksudnya : Dan sesiapa yang hilang (waktunya) menuntut ilmupada masa mudanya, maka bertakbirlah empat kali di atas kematiannya.

Dalam puisi di atas, Imam Shafie r.a menggunakan lafaz fi'l al-'Amr yang disertai huruf fa:' al-shart (فَكَبِّرْ) yang bermaksud "bertakbirilah". Lafaz ini telah terkeluar daripada maksudnya yang hakiki (perintah atau suruhan) kepada maksudnya yang tersirat iaitu al-tahqi:r (penghinaan). Ini kerana lafaz asal perintah supaya bertakbir empat kali bermaksud perintah menunaikan solat jenazah. Perintah ini sama sekali tidak boleh difahami kerana tidak berlakunya kematian yang sebenar. Tetapi kematian yang dimaksudkan oleh Imam Shafie r.a ialah luputnya masa menuntut ilmu semasa zaman muda yang hanya dapat difahami melalui penggunaan lafaz man al-shart sebelumnya yang bermaksud "sesiapa yang hilang (waktunya) menuntut ilmupada masa mudanya." Manakala jawa:b al-shart pula menggunakan lafaz fa:' al-shart yang bersambung dengan fi'l al-'Amr (فَكَبِّرْ). Jelaslah di sini lafaz al-fi'l al-'Amr bukanlah bermaksud perintah yang hakiki, tetapi mempunyai maksud al-tahdhi:r (peringatan) terhadap orang yang tidak menggunakan masa mudanya untuk menuntut ilmu.

Berdasarkan puisi di atas, dapatlah difahami bahawa betapa ruginya orang yang terlepas masa belajar ketika usia muda. Ini kerana usia muda merupakan usia yang paling sesuai untuk menimba ilmu ekoran daya ingatan yang kuat dan kukuh. Apabila meningkat tua ingatan menjadi semakin lemah dan agak sukar untuk menguasai sesuatu ilmu. Oleh itu Imam Shafier.a menuntut kita supaya bertakbir sebanyak 4 kali kepada orang yang terlepas menuntut ilmu semasa waktu mudanya. Perkataan takbir ini didatangkan dalm bentuk penghinaan kepada orang yang leka pada usia muda tanpa menuntut ilmu. Takbir sebanyak empat kali ini biasanya dilakukan dalam solat jenazah apabila berlaku kematian. Kebiasaanya, apabila sesuatu perkara dikaitkan dengan kematian sudah pasti akan menimbulkan rasa takut dan gerun kepada pendengarnya. Ini tidak lain tidak bukan adalah merupakan al-tahdhi:r iaitu satu peringatan kepada pendengar supaya tidak mensia-siakan usia ketika muda sebelum datangnya umur tua.

3. وَاشْكُرْ فَضَائِلَ صُنْعِ اللَّهِ إِذْ جَعَلَتْ إِلَيْكَ لَا لَكَ عِنْدَ النَّاسِ حَاجَاتُ

Maksudnya : Bersyukurlah dengan kelebihan-kelebihan ciptaan Allah (nikmat) yang telah dikurniakan kepada kamu. Dengan kelebihan-kelebihan ciptaan (nikmat) tersebut, maka kamu tidak perlu lagi meminta-minta daripada manusia lagi.

Imam Shafier.a telah menggunakan lafaz fi'l al-'Amr (اشْكُرْ) yang bermaksud “bersyukurlah” dalam puisi di atas. Lafaz tersebut bukanlah satu perintah yang hakiki, tetapi lebih merupakan satu ajakan untuk menarik perhatian pendengar iaitu al-tashwi:q. Ini kerana kebiasaannya, ajakan untuk bersyukur ini disampaikan dengan nada suara yang lembut agar pendengar tertarik hati untuk mengikutinya. Berbeza dengan perintah hakiki yang biasanya menggunakan nada suara yang agak tinggi. Untuk mengajak seseorang bersyukur, maka nada yang rendah dan lembut diperlukan bagi memenuhi ajakan tersebut. Sekiranya ajakan tersebut dinyatakan dengan maksud perintah asal yang hakiki, nescaya pendengar akan berpaling daripada mengikutinya. Sesuatu yang baik biasanya disampaikan dengan cara yang lembut tanpa memaksa seseorang untuk melakukannya. Oleh yang demikian lafaz “bersyukur” tersebut telah terkeluar daripada maksudnya yang asal (perintah) kepada maksud yang tersirat iaitu (al-Tashwi:q). Tarikan supaya bersyukur ini kemudiannya disusuli dengan lafaz kebaikan bersyukur iaitu dapat menjauhkan diri daripada sikap suka meminta-minta daripada manusia.

Petikan puisi di atas merupakan bait ketiga daripada empat bait. Dalam dua bait yang pertama, Imam Shafie r.a telah menyebut orang yang paling baik di kalangan manusia iaitu orang yang sentiasa memenuhi keperluan manusia yang lain dan tegahan agar tidak menghalang diri daripada berbuat kebaikan. Manakala dalam bait terakhir Imam Shafie r.a membuat perbandingan di antara golongan yang sentiasa diingati

keluhuran akhlaknya walaupun telah meninggal dunia berbanding golongan yang masih hidup tetapi seolah-olah telah mati dan dilupai orang ramai kerana keburukan akhlaknya.

Sebagaimana yang diketahui, Islam sememangnya menganjurkan sikap bersyukur atau berterima kasih di atas segala nikmat-nikmat ciptaan yang telah dikurniakan oleh Allah. Melalui nikmat-nikmat tersebutlah manusia dapat menggunakannya untuk memenuhi keperluan dan keselesaan hidup. Ini bertujuan supaya manusia menjauhi sifat meminta-minta antara satu sama lain. Terpujanglah di atas kebijaksanaan manusia membongkar rahsia alam dalam menguruskan dan menggunakan nikmat tersebut ke arah kebaikan. Tuntutan bersyukur sebenarnya telah banyak dirakamkan di dalam Al-Quran. Terdapat pelbagai ayat al-Quran yang menggesa manusia bersyukur, kelebihan daripada sifat syukur tersebut dan akibat tidak bersyukur. Seruan bersyukur terhadap nikmat-nikmat kurniaan Allah S.W.T oleh Imam Shafier.a di dalam puisi tersebut merupakan pengulangan daripada perintah asal Allah S.W.T terhadap manusia. Pengulangan tersebut diolah semula oleh Imam Shafie r.a dalam bentuk puisi sebagai tarikan kepada manusia untuk bersyukur dengan apa yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T.

4. فَيَمَّمْ مَنْ بَنَى لِلَّهِ بَيْتًا إِذَا رُمَّتِ الْمَكَارِمُ مِنْ كَرِيمٍ

Maksudnya : Apabila engkau mencari kemuliaan daripada orang yang mulia, maka dekatilah orang yang telah membina Rumah Allah (masjid).

Dalam bait puisi ini, Imam Shafie r.a menggunakan lafaz fi'l al-'Amr (فَيَمَّمْ) yang bermaksud “dekatilah”. Pada asalnya, lafaz ini menuntut pendengar supaya

menghampiri orang yang membina masjid. Perintah hakiki ini amat sukar untuk dilakukan kerana kebanyakan masjid dibina melalui peruntukan khas atau sumbangan orang ramai yang tidak diketahui orangnya. Besar kemungkinan orang yang memberi sumbangan tersebut tidak dapat dikenalpasti. Oleh itu, lafaz perintah ini telah terkeluar dari maksudnya yang asal dan membawa maksud lain yang tersirat. Penulis berpendapat maksud yang ingin disampaikan oleh Imam Shafie r.a ini ialah al-'Ikra:m (memuliakan) orang yang membina masjid dan bukanlah menghampirinya. Dalam bait puisi selepasnya, orang yang membina masjid ini diumpamakan seperti seekor singa yang menjaga kawasannya dan menghormati tetamunya sama ada hidup atau mati. Begitu juga halnya golongan yang membina masjid iaitu rumah Allah yang bertujuan memuliakan tetamu atau pengunjung masjid sama ada yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia.

Membina rumah Allah (masjid) merupakan satu ibadah yang besar pahalanya di sisi Allah S.W.T. Ini kerana di dalam masjidlah orang ramai berkumpul menunaikan ibadah dan bermunajat dengan sempurna. Bagi Imam Shafier.a membina masjid itu sudah merupakan pengorbanan yang sangat besar demi meningkatkan syiar Islam. Masjid merupakan salah satu lambang perpaduan umat Islam. Masjid juga merupakan tempat perhimpunan umat Islam bukan sahaja untuk menunaikan ibadat solat secara berjemaah tetapi merupakan pusat politik, ekonomi, sosial, kesenian Islam dan sebagainya. Oleh yang demikian, orang yang membina masjid telah membuat sumbangan yang besar dalam Islam dan ini menunjukkan betapa mulianya hati mereka. Imam Shafie r.a amat menyanjungi orang yang membina masjid. Lafaz perintah “ dekatilah ” yang disaran oleh Imam Shafie tersebut merupakan satu penghormatan atau disebut al-ikram (الإِكْرَام) buat orang yang telah membina masjid.

4.2.2 Al-Nahy (Ayat Larangan)

Dalam Qa:fiat al-Ta:' ini, terdapat 2 baris puisi yang mengandung lafaz al-nahy. Baris-baris puisi tersebut ialah :-

1. لَا تَمْنَعَنَّ يَدَ الْمَعْرُوفِ عَنْ أَحَدٍ مَا دُمْتَ مُقْتَدِرًا فَالْسَّعْدُ تَارَاتٍ

Maksudnya :Jangan sekali-kali kamu menghalang dirimu daripada berbuat baik kepada orang lain selagimana kamu berkemampuan. Maka kebahagiaan itu pasti akan datang berkali-kali.

Dalam baris puisi di atas, Imam Shafie r.a menggunakan lafaz la: al-Na:hiyat (لَا تَمْنَعَنَّ) yang bermaksud “ jangan sekali-kalikamu menghalang”. Larangan tersebut dikuatkan lagi dengan denganpenambahan nu:n al-tawki:d. Lafaz ini berbentuk larangan hakiki yang melarang seseorangdaripada mengelakberbuat baik selagi berkemampuan melakukannya. Penggunaan lafaz la: al-Na:hiyat ini sebenarnya bukanlah mengetengahkan perbuatan menghalang tersebut tetapi bertujuan memberi peringatan (al-Taḥdhi:r) kepada pendengar agar berterusan melakukan kebaikan. Pendengar akan lebih tersentuh hatinya apabila mendengar bentuk lafaz la al-Na:hiyat berbanding lafaz fi'l al-'Amr. Oleh itu larangan ini telah terkeluar dari maksudnya yang asal kepada maksudnya yang tersirat iaitu peringatan agar sentiasa melakukan kebaikan selagi berkemampuan.

Bait puisi ini mempunyai kaitan dengan bait puisi sebelumnya. Dalam bait puisi sebelumnya, Imam Shafie r.a menyatakan sebaik-baik manusia ialah yang sentiasa menghulurkan bantuan kepada orang lain. Penghargaan terhadap manusia diucapkan terlebih dahulu bagi membangkitkan semangat pendengar sebelum disusuli dengan

lafaz la al-Na:hiyat agar pendengar tidak tersalah faham erti larangan yang dimaksudkan.

Berhenti atau tidak berbuat baik hanya merugikan diri sendiri kerana setiap perkara baik yang kita lakukan pasti akan dibalas baik oleh Allah S.W.T walaupun sebesar zarah. Perkara yang baik ialah perkara yang mendatangkan manfaat sama ada kepada diri sendiri ataupun kepada orang lain. Sudah menjadi lumrah alam bahawa kadang-kadang perbuatan baik yang ingin dilakukan oleh seseorang dipandang remeh atau serong kerana perasaan buruk sangka dan hasad dengki. Melalui puisi inilah Imam Shafier.a menyuarkan larangan yang berbentuk peringatan atau al-Taḥdhi:r kepada pendengar agar tidak sekali-kali berhenti berbuat baik. Menurut Imam Shafie r.a kebahagiaan akan dapat dikecapi dan muncul berkali-kali selagimana kita berusaha bersungguh-sungguh ke arah kebahagiaan tersebut.

2. إِذَا نَطَقَ السَّفِيهُ فَلَا تُجِبْهُ فَخَيْرٌ مِنْ إِيَابَتِهِ السُّكُوتُ

Maksudnya : Apabila bercakap orang bodoh, maka jangan engkau menjawabnya. Maka sebaik-baik jawapannya ialah diam.

Berdasarkan bait puisi di atas, Imam Shafier.a melarang kita menjawab percakapan orang yang bodoh. Larangan tersebut menggunakan lafaz la: al-Na:hiyat yang bersambung dengan huruf fa:’ sebagai jawa:b al-sharṭ (فَلَا تُجِبْهُ) yang bermaksud “Jangan engkau menjawabnya”.Manakala cara yang terbaik membalasnya ialah dengan hanya berdiam diri sahaja. Sekiranya larangan ini berbentuk hakiki, ini bermakna semua percakapan dan pertanyaan daripada orang bodoh tidak perlu dilayan. Perkara ini

sesuatu yang tidak boleh diterima akal kerana boleh menyinggung perasaan orang yang bodoh sekiranya mereka tidak dilayan. Sebenarnya yang dimaksudkan di sini ialah hanyalah percakapan atau pertanyaan yang tidak elok dan tidak mendatangkan faedah atau manfaat. Berdiam diri akan memberhentikan percakapan mereka yang tidak elok tersebut kerana mereka berasakan diri tidak dilayan. Oleh itu lafaz la: al-Na:hiyaṭ ini tidak membawa maksud larangan hakiki tetapi mengandungi maksud yang tersirat iaitu suatu nasihat yang di sebut (al-'Irsha:d).

Dalam bait seterusnya, Imam Shafie r.a menggesa pendengar agar menjauhkan diri apabila orang yang bodoh berkata-kata. Apabila mereka dijauhi atau tidak dilayan, maka mereka akan berasa sedih dan berhenti bercakap perkara yang tidak berfaedah.

Sememangnya tidak berguna berbicara dengan orang bodoh yang banyak mengeluarkan kata-kata tanpa berfikir terlebih dahulu. Kata-kata yang dikeluarkan itu berkemungkinan mengandungi perkara yang tidak enak didengari atau mengguris perasaan orang yang mendengar. Penulis berpendapat bahawa larangan yang dikemukakan oleh Imam Shafier.a itu lebih merupakan satu nasihat (al-'Irsha:d) supaya kita berhati-hati apabila berhadapan dengan orang bodoh yang sedemikian kerana hanya membuang masa sahaja dan merupakan perbuatan yang sia-sia.

4.2.3 Al-Istifha:m (Kata Tanya)

Dalam Qa:fiyaṭ al-Ta:' ini, terdapat 1 baris puisi yang mengandungi lafaz al-istifha:m. Bait puisi tersebut ialah :-

1. فَمَنْ لِي بِهَِذَا؟ لَيْتَ أَنِّي أَصَبْتُهُ لَقَاسَمْتُهُ مَالِي مِنَ الْحَسَنَاتِ

Maksudnya :Maka siapakah yang sudi menjadi temanku seperti itu ?

Kalaulah aku telah menjumpainya maka akan aku bahagi-bahagikan hartaku yang baik-baik.

Dalam bait puisi di atas, Imam Shafier.a mengajukan soalan dengan menggunakan kata tanya man (مَنْ) yang didahului huruf fa:' yang bermaksud “Maka siapakah yang sudi menjadi temanku seperti itu?” Sekiranya pertanyaan tersebut merupakan pertanyaan biasa, maka akan ramailah yang mengaku untuk menjadi teman kepada Imam Shafie r a . Pertanyaan ini bukanlah pertanyaan untuk dijawab oleh sesiapa, tetapi sebenarnya merupakan gambaran melahirkan rasa kekecewaan kerana beliau belum berjumpa dengan teman yang dimaksudkan. Oleh itu pertanyaan hakiki ini terkeluar daripada pertanyaan yang biasa dan membawa maksud yang tersirat iaitu luahan rasa kekecewaan atau disebut al-Tahassur (التَّحَسُّر).

Dalam dua bait sebelum ini, Imam Shafie r.a menyatakan bahawa beliau suka kepada teman-teman yang sentiasa bersefahaman dan bersama-sama beliau dalam semua urusan serta yang tidak memandang kelemahan beliau. Namun teman sebenar yang dicari oleh beliau ialah teman yang dapat menjaga nama baik beliau sama ada ketika hidup mahupun selepas meninggal dunia.

Imam Shafie r.a berharap beliau akan berjumpa dengan teman yang dimaksudkan dan berjanji untuk membahagi-bahagikan hartanya yang baik-baik sekiranya beliau telah bertemu dengan teman yang dimaksudkan. Penulis berpendapat persoalan ini dilafazkan oleh Imam Shafie r.a ini bukanlah tawaran harta semata-mata tetapi sebenarnya lebih merupakan luahan rasa kekecewaan iaitu al-tahassur (التَّحَسُّر). Sahabat yang baik bukan sahaja sahabat yang sentiasa bersama-sama kita ketika susah

dan senang semasa hidup sahaja tetapi juga sahabat yang sentiasa menjaga nama baik temannya walaupun temannya telah meninggal dunia. Teman yang sedemikianlah yang dirasakan sukar dicari oleh Imam Shafier.a sehinggakan beliau sanggup membahagi-bahagikan hartanya sekiranya berjumpa dengan teman sedemikian.

4.2.4 Al-Tamanniyy (Angan-angan)

Terdapat 1 bait puisi yang mengandungi lafaz al-tamanniyy dalam Qa:fiat al-Ta:’ ini. Bait puisi tersebut ialah :-

1. فَمَنْ لِي بِهَذَا ؟ لَيْتَ أَنِّي أَصْبَتْهُ لَقَاسَمْتُهُ مَالِي مِنَ الْحَسَنَاتِ

Maksudnya : Maka siapakah yang sudi menjadi temanku seperti itu ?
Kalaulah aku telah menjumpainya maka akan aku bahagi-bahagikan hartaku yang baik-baik.

Kata (لَيْتَ) dalam baris puisi di atas merupakan lafaz al-tamanniyy yang menunjukkan sesuatu yang disukai tetapi tidak boleh dipenuhi kerana kemustahilan untuk memperolehnya atau kesukaran untuk mendapatkannya. Ini menunjukkan keadaan Imam Shafie r.a yang gembira sekiranya dapat bertemu dengan teman yang dimaksudkan sehingga beliau sanggup membahagi-bahagikan harta-hartanya kepada teman tersebut. Namun perkara tersebut mustahil akan berlaku kerana kesukaran untuk mencari teman yang benar-benar jujur dan ikhlas dalam menjaga nama baik beliau semasa hidup mahupun setelah meninggal dunia. Lafaz tersebut sebenarnya lebih merupakan angan-angan semata-mata yang sukar dicapai bak kata pepatah Melayu ‘kawan ketawa mudah dicari tapi kawan menangis sukar dicari’. Begitulah realitinya

yang berlaku pada zaman sekarang kerana sikap mementingkan diri sendiri yang lebih daripada mementingkan diri orang lain.

4.2.5 Al-Nida:’ (Kata Seru)

Dalam Qa:fiat al-Ta:’ ini, terdapat 1 baris puisi yang mengandungi lafaz al-Nida:’. Baris-baris puisi tersebut ialah :-

1. يَا لَهْفَ نَفْسِي عَلَى مَالٍ أَفْرَقُهُ عَلَى الْمُقْلِينَ مِنْ أَهْلِ الْمُرُوءَاتِ

Maksudnya : Alangkah sedihnya diriku terhadap harta yang dibahagi-bahagikan kepada orang-orang yang memerlukannya yang mempunyai maruah.

Dalam bait puisi di atas, Imam Shafie r.a menggunakan harf al-nida:’ ya:’ (يَا) bagi melahirkan rasa sedih beliau di atas ketiadaan hartanya untuk dibahagi-bahagikan kepada orang-orang miskin. Lazimnya, lafaz ini merupakan kata seru yang jauh tetapi digunakan untuk menyeru kesedihan di jiwa Imam Shafie r.a yang mungkin dianggap jauh di lubuk hati beliau. Penggunaan kata seru dengan sesuatu yang tidak boleh menyahut seruan tersebut iaitu kesedihan adalah sesuatu yang tidak dapat diterima akal. Berkemungkinan lafaz ini diluahkan oleh Imam Shafie r.a untuk mengelakkan berlakunya prasangka buruk orang ramai terhadap beliau yang tidak berupaya bersedekah ketika didatangi orang miskin. Ini kerana Imam Shafie r.a merupakan seorang ulama:’ yang disegani dan pernah menjawat jawatan yang penting dalam kerajaan. Kehilangan harta Imam Shafie r.a mungkin disebabkan kehilangan jawatan beliau di dalam kerajaan. Dalam bait puisi selepasnya, Imam Shafie r.a menyebut ketidakmampuan beliau memberi kepada yang datang meminta kepadanya

merupakan satu musibah buat diri beliau. Oleh yang demikian, penulis berpendapat bahawa kat lafaz al-Nida:’ tersebut sebenarnya merupakan tanda kekesalan beliau iaitu al-tahassur (التَّحَسُّرُ) kerana tidak mampu membantu orang-orang miskin yang datang bertemu dengannya ketika ketiadaan harta.

4.3 Analisis Insha:’ Ghayr Talabiyy Dalam Puisi Qa:fiat al-Ta:’ Imam Shafie r.a

4.3.1 Al-Qasam (Sumpah)

Dalam Qa:fiat al-Ta:’ ini, terdapat 1 baris puisi yang mengandungi lafaz al-Qasam. Baris puisi tersebut ialah :-

وَذَاتُ الْفَتَى - وَاللَّهِ - بِالْعِلْمِ وَالْتَقَى إِذَا لَمْ يَكُونَا لَا اِعْتِبَارَ لِذَاتِهِ 1.

Maksudnya : Dan pemuda yang sejati – demi Allah – adalah dengan ilmu dan ketakwaan. Jika kedua-duaciri tersebut tidak dimilikinya, maka ia bukanlah pemuda sejati.

Imam Shafie r.a menggunakan lafaz sumpah yang disertai oleh huruf wa:w (والله) yang bermaksud “demi Allah”. Kebiasaannya apabila disebut lelaki sejati, maka pendengar biasanya akan membayangkan seorang lelaki yang kuat dari segi fizikalnya. Oleh sebab itulah Imam Shafie r.a menggunakan lafaz sumpah tersebut bagi mengukuhkan pengucapan puisi kerana menurut beliau, pemuda yang benar-benar sejati bukanlah yang kuat dari segi fizikal tetapi pemuda yang berilmu dan bertakwa. Penegasan dengan menggunakan lafaz qasam (والله) ini sangat penting bagi memberi

keyakinan kepada pendengar bahawa dengan ilmu dan taqwalah menjadikan seseorang itu pemuda sejati. Fizikal yang kuat semata-mata bukanlah kayu pengukur bagi lelaki sejati kerana sekuat mana sekalipun seorang lelaki itu, tanpa ilmu dia berkemungkinan dikalahkan dengan tipu daya muslihat. Manakala tanpa ketaqwaan, seorang lelaki akan menjerumuskan dirinya ke lembah yang hina kerana ketiadaan iman yang mantap.

Seorang pemuda mestilah berusaha melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan sebagai persiapan untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan. Selain itu Imam Shafie juga menekankan syarat ketakwaan untuk menjadi pemuda yang sejati. Sifat takwa merupakan sesuatu yang subjektif yang tidak nampak pada mata kasar tetapi dapat dilihat kesannya melalui tindak-tanduk dan perlakuan seseorang. Individu yang bertakwa sentiasa menjaga amalan mereka dan berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara. Segala perkara yang dilakukan hanyalah semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T. Pemuda dilihat sebagai golongan yang penting dalam sesebuah masyarakat. Pemuda yang berilmu dapat memberi sumbangan yang besar untuk kemajuan agama, bangsa dan negara. Manakala sifat takwa menjadi landasan dalam membuat sesuatu keputusan yang berdasarkan keimanan kepada Allah S.W.T. Tanpa ilmu dan takwa sudah pasti pemuda akan binasa dan hilang pedoman dibawa arus pembangunan. Syarat menjadi pemuda sejati ditegaskan dengan lafaz qasam oleh Imam Shafier.a bertujuan memberi keyakinan atau al-tawki:d(التَّوَكُّيدُ) kepada pendengar bahawa bekalan ilmu dan takwa amat penting dan tidak boleh sama sekali diabaikan.

4.4 Rumusan bab

Berdasarkan analisis yang dibuat, penulis mendapati Imam Shafie r.a lebih cenderung menggunakan uslub al-Insha:’ al-Ṭalabiyy berbanding al-Insha:’ Ghayr al-

Ṭalabiyy yang mengandungi maksud-maksud tersirat sebagaimana dalam Jadual 18 dan Jadual 19 berikut :-

Al-Insha: ' Al-Ṭalabiyy				
Bil	Jenis pengucapan	Lafaz pengucapan	Maksud Tersirat	Bilangan Pengucapan
1.	Al-'Amr	اصْبِرْ	Nasihat (الْإِزْشَادُ)	4 kali
2.		فَكِّبْرْ	Peringatan (التَّحْذِيرُ)	
3.		أَشْكُرْ	Tarikan (التَّشْوِيقُ)	
4.		فَيَمِّمْ	Penghormatan (الْإِكْرَامُ)	
5.	Al-Nahy	لَا تَمْنَعَنَّ	Peringatan (التَّحْذِيرُ)	2 kali
6.		فَلَا تُجِبْهُ	Nasihat (الْإِزْشَادُ)	
7.	Al-Istifha:m	فَمَنْ	Kekesalan (التَّحْسُرُ)	1 kali
8.	Al-Tamanniyy	لَيْتَ	-	1 kali
9.	Al-Nida:'	يَا	Kekesalan (التَّحْسُرُ)	1 kali
JUMLAH			9 kali	

Jadual 18 : Jumlah Bilangan Pengucapan Al-Insha: 'Al-Ṭalabiyy dan Maksud Tersirat

Al-Insha:' Ghayr Al-Ṭalabiyy				
Bil	Jenis pengucapan	Lafaz pengucapan	Maksud Tersirat	Bilangan Pengucapan
1.	Al-Madh / Al-Zamm	-	-	-
2.	Al-'Uqu:d	-	-	-
3.	Al-Qasam	وَاللَّهِ	Keyakinan (التَّوَكُّيدُ)	1 kali
4.	Al-Ta'ajjub	-	-	-

5.	Al-Raja:’	-	-	-
6.	Rubba	-	-	-
7.	Kam Al- Khabariyyat	-	-	-
JUMLAH			1 kali	

Jadual 19 : Bilangan Pengucapan Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy
dan Maksud Tersirat

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab terakhir ini mengandungi dua tajuk utama iaitu kesimpulan dan cadangan. Tajuk kesimpulan mengandungi kesimpulan-kesimpulan dan dapatan-dapatan penting yang berkaitan dengan kajian ini. Manakala tajuk cadangan mengutarakan beberapa cadangan yang dikemukakan untuk mempertingkatkan pemahaman dan pengajaran dalam bidang bahasa Arab khususnya dalam bidang balaghah dengan lebih berkesan.

5.1 Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dibuat, terdapat beberapa perkara yang penulis dapati sebagaimana yang berikut:-

- a. Imam Shafie mendapat pelbagai pengiktirafan sebagai tokoh bahasa Arab daripada ramai ulama' yang mu'tabar. Pengiktirafan yang diberikan itu merupakan bukti bahawa Imam Shafie bukan sahaja dikenali sebagai tokoh dalam bidang Fiqh semata-mata bahkan juga merupakan seorang tokoh bahasa Arab yang setanding dengan pakar-pakar bahasa Arab yang lain.
- b. Keadaan politik yang kondusif serta galakan pemerintah pada zaman Imam Shafie r.a merupakan faktor luaran yang memberi peluang kepada beliau mendalami bahasa Arab sejak dari kecil lagi tanpa gangguan dan kekacauan daripada pihak luar. Penglibatan Imam Shafie yang begitu lama dalam penerokaan ilmu bahasa Arab

menjadikan beliau salah seorang pakar dalam ilmu ini sebelum beliau bergiat aktif dalam ilmu fiqh. Kehebatan berbahasa Arab ini terserlah melalui pengucapan puisi beliau yang banyak mengandungi makna-makna Balaghah yang tersirat dalam konteks ayat-ayatnya.

c. Imam Shafie bijak memilih dan menyusun kata-kata yang ringkas tetapi menarik perhatian pembaca. Beliau pandai menyelami perasaan para pembaca dengan bahasa yang mudah tetapi penuh dengan pelbagai nasihat.

d. Kepelbagaian penggunaan jenis pengucapan al-Insha:' oleh Imam Shafie menunjukkan penguasaan beliau dalam bidang bahasa dengan olahan yang menarik.

e. Imam Shafie juga turut menggunakan kaedah iqtiba:s daripada ayat al-Quran dalam pengucapan puisi beliau. Kaedah ini sudah pasti mengukuhkan apa yang diperkatakan oleh beliau dalam puisi.

f. Imam Shafie bijak menggabungkan sebahagian puisi beliau dengan elemen-elemen hukum-hakam dalam al-Fiqh. Contohnya Lafaz al-'Amr (فَكَبِّرْ) yang membawa maksud “ bertakbirlah ”. Perkataan takbir untuk solat jenazah telah diketengahkan dalam puisi beliau sebagai satu peringatan.

g. Al-Insha:' al-Ṭalabiyy dan al-Insha:' Ghayr al-Ṭalabiyy merupakan dua uslub atau gaya bahasa al-Insha:' yang menjadi perbincangan penting dalam kajian ini. Kedua-dua uslub ini diungkapkan melalui lafaz-lafaz tertentu yang membezakan di antara kedua-duanya. Masing-masing mempunyai keistimewaan dan keindahan tersendiri dalam ilmu Balaghah. Namun begitu, Imam Shafie telah memberi penekanan yang

lebih terhadap penggunaan al-Insha:’ al-Ṭalabiyy berbanding al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy dalam puisi beliau.

h. Terdapat 11 baris puisi yang mengandungi uslub al-Insha:’ iaitu 9 baris puisi adalah jenis al-Insha:’ al-Ṭalabiyy dan 1 baris puisi sahaja jenis al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy. Ini menunjukkan penggunaan al-Insha:’ al-Ṭalabiyy dalam Puisi Qa:fiat al-Ta:’ lebih banyak daripada penggunaan al-Insha:’ Ghayr al-Ṭalabiyy. Jadual 18 dan Jadual 19 berikut menunjukkan kandungan Uslub al-Insha:’ iyyipuisi Imam Shafie:-

Al-Insha:’ Al-Ṭalabiyy			
Bil	Lafaz pengucapan	Jenis pengucapan	Maksud Tersirat
1.	اصْبِرْ	Al-’Amr	Nasihat (الْإِرْشَادُ)
2.	فَكْبِرْ	Al-’Amr	Peringatan (التَّحْذِيرُ)
3.	أَشْكُرْ	Al-’Amr	Tarikan (التَّشْوِيقُ)
4.	فِيْمَم	Al-’Amr	Penghormatan (الْإِكْرَامُ)
5.	لَا تَمْنَعَنَّ	Al-Nahy	Peringatan (التَّحْذِيرُ)
6.	فَلَا تُجِبْهُ	Al-Nahy	Nasihat (الْإِرْشَادُ)
7.	فَمَنْ	Al-Istifha:m	Kekesalan (التَّحْسُرُ)
8.	لَيْتَ	Al-Tamanniyy	-
9.	يَا	Al-Nida:’	Kekesalan (التَّحْسُرُ)

Jadual 20 : Lafaz, jenis pengucapan dan maksud tersirat uslub Al-Insha:’ Ṭalabiyy

Al-Insha:’ Ghayr Al-Ṭalabiyy			
Bil	Lafaz pengucapan	Jenis pengucapan	Maksud Tersirat
1.	وَاللَّهِ	Al-Qasam	Keyakinan (التَّوَكُّيدُ)

Jadual 21 : Lafaz dan jenis pengucapan serta maksud tersirat Al-Insha:’ Ghayr Ṭalabiyy

i. Berdasarkan Jadual 18, Imam Shafie cenderung menggunakan jenis pengucapan al-'Amr berbanding jenis pengucapan yang lain. Terdapat 4 kali lafaz al-'Amr yang digunakan iaitu *فَيَمِّمُ* dan *أَشْكُرُ*, *فَكَبَّرُ*, *إِصْبِرْ*.

j. Dalam puisi Qa:fiyah al-Ta:', tidak terdapat jenis pengucapan al-Madh / al-Zamm, Al-'Uqud, al-Ta'ajjub dan al-Raja:' bagi uslub al-Insha:' Ghayr Ṭalabiyy. Hanya satu jenis sahaja yang ada iaitu al-Qasam.

k. Setiap jenis pengucapan yang dilafazkan mengandungi maksud tersirat. Secara umumnya, kebanyakan Puisi Qa:fiyah al-Ta:' terdiri daripada maksud nasihat (*الْإِرْشَادُ*), Peringatan (*التَّحْذِيرُ*), Tarikan (*التَّشْوِيقُ*), Penghormatan (*الْإِكْرَامُ*), Kekesalan (*التَّحْسُرُ*) dan Keyakinan (*التَّوَكُّيدُ*).

l. Antara nilai-nilai yang terkandung dalam uslub Al-Insha:' bagi Qa:fiyah al-Ta:' Imam Shafie ialah kesabaran, cinta akan ilmu, syukur, kemuliaan, baik hati, waspada, pemurah, ketakwaan, beramal soleh dan sebagainya.

m. Setiap puisi dalam Qa:fiyah al-Ta:' ini tidak terlalu panjang dari segi bilangan barisnya. Puisi tersebut dalam lingkungan 2 hingga 5 baris sahaja. Sungguhpun begitu, terdapat nilai yang sangat berharga dalam satu-satu puisi yang diucapkan.

5.2 Cadangan

Setelah melakukan kajian ini, penulis mengemukakan cadangan-cadangan berikut untuk meningkatkan kefahaman dan menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam bidang balaghah:-

1. Tidak banyak kajian dalam bidang balaghah khususnya yang berkaitan dengan puisi Arab dilakukan di Universiti Malaya sedangkan puisi merupakan salah satu sumber untuk pemahaman balaghah yang tidak boleh dipisahkan daripada bahasa Arab selain al-Quran dan hadis. Sehubungan itu, penulis mencadangkan agar ramai pengkaji dari universiti ini meneruskan usaha penulis dalam membuat kajian ilmiah dalam bidang balaghah yang melibatkan puisi Arab agar dapat berkongsi ilmu dengan universiti-universiti lain. Banyak aspek yang boleh dikaji kerana bidang ini amat luas perbahasannya dan tidak hanya terhad kepada uslub al-Insha:’ sahaja.
2. Kajian yang dijalankan ini hanya terhad kepada seorang tokoh bahasa Arab yang meminati bidang kesusasteraan melalui pengucapan puisi. Terdapat banyak lagi tokoh bahasa Arab yang terlibat dalam pengucapan puisi Arab ini. Oleh itu penulis mencadangkan agar kajian ilmiah berkaitan tokoh bahasa Arab yang pakar dalam puisi Arab menjadi pilihan para pengkaji pada masa akan datang.
3. Berdasarkan pengalaman penulis yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, puisi merupakan sesuatu yang menyeronokkan untuk dipelajari. Ini kerana kandungannya yang memuatkan nilai-nilai estetika yang tinggi di samping pelbagai pengajaran yang boleh menarik perhatian pelajar.

Oleh itu, penulis mencadangkan puisi Arab dijadikan sebagai satu mata pelajaran elektif bagi pelajar-pelajar bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Tidak lengkap rasanya mempelajari bahasa Arab tanpa mempelajari puisi Arab dengan lebih terperinci.

4. Penulis tidak terlepas daripada menghadapi kesukaran dalam memahami teks puisi Arab Imam Shafie. Sungguhpun begitu akhirnya, penulis berjaya merungkai makna yang tersirat dalam pengucapan puisi Imam Shafie setelah melalui langkah-langkah penterjemahan yang betul. Oleh yang demikian penulis mencadangkan agar setiap pengkaji yang ingin melakukan kajian ilmiah tentang puisi Arab agar mempelajari metode penterjemahan puisi Arab terlebih dahulu sebelum menterjemahkan puisi yang ingin dikaji. Tanpa metode yang betul berkemungkinan puisi yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu tersasar jauh penterjemahannya.

5.3 Rumusan bab

Puisi merupakan salah satu bentuk kesenian yang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Di dalam puisi terselit pelbagai mesej yang ingin disampaikan oleh penulisnya. Begitu juga halnya dengan Imam Shafie dalam karya puisi beliau. Beliau mempunyai mesej yang tersendiri yang membezakan beliau dengan ulama'-ulama' bahasa yang lain. Kepelbagaian menggunakan jenis-jenis lafaz al-Insha:' telah menunjukkan ketinggian bahasa yang digunakan oleh Imam Shafie. Ini ditambah dengan maksud-maksud tersirat yang terkandung di sebalik penggunaan jenis lafaz al-Insha:' tersebut. Pengamatan yang mendalam diperlukan dalam memahami puisi Imam Shafie.

Walaupun Imam Shafie lebih terkenal dalam bidang al-fiqh, tetapi itu tidak menghalang beliau untuk berkarya sekaligus berdakwah melalui penulisan. Nilai-nilai Islam telah diterapkan oleh Imam Shafie dalam karya beliau. Banyak nasihat dan dorongan beliau dalam menghadapi hari-hari yang mendatang. Juga terdapat berbagai-bagai peringatan untuk kita jadikan panduan dalam mengharungi cabaran kehidupan di dunia.

Sesungguhnya kehebatan berpuisi Imam Shafie tersebut merupakan satu-satunya anugerah kurniaan Allah S.W.T yang tidak ternilai sesuai dengan kedudukan beliau sebagai seorang ulama' yang perlu berhadapan dengan pelbagai ragam manusia. Ungkapan-ungkapan yang menarik dalam puisi beliau sudah cukup membuktikan bahawa Imam Shafie adalah tokoh bahasa yang mu'tabar. Diharapkan kajian yang dilakukan penulis ini sedikit sebanyak dapat menarik minat pembaca sekalian untuk terus mengkaji dan membongkar rahsia puisi Imam Shafie. Sekian, terima kasih. Wassalam.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Kari:m.

Al-Quran Al-Kari:m.1989. *Tafsir Pimpinan Rahman*. Kuala Lumpur :Edaran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri

‘Abd al-Hali:m Al-Jundiyy.1994.*Al-Imam Al-Shafi’iyy Na:şir al-Sunnat Wa Wadi: ‘u al-Uşu:l*. t.t : Dar al-Ma‘arif

‘Abd Al-Rau:f Al-Muna:wa:(Taḥqi:q Sa’i:d bin ‘Umar Gha:zi:).1992.*Mana:qib al-Ima:m Al-Shafi’iyy*. Tanta: Dar al-Şaha:bat Li al-Tura:th

‘Abd Qa:hir al-Jurja:niyy.1976. *‘Asra:r al-Bala:ghat*. (Ta’li:q Muḥammad ‘Abd Mun‘im Khafaji).Qahirat :Maktabat Qahirat

‘Abd Qa:hir al-Jurja:niyy.1983. *Tarbiyyat al-Dhawq al-Bala:ghiyy*.Qahirat :Da:r Al-Ṭiba:‘ah Al-Muḥammad

Abu:‘Abd Allah Muḥammad bin Idri:s al-Sha:fi’iyy, (taḥqi:q Muḥammad ‘Afi:f Al-Za’ba).1971.*Di:wan Al-Shafi’iyy*. Beirut : al-Maktabat al-Thaqafiyyat

Abu: ‘Abd Allah Muḥammad bin Idri:s bin al-‘Abba:s bin ‘Uthma:n al-Shafi’iyy (taḥqiq Muḥammad ‘Abd al-Rahi:m).1997.*Di:wan Al-Ima:m Al-Shafi’iyy*. Beirut :Da:r al-Fikr

Abu:‘Abd Allah Muḥammad bin Idri:s (taḥqi:q Dr ‘Umar Faru:q al-Tiba:’).1995.*Di:wan al-Ima:m Al-Shafi’iyy*. Beirut :Dar al-Arqa:m bin Abi: Al-Arqa:m

Abu: Muḥammad ‘Abd Al-Rahma:n bin Abu: Ha:tim Al-Ra:zi:2003.*Ada:b al-Shafi’iyy wa Mana:qibuhu*:.Beirut : Da:r al-Kutub al-‘Ilmiyyat

Abu: Na'īm Aḥmad bin 'Abd Allah al-Aṣfaha:ni.1988.*Hilyat al- 'Awliya: ' wa Ṭabaqa:t al-Asfiya: '.*Beirut :Da:r Al-Kutub Al-'Ilmiyyat

Achmad Warson Munawwir.1984.*Al-Munawwir.*Yogyakarta : Unit Pengadaan Buku-buku Ilmiah Keagamaan

Aḥmad Rabi:'1991. *Ulu:m Al-Bala:ghat Al- 'Arabiyyat .*Amman, Jordan :Da:r Al-Fikr

'Ali: Al-Jari:m dan Mustapha 'Uthman (Pengarang), Mujiyo Nurkholis Bahrun Abu Bakar L.C dan Hj, Anwar Abu Bakar L.C (Penterjemah).1988.*Al-Bala:ghat Al-Wadi:hat .* Bandung, Indonesia :Cet. Sinar Baru

Al-Ima:m Muḥammad Abu: Zahrat, 1996.*Al-Shafi 'yy Hayatuhu wa 'Asruhu Ara: 'uhu wa Fiqhuhu.* Qahirat :Da:r al-Fikr al-'Arabiyy

Al-Khati:b Al-Qazwi:niyy.2001.*Al-Ida:t fi: Ulu:m Al-Bala:ghat.* Cet 1. Beirut : Maktabat Al-'Asriyyat

Al-Zamakhshariyy (Taḥqi:q: Muḥammad Basil 'Uyu:n al-Sud).1998.*Asa:s Al-Bala:ghat,* Cet 1. Beirut: Da:r Al-Kutub Al-'Ilmiyyat

Dr Abdul Rahman Hj Abdullah.2002.*Mendalami Bahasa Arab (Ilmu Balaghah).*Selangor: Pustaka Ilmi

Dr Aḥmad Fayru:z.tt .*Mu ḥja:m al-Udaba: ' li Yaqu:t.* Da:r al-Ma'mu:n

Dr. Akram Yu:suf 'Umar Al-Qawa:simiyy. 2012. Jilid 1 dan 2. *Ensiklopedia Imam Al-Shafie.* Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publications

Dr. Rohi Al-Ba'albakiyy1999. *Al-Mawri:d.*Beirut:Da:r El-Ilm Lilmalayin

Faḍl Ḥasan ‘Abba:s.1989.*Al-Bala:ghaṭ al-Muftara: ‘Alaiha: Baina Al-Asalaṭ wa Al-Ṭab ‘iyyaṭ*.Cet 1.Beirut : Da:r al-Un:r

Faḍl Ḥasan ‘Abba:s.*Al-Bala:ghaṭ Funu:nuha wa Afna:nuha Ilmu Ma’a:niyy*.1987.Omman:Da:r al-Furqa:n

Fakhr Al-Di:n al-Ra:zi:, Muḥammad bin ‘Umar bin Husayn (taḥqi:q Dr Aḥmad Hajazi al-Saqa:).1993.*Mana:qib al-Ima:m Al-Shafi ‘iyy*.Beirut:Da:r al-Ji:l

Fu’a:d Ni’maṭ.1973.*Mulakkhaṣ Qawa: ‘id al-Lughaṭ al-‘Arabiyyaṭ* . Qahiraṭ:Al-Maktab Al-‘Ilmiyy

Haji Azhari Othman.2003.*Tazkirah Al-Sha:fi ‘iyy*. Kuala Lumpur:Pustaka Haji Abdul Majid

Ḥami:d ‘Awni. t.t . Al-Minhaj Al-Wa:diḥ Li Al-Bala:ghaṭ.Kaherah:Maktabah Ja:mi‘ah Al-Azhariyyaṭ

Hamzaṭ Al-Nashra:ti:tt .*Naṣir al-Sunnaṭ al-Ima:m al-Sha:fi ‘iyy*. Kaherah:Maktabaṭ al-Qimaṭ

Ibnal-Manzu:r.t.t.*Lisa:n Al- ‘Arab*. Beirut :Da:r Al-Sayr

Ibra:hi:m Muṣṭafa.1972.*Al-Mu ḡa:m al-Wasi:t*. al-Maktabaṭ al-Islamiyyaṭ

In’am Al-Fawwal Al-‘Akawiyy.1992.*Mu ḡam Al-Mufaṣṣal fi: ‘Ulu:m Al-Bala:ghaṭ*.Beiru:.,D:ar Al-Kutub.

Mahmu:d Isma:i:l Siniyy.1996. *Al-Mu ḡa:m al-Siya:qi:*.Beirut:Maktabaṭ Lubna:n

Muhammad ‘Alif Al-Za’by.2004.*Nasihah Imam Syafie*.Kuala Lumpur:Crescent News

- Muhammad Taufiq Abu 'Ali.2001.*Al-Imam al-Shafi'i Faqihan Wa Mujtahidan* Beirut:Dar al-Taqrib Baina Mazhab Al-Islamiyyah
- Muhammad Zahrah.2011.*Biografi Gemilang Imam Syafie*. Puchong:Jasmin Publications
- Muhammad Zaini Yahya.2012.*Kisah Pengembaraan Imam Syafie*. Kuala Lumpur:Dar al-Nu'man
- Najihah Abd. Wahid.2002.*Al-Tahlil Al-Lughawi Dari Puisi-Puisi Terpilih Diwan As-Shafi'i Mengikut Metode Muhammad 'Abd al-Ghani Al-Misr*. UKM, MASTER PTSL
- Roslan bin Ab Rahman.2005.*Isti'arah Dalam Surah Al-Baqarah : Satu Analisis Balaghah*.Kuala Lumpur : Fakulti Bahasa Dan Linguistik UM
- Sa'ad Husain Umar Maqbul. tt.*Al-Adab wa Al-Nusus wa Al-Balaghah*. Jam'iyyah Al-Dakwah Al-Islamiyyah Al-'Alamiyyah.
- Sakinah Ariff Johor. 2008.*Al-Imam Al-Syafi'i Kegemilangan ilmu dan Pemikiran*.Shah Alam:Karya Bestari SDN BHD
- Sayuqi Daif.t.t.*Al-Balaghah Tatawwur wa Tarikh*.Kaherah:Dar Al-Ma'arif
- Shihabuddin Abu 'Abdullah Yaqut bin 'Abdullah al-Hamawi Al-Rumi al-Baghdadi.1997Jil 5-6.*Mu'jam Al-Buldan*. Beirut:Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
- Siti Ikbal Syeikh Salleh. 1999. *Analisis Gaya Bahasa al-Insha: 'Dalam Surah Al-Nu:r*. Phd UM
- Tahuddin Abu Nasr 'Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi Al-Subki, (tahqiq Mustafa 'Abd Al-Qadir Ahmad 'Ata).1999.*Tabaqat al-Syafi'i Al-Kubra*. Beirut:Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah
- Tengku Ghani Tengku Jusoh.2001.*Beberapa Panduan Untuk Mempelajari Syair Arab* Kuala Lumpur:Karisma Publications SDN BHD

Wan Azura Wan Ahmad.2003.*Peranan Syair Dalam Penghujahan Bahasa Arab Serta Pandangan Rasulullah S.A.W Mengenainya*. UKM :MASTER PTSL